

## BAB VI

### ANALISIS STRUKTUR AYAT DALAM SURAH MARYAM

#### 6.0 Pendahuluan

Bab ini akan membicarakan struktur ayat dalam surah Maryam. Penulisan dimulakan dengan pengenalan ringkas surah Maryam, diikuti kupasan balaghah struktur ayat surah Maryam. Penulis menghuraikan unsur-unsur balaghah yang merupakan i'ja:z baya:niyy.

#### 6.1 Surah Maryam Satu Pengenalan

Surah ini dinamakan surah Maryam berdasarkan kisah Maryam (a.s) yang disebut dalam ayat 16-29 surah ini. Dalil yang menunjukkan nama bagi surah Maryam ialah Hadith yang diriwayatkan daripada Ibn Mas'ud (r.a) berkata:

بَنِي إِسْرَائِيلَ كَهْفٌ وَمَرْيَمٌ وَطِهَ وَالْأَنْبِيَاءُ هُنَّ مِنَ الْعِتَاقِ الْأُولَى وَهِنَّ مِنْ تِلَادِي  
"Surah Bani: Isra:'il, al-Kahf, Maryam, Ṭa:ha: dan al-Anbiya:',  
merupakan (surah-surah) lama yang awal, ia merupakan harta lamaku  
yang asal."<sup>1</sup>

Selain nama surah Maryam, para sarjana tafsir menyebut nama lain baginya iaitu surah Ka:f Ha: Ya: 'Ayn Ṣa:d berasaskan kepada Hadith Ummu Salamah yang panjang tentang peristiwa hijrah umat Islam ke Habsyah. Riwayat tersebut menyebut Ja'far bin Abu Talib membaca permulaan surah Kaf Ha: Ya: 'Ayn Ṣa:d di hadapan al-Najasyi.<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Hadith riwayat Imam al-Bukha:riyy, Kita:b al-Tafsi:r, Ba:b Tafsi:r Su:raṭ al-Anbiya:', no. hadith. 4739.

<sup>2</sup> Lihat hadith riwayat Imam Aḥmad dalam musnadnya, j. 3, hal. 263-268, no. hadith 1740. Menurut Syu'aib al-Arna:uṭ hadith ini isnadnya ḥasan.

Surah Maryam merupakan surah yang ke-19 mengikut susunan Mushaf dan tergolong dalam kumpulan surah-surah Makkiyah. Surah Maryam merupakan surah yang ke-44 dari segi penurunannya; diturunkan sebelum surah Ta:ha: dan selepas surah Fa:ṭir. Menurut Ibn 'A:syu:r surah ini diturunkan pada tahun ke-4 kenabian berasaskan peristiwa Islam Saidina Umar (r.a) pada tahun tersebut setelah mendengar bacaan Surah Ta:ha: oleh saudara kandungnya Fatimah dan iparnya Said bin Zayd (r.a).<sup>3</sup>

Surah ini terdiri daripada 98 ayat yang mengandungi tujuan-tujuan berikut:

- (a) Menolak tuduhan orang Yahudi terhadap Nabi Isa (a.s) dan ibunya Maryam. Surah ini menerangkan kesucian keluarga 'Imra:n dari perbuatan terkutuk dan merupakan keluarga yang beriman kepada Allah (s.w.t).
- (b) Mengangkat dan meninggikan sekumpulan para Rasul dan Nabi (a.s) serta menerangkan sikap generasi kemudian yang mengikut hawa nafsu dan mengabaikan solat kecuali mereka yang bertaubat, beriman dan beramal soleh.
- (c) Membuktikan ketulenan al-Qur'an dalam membawa berita gembira dan memberi peringatan serta Allah mempermudah untuk memahaminya dengan bahasa Arab sebagai bahasa al-Qur'an.
- (d) Memberi amaran kepada orang yang mendustakan al-Qur'an.
- (e) Menjelaskan kemuliaan Nabi Zakaria (a.s) apabila Allah (s.w.t) mengurniakan kepadanya zuriat yang istimewa iaitu Yahya (a.s) dengan cara yang luar biasa iaitu semasa usianya sudah tua dan isterinya mandul.
- (f) Menjelaskan kemuliaan Maryam (a.s) yang melahirkan anak dengan cara yang luar biasa dan kesucian Isa (a.s) yang diberi irkha:ṣ<sup>4</sup> boleh bertutur ketika masih bayi.
- (g) Menjelaskan kemuliaan Ibrahim, Ya'qub, Ishak, Ismail, Musa dan Idris (a.s).
- (h) Gambaran nikmat syurga dan ahlinya.

---

<sup>3</sup> Ibn 'A:syu:r (1997), *op.cit.*, j. 16, hal. 58.

<sup>4</sup> Irkha:ṣ bermaksud perkara luar biasa yang dikurniakan kepada Nabi dan Rasul sebelum mereka dilantik menjadi rasul.

- (i) Memberi peringatan kepada orang musyrikin bahawa mereka akan menyesal kerana menyembah berhala.
- (j) Janji kemenangan Rasul (s.a.w) ke atas musuh.<sup>5</sup>

## 6.2 Kandungan Utama Surah Maryam

Secara keseluruhannya surah ini membincangkan persoalan tauhid dan menolak golongan yang mensyirikkan Allah (s.w.t). Surah ini turut menyentuh persoalan hari kebangkitan yang diragui oleh golongan musyrikin. Kandungan utama surah ini boleh dibahagikan kepada dua kategori utama, iaitu:

- (a) Bahagian kisah-kisah yang meliputi hampir dari dua pertiga dari surah. Bahagian ini menjelaskan kisah para Nabi dan hubungan mereka yang rapat dengan Allah (s.w.t) serta hubungan kekeluargaan mereka antara bapa, anak atau adik-beradik. Bahagian ini tidak menyentuh berhubung konfrontasi antara mereka dengan kaum mereka seperti dalam surah-surah lain. Bahagian ini bermula dari ayat 1-58.
- (b) Bahagian fakta perdebatan Rasul (s.a.w) dengan orang-orang musyrikin yang mengingkari dua persoalan utama iaitu hari kebangkitan dan tauhid. Bahagian ini bermula dari ayat 59 sehingga akhir surah.<sup>6</sup>

---

<sup>5</sup> Ibn 'A:syu:r (1997), *op.cit.*, j. 16, hal. 58-59.

<sup>6</sup> al-Ḥasna:wiyy (2006), *op.cit.*, hal. 134-136.

### 6.3 Fungsi Penegasan Dalam Surah Maryam

Terdapat pelbagai partikel penegasan yang digunakan dalam surah Maryam. Ia dapat dilihat seperti dalam jadual di bawah:

**Jadual 6.1 Partikel Penegasan Dalam Surah Maryam**

BIL	NO.AYAT	AYAT	PARTIKEL PENEGASAN
1	4	لَ رَبِّ <u>لِيُنْهِينَ</u> الْعَظْمُ مِنِّي	إِنَّ
2	5	فَلْيَلِي <u>الْمَوَالِي</u> مِنْ وَرَائِي	إِنَّ
3	7	يَا <u>كُتَيْبَاتِنَا</u> بَغْلًا مِ اسْمِهِ يَجِي	إِنَّ
4	8	وَقَدْ <u>بَلَغَتْ</u> مِنَ الْكِبَرِ عِتْيًا	قَدْ
5	9	وَقَدْ <u>حَمَلْتِكِ</u> مِنْ قَبْلُ	قَدْ
6	18	إِنِّي <u>هُدًى</u> بِالرَّحْمَنِ مِنْكَ	إِنَّ
7	24	قَدْ	
8	26	لِنَائِي <u>لِلرَّحْمَنِ</u> صَوْمًا	
9	27	قَدْ	
10	30	إِنِّي	
11	36	لِلرَّحْمَنِ <u>وَرَبُّكُمْ</u>	
12	40	إِنَّا <u>نَحْنُ</u>	،ضَمِيرُ الْفَصْلِ
13	41	إِنَّهُ	
14	43	إِنِّي <u>قَلْبِي</u> مِنَ الْعِلْمِ مَا لَمْ يَأْتِكَ	
15	44	إِنَّ <u>كَانَ</u> لِلرَّحْمَنِ عَصِيًّا	
16	45	فَلْيَلِي <u>أَنْ</u> يَمَسَّكَ عَذَابٌ مِنَ الرَّحْمَنِ	
17	46	لَنْ <u>لَمْ</u> تَلَهُ رَجْمَكَ	
18	47	سَعَفَرُ <u>لَكَ</u> رَبِّي إِنَّهُ <u>كَانَ</u> بِي حَفِيًّا	
19	51	كُرِّ <u>بِي</u> إِنَّهُ <u>مَخْلُصًا</u>	
20	54	فِي <u>الْكِتَابِ</u> إِسْمَاعِيلَ إِنَّهُ	
21	56	فِي <u>الْكِتَابِ</u> إِدْرِيسَ إِنَّهُ	

22	61	عَدَنْ الَّتِي وَعَدَ الرَّحْمَنُ عِبَادَهُ بِالْغَيْبِ إِنَّهُ كَانَ وَعْدُهُ مَاتِيًّا	
23	66	لَسَوْفَ	
24	67	خَالَفْتَنَاهُ مِنْ قَبْلُ وَلَمْ يَكُ شَيْئًا	
25	68	لَنَحْشُرَنَّهُمْ ثُمَّ لَنَنْحَضِرَنَّهُمْ	
26	69	ثُمَّ لَنُنزِعَنَّ مِنْ كُلِّ شَيْعَةٍ إِيَّاهُمْ أَشَدَّ عَلَى الرَّحْمَنِ عِتِيًّا	
27	70	ثُمَّ لَنُنحِنَنَّ أَغْلَمًا بِالذِّينِ هُمْ أَوْلَىٰ بِهَا صِدِّ	
28	77	لَا أُوتِينَ	
29	79	سَنَكْتَبُ	
30	83	أَلَمْ تَرَ أَنَا	
31	89	لَقَدْ	
32	94	لَقَدْ	
33	96	سَيَجْعَلُ لَهُمُ الرَّحْمَنُ وُدًّا	إِنَّ

Berikut adalah huraian kepada fungsi balaghah penggunaan penegasan dalam surah Maryam;  
**Ayat 4 dan ayat 5 :**

Firman Allah (s.w.t) :

قَالَ رَبِّ إِنِّي وَهَنَ الْعَظْمُ مِنِّي وَاسْتَعَلَ الرَّأْسُ شَيْبًا وَلَمْ أَكُنْ بِدُعَائِكَ رَبِّ شَقِيًّا

“Ia merayu dengan berkata: Wahai Tuhanku! **Sesungguhnya** telah lemahlah tulang-tulangku, dan telah putih melepaklah uban kepalaku; dan aku - wahai Tuhanku - tidak pernah merasa hampa dengan doa permohonanku kepadamu.”

Dalam ayat ini, Zakaria (a.s) berdoa kepada tuhanNya dengan berkata: Wahai Tuhanku sesungguhnya tulangku telah lemah dan kepalaku telah dipenuhi uban. Sasaran dalam ayat ini ialah Allah (s.w.t). Penggunaan penegasan dengan partikel dalam situasi di atas adalah menyimpang dari ketentuan zahir kerana secara asasnya tawki:d

ditujukan kepada sasaran yang meragui atau tidak percaya, namun sasaran dalam ayat ini tidak meragui permintaan Zakaria (a.s). Menurut Abu: Zayd, Maṭlu:b dan al-Baṣi:r penggunaan tawki:d di sini bertujuan menunjukkan kedaifan penutur.<sup>7</sup>

Penulis berpendapat penegasan dalam ayat di atas ditujukan kepada penutur sendiri walaupun kedua-dua pihak tidak meragui berita tersebut. Zakaria (a.s) ingin mengukuhkan kenyataan dalam jiwanya bahawa beliau tidak pernah berputus asa dalam berdoa dan mengharapkan rahmat Allah (s.w.t) sekalipun usianya telah lanjut. Fungsi yang sama dilihat dalam ayat yang kelima.

Firman Allah (s.w.t):

وَلِيَّي خِفْتُ الْمَوَالِيَ مِنْ وَرَائِي وَكَانَتِ امْرَأَتِي عَاقِرًا فَهَبْ لِي مِنْ لَدُنْكَ وَلِيًّا



Dan **sesungguhnya** aku merasa bimbang akan kecuaiannya kaum kerabatku menyempurnakan tugas-tugas agama sepeninggalanku; dan isteriku pula adalah seorang yang mandul; oleh itu, kurniakanlah daku dari sisi-Mu seorang anak lelaki.

Dalam ayat ini, Zakaria (a.s) sekali lagi menggunakan penegasan:

ني

“Sesungguhnya saya bimbang kaum kerabat selepasku.” Zakaria (a.s) dalam ayat ini menggunakan penegasan untuk diri sendiri. Tujuannya ialah untuk membayangkan dirinya yang benar-benar bimbang siapakah yang akan menjadi penggantinya dalam usia yang sudah tua sedangkan dia belum mempunyai zuriat. Oleh itu dia memohon dari Allah (s.w.t) supaya dianugerahkan pengganti yang akan mewarisi kenabiannya.<sup>8</sup>

<sup>7</sup> Abu: Zayd (1988), *op.cit.*, hal. 42, Maṭlu:b dan al-Baṣi:r (1999), *op.cit.*, hal. 118.

<sup>8</sup> Ibn Kathi:r (1994), *op.cit.*, j. 3, hal. 151.

## Ayat 7:

Firman Allah(s.w.t):

يَنْزَكِرِيَا إِنَّا نُبَشِّرُكَ بِغُلَامٍ اسْمُهُ يَحْيَى لَمْ نَجْعَلْ لَهُ مِنْ قَبْلُ سَمِيًّا ﴿٧﴾

(Nabi Zakaria diseru setelah dikabulkan doanya):"Wahai Zakaria! **Sesungguhnya** Kami memberikan khabar yang mengembirakanmu dengan mengurniakan seorang anak lelaki bernama Yahya, yang kami tidak pernah jadikan sebelum itu, seorangpun yang senama dengannya".

Penggunaan partikel penegasan dalam ayat ini bertujuan menambah keyakinan dalam diri Zakaria (a.s). Pengukuhan dimulakan dengan " " yang bermaksud "Sesungguhnya kami membawa berita gembira". Semasa mendengar penegasan ini mungkin Zakaria (a.s) tertanya-tanya apakah berita gembira tersebut? Penegasan ini dapat mengurangkan kerisauan Zakaria (a.s), kemudian barulah Allah (s.w.t) menyebut kurniaan zuriat kepada Zakaria (a.s). Penegasan ini juga mungkin bertujuan menghiburkan Zakaria (a.s). Dalam konteks ini, memadai al-Qur'an menyebut: "Permintaanmu telah kuperkenan" kerana Zakaria(a.s) tidak pernah meragui wahyu dari Allah (s.w.t) tetapi al-Qur'an mengukuhkan pernyataan dengan satu partikel penegasan iaitu .

## Ayat 8

Firman Allah (s.w.t):

قَالَ رَبِّ أَنَّى يَكُونُ لِي غُلَامٌ وَكَانَتِ امْرَأَتِي عَاقِرًا وَقَدْ بَلَغْتُ مِنَ الْكِبَرِ عِتِيًّا

Nabi Zakaria bertanya: "Wahai Tuhanku! Bagaimanakah caranya aku akan beroleh seorang anak, sedang isteriku adalah seorang yang mandul dan aku sendiri pula **telah** sampai had umur yang setuatuannya?"

Dalam ayat ini Zakaria (a.s) menegaskan keadaan dirinya kepada Allah (s.w.t) dengan menyebut *بَلَغْتُ مِنَ الْكِبَرِ عِتِيًّا*. Partikel penegasan dalam ayat ini ialah . Beliau menyebut ungkapan ini dalam keadaan tiada harapan untuk mendapat anak dan berasa hairan semasa diberitahu bahawa beliau akan dikurniakan seorang anak. Bagaimana dia mendapat anak dalam keadaan badannya lemah dan menegaskan sifat had umur setua-tuanya? Penulis berpandangan penggunaan penegasan oleh Zakaria (a.s) bukanlah kerana sasaran iaitu Allah (s.w.t) tidak meyakini apa yang berlaku. Penegasan juga bukan kerana penutur iaitu Zakaria (a.s) tidak yakin dengan kekuasaan Allah (s.w.t) tetapi keadaan tiada harapan disebabkan usia yang sangat tua menyebabkan Zakaria (a.s) berada dalam situasi kehairanan, menzahirkan kelemahan dan rasa bersalah memperolehi anak dalam usia yang sedemikian.

Menurut al-Ṭabariyy ucapan Zakaria (a.s) dalam soalan ini adalah berkenaan cara kurniaan anak kepadanya dan bukannya mengingkari memperolehi anak atau meragui janji Allah (s.w.t). Zakaria (a.s) mengetahui Allah (s.w.t) maha berkuasa atas setiap sesuatu dan janjinya pasti berlaku dan dia pasti akan memperolehi anak. Tambahan pula dia meminta zuriat dalam doanya dan dia tidak syak pada kekuasaan Allah (s.w.t) untuk mengurniakan anak.<sup>9</sup>

Ibn Kathi:r<sup>10</sup> dan Quṭb, Sayyid dalam tafsir mereka menyatakan ulasan yang hampir sama. Quṭb, Sayyid contohnya menyatakan:

“Sesungguhnya Zakaria (a.s) sedang menghadapi suatu realiti. Janji Allah mengiringi beliau dalam menghadapi kenyataan ini.

<sup>9</sup> al-Ṭabariyy (2001), *op.cit.*, j. 15, hal. 464.

<sup>10</sup> Ibn Kathi:r (1994), *op.cit.*, j. 3, hal. 152.



Sesungguhnya dia mempercayai dengan janji; akan tetapi beliau ingin tahu berhubung cara dia memperoleh anak dengan kenyataan yang sedang dihadapinya untuk menenangkan kalbunya. Dia berada dalam situasi perasaan naluri semulajadi.<sup>11</sup>

### Ayat 18

Firman Allah (s.w.t):

قَالَتْ إِنِّي أَعُوذُ بِالرَّحْمَنِ مِنْكَ إِنْ كُنْتَ تَقِيًّا ﴿١٨﴾

Maryam berkata: **Sesungguhnya Aku** berlindung kepada (Allah) al-Rahman daripada (gangguan)mu kalaulah engkau seorang yang bertaqwa.

Dalam ayat ini, Maryam (a.s) memohon perlindungan dari Allah (s.w.t) dengan menggunakan partikel penegasan. Maryam (a.s) menggunakan penegasan untuk memohon perlindungan kerana dia berada dalam situasi yang menakutkan, maka wajar sekali dia menggunakan penegasan.

Penegasan ini menunjukkan Maryam (a.s) benar-benar memohon perlindungan dari Allah (s.w.t). Maryam (a.s) pada waktu itu berseorangan, tiba-tiba didatangi seorang lelaki asing, maka tindakan yang wajar dalam situasi ini ialah memohon perlindungan kepada Allah (s.w.t). Kesimpulannya fungsi penegasan dalam ayat ini ialah menambah keyakinan kerana Maryam berada dalam situasi yang menakutkan.

### Ayat 27

Firman Allah (s.w.t):

فَأْتَتْ بِهِمْ قَوْمَهَا تَحْمِلُهُمْ ۖ قَالُوا يَمْرَأَتُ لَقَدْ جِئْتِ شَيْئًا فَرِيًّا ﴿٢٧﴾

Kemudian baliklah ia kepada kaumnya dengan mendokong anaknya mereka pun menempelaknya dengan berkata: Wahai Maryam! **Sesungguhnya** engkau telah melakukan suatu perkara yang besar salahnya!

<sup>11</sup> Qutb, Sayyid (1996), *op.cit.*, j. 4, hal. 2303.

Dalam ayat ini, Allah (s.w.t) mengungkapkan semula ucapan kaum Maryam menggunakan dua partikel penegasan iaitu la:m al-ibtida:’ dan partikel apabila mereka melihat Maryam mendokong bayinya. Kaumnya menggunakan dua partikel penegasan bukanlah disebabkan Maryam meragui ungkapan mereka sebaliknya partikel penegasan kerana mereka sendiri tidak mempercayai Maryam melahirkan seorang anak. Sesuatu yang mengejutkan mereka apabila Maryam (a.s) yang terkenal sebagai seorang yang bermaruah dan tidak berkahwin tiba-tiba datang membawa seorang bayi. Oleh kerana mereka tidak mempercayai apa yang berlaku mereka menegaskan bahawa perbuatan tersebut sesuatu kesalahan yang besar.

### Ayat 30

Firman Allah (s.w.t):

قَالَ لِيْ عِبْدُ اللهِ ءَاتَنِى الْكِتٰبَ وَجَعَلَنِى نَبِيًّا ﴿٣٠﴾

Ia menjawab:" **Sesungguhnya Aku** ini hamba Allah; ia telah memberikan kepadaku kitab (Injil), dan ia telah menjadikan daku seorang nabi.

Ayat ini merupakan ungkapan yang pertama keluar dari bayi yang sedang didokong oleh Maryam, Isa (a.s). Bayi ini mengisytiharkan kehambaannya kepada Allah (s.w.t) dengan penegasan “ Sesungguhnya aku ini hamba Allah.” Penegasan ini disebabkan mereka ragu-ragu berhubung bayi yang boleh bercakap sebagaimana yang dinyatakan dalam ayat sebelumnya. Firman Allah (s.w.t):

فَأَشَارَتْ إِلَيْهِ قَالُوا كَيْفَ نُكَلِّمُ مَنْ كَانَ فِي الْمَهْدِ صَبِيًّا ﴿٣١﴾

Maka Maryam segera menunjuk kepada anaknya. Mereka berkata (dengan hairannya): "Bagaimana kami boleh berkata-kata dengan seorang yang masih kanak-kanak dalam buaian?"

Disebabkan keraguan kaum Maryam berhubung kanak-kanak yang boleh berkata-kata dalam buaian, maka Isa (a.s) memulakan ungkapannya dengan penegasan: “ Sesungguhnya aku ini adalah hamba Allah.”

### Ayat 43-45

Firman Allah(s.w.t):

يَتَأْتِيَّ إِني قَدْ جَاءَنِي مِنَ الْعِلْمِ مَا لَمْ يَأْتِكَ فَاتَّبِعْنِي أَهْدِكَ صِرَاطًا سَوِيًّا ﴿٤٣﴾  
يَتَأْتِيَّ لَا تَعْبُدِ الشَّيْطَانَ إِنَّ الشَّيْطَانَ كَانَ لِلرَّحْمَنِ عَصِيًّا ﴿٤٤﴾ يَتَأْتِيَّ إِني أَخَافُ  
أَنْ يَمَسَّكَ عَذَابٌ مِنَ الرَّحْمَنِ فَتَكُونَ لِلشَّيْطَانِ وَلِيًّا ﴿٤٥﴾

" Wahai ayahku, **Sesungguhnya** telah datang kepadaku dari ilmu pengetahuan yang tidak pernah datang kepadamu oleh itu ikutlah daku; aku akan memimpinmu ke jalan yang betul." Wahai ayahku, janganlah ayah menyembah syaitan, **sesungguhnya** syaitan itu adalah menderhaka kepada Allah yang melimpah-limpah rahmat-Nya. Wahai ayahku: “**Sesungguhnya** aku bimbang bahawa ayah akan kena azab dari (Allah) Ar-Rahman disebabkan ayah menyembah yang lainnya; maka dengan sebab itu akan menjadilah ayah rakan bagi syaitan di dalam neraka".

Dalam ayat-ayat di atas, Ibrahim (a.s) menggunakan penegasan dengan huruf .

Fungsi penegasan dalam ayat-ayat tersebut jelas sekali kerana sasaran iaitu bapanya meragui dakwah yang dibawa oleh anaknya maka wajarlah Ibrahim (a.s) menggunakan penegasan pada setiap mesej yang hendak disampaikan. Perkara seperti syaitan sebagai musuh dan kebimbangan bapanya akan diazab merupakan perkara yang tidak menjadi pegangan bapanya. Demikian juga fakta bahawa Ibrahim (a.s) lebih tahu dari bapanya merupakan perkara yang diingkari oleh bapanya.

## Ayat 46

Firman Allah (s.w.t):

قَالَ أَرَأَيْتَ إِنْ يَتَّبِعَكَ اللَّهُ إِنَّهُ يَكُونُ لَكَ حَرَابًا مِمَّا يَخْتَارُ لِأَنَّكَ أَهْرَاجٌ مَلِيًّا ۝٤٦

(Bapanya) menjawab: "Patutkah Engkau bencikan tuhan-tuhanku, Wahai Ibrahim? Demi Sesungguhnya jika engkau tidak berhenti daripada menyeru dan menasihati daku **sudah tentu aku akan melontarmu** dengan batu; dan (ingatlah lebih baik) engkau tinggalkan daku sepanjang masa".

Ayat ini merupakan respon bapa Ibrahim terhadap ucapan anaknya yang disebut dalam ayat 43-45. Bapa Ibrahim membalas seruan Ibrahim (a.s) dengan ugutan akan merejam anaknya dengan batu sekiranya Ibrahim (a.s) meneruskan usaha dakwahnya. Penegasan ini dinyatakan dengan penggunaan nun tawki:d thaqi:laṭ dalam kata kerja لَأَرْجُمَنَّكَ

Penulis berpandangan penggunaan penegasan dalam ayat ini bukanlah kerana Ibrahim (a.s) tidak mempercayai ugutan bapanya. Ungkapan bapa Ibrahim (a.s) yang dialih bahasa oleh Allah (s.w.t) dalam bentuk penegasan menunjukkan cara bapa Nabi Ibrahim (a.s) membalas pendekatan lembut yang digunakan oleh Ibrahim (a.s). Penegasan ini menunjukkan sikap dan peribadi bapa Ibrahim (a.s) yang benar-benar menolak ajakan anaknya.

Menurut Qutb, Sayyid, bapa Ibrahim (a.s) menolak dakwah anaknya dengan kejahilan. Beliau telah membalas segala bentuk kelembutan dan keberadaban Ibrahim dengan kekerasan. Sekalipun bapa Ibrahim menggunakan pendekatan konfrontasi,

namun pendekatan ini sama-sekali tidak menimbulkan kemarahan Ibrahim (a.s). Bahkan beliau terus beradab dengan bapanya<sup>12</sup> seperti yang dinyatakan dalam ayat 47.

### Ayat 47

Firman Allah(s.w.t)

قَالَ سَلِمْتُ عَلَيْكَ يَا أَبَتِي إِنَّهُ كَانَ مِنِّي حَفِيًّا ﴿٤٧﴾

Nabi Ibrahim berkata: " Selamat tinggallah ayah; aku **akan** memohon kepada tuhanku mengampuni dosamu; **Sesungguhnya ia** sentiasa melimpahkan kemurahan ihsan-Nya kepada-Ku.

Ayat ini masih lagi dalam konteks kisah antara Nabi Ibrahim (a.s) dengan bapanya. Ayat ini merupakan jawapan kepada ugutan bapanya yang ingin melontar Ibrahim (a.s) dengan batu sekiranya Ibrahim (a.s) masih meneruskan dakwahnya. Dalam jawabannya Ibrahim (a.s), terdapat dua partikel penegasan iaitu **سَلِمْتُ** dan **حَفِيًّا**. Penulis berpandangan penggunaan penegasan adalah berfungsi menunjukkan kesungguhan Ibrahim untuk mengharapakan bapanya beriman kepada Allah(s.w.t) walaupun bapanya tidak mempercayai ajaran yang dibawa dan secara terus terang telah menolak seruannya.

### Ayat 61

Firman Allah(s.w.t):

جَنَّاتٍ عَدْنٍ الَّتِي وَعَدَ الرَّحْمَنُ عِبَادَهُ بِالْغَيْبِ إِنَّهُ كَانَ وَعْدُهُ مَأْتِيًّا ﴿٦١﴾

(Iaitu) syurga " Adn " yang telah dijanjikan oleh (Allah) al-Rahman kepada hamba-hambaNya disebabkan kepercayaan mereka akan perkara-perkara yang ghaib; **sesungguhnya** tuhan itu, janjinya tetap berlaku.

<sup>12</sup> Qutb, Sayyid (1996), *op.cit.*, j. 4, hal. 2312.

Ayat ini ditegaskan dengan partikel . Penegasan dalam ayat ini berfungsi menegaskan janji Allah (s.w.t) untuk menganugerahkan syurga kepada hamba-Nya yang bertaqwa merupakan suatu yang pasti berlaku. Menurut Ibn Ka:thir penegasan dalam ayat kerana ianya pasti dan tetap akan berlaku kerana Allah (s.w.t) tidak memungkiri dan tidak mengubah janjinya.<sup>13</sup>

### Ayat 66-67

وَيَقُولُ الْإِنْسَانُ أَإِذَا مَا مِتُّ لَسَوْفَ أُخْرَجُ حَيًّا ﴿٦٦﴾

Dan manusia (yang kafir) berkata: "Apa! apabila aku mati, adakah **aku akan** dibangkitkan hidup semula?"

Ayat ini menjelaskan ungkapan manusia yang mengingkari hari akhirat. Penggunaan dua partikel penegasan iaitu la:m al-ibtida:’ dan menunjukkan manusia yang kafir ragu-ragu tentang kebangkitan semula. Penggunaan penegasan disini ditujukan kepada penutur sendiri dan bukannya sasaran (mukha:tab).

Menurut al-Ṭabariyy ayat ini bermaksud : “Mereka yang kafir yang tidak membenarkan hari kebangkitan berkata: Aku dikeluarkan hidup, kemudian dibangkitkan selepas aku telah hancur sebagai tanda keingkaran dari mereka.”<sup>14</sup>

Keraguan mereka di jawab oleh Allah (s.w.t) dalam ayat 67 dengan satu penegasan partikel . Firman Allah (s.w.t):

أَوْلَا يَذْكُرُ الْإِنْسَانُ أَنَّا خَلَقْنَاهُ مِنْ قَبْلُ وَلَمْ يَكُ شَيْئًا ﴿٦٧﴾

Patutkah manusia itu berkata demikian dan tidak memikirkan **bahawa Kami** telah menciptakan dia dahulu sedang ia pada masa itu belum ada sebarang apapun?

<sup>13</sup> Ibn Kathi:r (1994), *op.cit.*, j. 3, hal. 175.

<sup>14</sup> al-Ṭabariyy (2001), *op.cit.*, j. 15, hal. 586

Bagi menolak keraguan manusia berhubung hari kebangkitan, Allah (s.w.t) menegaskan kepada mereka dengan mengingatkan mereka tentang asal-usul mereka suatu masa dahulu. Allah (s.w.t) berfirman:” Sesungguhnya kami telah menciptakan dia dahulu sedang ia pada masa itu belum menjadi apa-apa. Penggunaan penegasan di sini wajar sekali kerana mereka meragui hari kebangkitan.

### Ayat 68-70

Firman Allah(s.w.t):

فَوَرَبِّكَ لَنَحْشُرَنَّهُمْ وَالشَّيَاطِينَ ثُمَّ لَنُحْضِرَنَّهُمْ حَوْلَ جَهَنَّمَ جِثِيًّا ۗ ثُمَّ لَنَنْزِعَنَّ مِنْ كُلِّ شِيعَةٍ أَيُّهُمْ أَشَدُّ عَلَى الرَّحْمَنِ عِتِيًّا ۗ ثُمَّ لَنَحْنُ أَعْلَمُ بِالَّذِينَ هُمْ أَوْلَىٰ بِهَا صِلِيًّا ۗ

Oleh itu,  **demi Tuhanmu (Wahai Muhammad)! Sesungguhnya Kami akan himpulkan mereka yang kafir itu beserta syaitan-syaitan di padang Mahsyar, kemudian Kami akan bawa mereka duduk berlutut di keliling neraka jahannam.Sesudah itu, sesungguhnya kami akan cabut dari tiap-tiap golongan, mana-mana orang yang sangat derhaka kepada (Allah) Ar-Rahman, di antara mereka. Kemudian, sesungguhnya Kami lebih mengetahui akan orang-orang yang lebih patut diseksa dan dibakar dangan api neraka itu.**

Ayat-ayat ini merupakan amaran Allah (s.w.t) kepada mereka yang tidak beriman kepada Allah (s.w.t) dan tidak mempercayai hari kebangkitan. Ayat-ayat ini ditegaskan dengan beberapa partikel penegasan. Firman Allah (s.w.t):  
ditegaskan dengan                      dan nu:n tawki:d thaqi:laṭ ;  
ditegaskan dengan nu:n tawki:d thaqi:laṭ; manakala                      ditegaskan dengan la:m al-ibtida:'.<sup>15</sup> Penulis berpandangan penegasan dalam ayat-ayat ini berfungsi menolak ketidakpercayaan golongan kafir yang mengingkari hari kebangkitan justeru beberapa partikel penegasan digunakan.

<sup>15</sup> Şa:liḥ (1995), *op.cit.*, j. 7, hal. 53-54.

## Ayat 79

كَلَّا سَيَنْكُتُبُ مَا يَقُولُ وَنَمُدُّ لَهُ مِنَ الْعَذَابِ مَدًّا ﴿٧٩﴾

Tidak sekali-kali! Kami **akan** menulis apa yang dikatakannya, dan kami akan tambah baginya dari azab seksa, berganda-ganda.

Ayat ini berkaitan dengan ayat 77. Ayat ini ditegaskan dengan huruf si:n pada perkataan . Allah (s.w.t) telah menempelak dakwaan orang kafir yang mendakwa akan diberikan harta kekayaan dan anak-pinak pada hari akhirat dengan mempersoalkan adakah ia telah mengetahui akan perkara yang ghaib, atau adakah ia telah membuat perjanjian dengan Allah (s.w.t) mengenainya. Allah (s.w.t) menempelak mereka dengan membuat penafian bahawa mereka tidak pernah membuat perjanjian dan Allah (s.w.t) menegaskan bahawa Allah akan menulis apa yang dikatakannya dan membalas dengan azab yang berganda-ganda.<sup>16</sup> Fungsi penegasan di sini adalah sebagai suatu amaran kepada mereka.

## Ayat 82

Firman Allah(s.w.t):

كَلَّا سَيَكْفُرُونَ بِعِبَادَتِهِمْ وَيَكُونُونَ عَلَيْهِمْ ضِدًّا ﴿٨٢﴾

Tidak sekali-kali! **bahkan** benda-benda yang mereka pertuhankan itu mengingkari perbuatan mereka menyembahnya, dan akan menjadi musuh yang membawa kehinaan kepada mereka.

Ayat ini ditegaskan dengan huruf si:n pada perkataan . Penegasan dalam ayat ini berfungsi menolak dakwaan golongan yang menyembah benda-benda yang lain dari Allah sebagai tuhan-tuhan, supaya benda-benda yang mereka sembah itu menjadi penolong-penolong yang memberi kemuliaan dan pengaruh kepada mereka. Sembahan

<sup>16</sup> Qutb, Sayyid (1996), *op.cit.*, j. 4, hal. 2319-2320.



yang disembah selain Allah (s.w.t) termasuklah malaikat dan jin.<sup>17</sup> Penegasan dalam ayat ini juga berfungsi memberi keyakinan kepada Nabi (s.a.w) dalam meneruskan dakwahnya kerana sembah yang disangka menjadi penolong pada hakikatnya tidak dapat memberi apa-apa bahkan sembah tersebut akan menjadi musuh yang membawa kehinaan kepada mereka.

#### Ayat 83-84

﴿٨٣﴾ أَلَمْ تَرَ أَنَا أَرْسَلْنَا الشَّيَاطِينَ عَلَى الْكَافِرِينَ تُوْزُهُمْ أَزًّا

Tidakkah engkau mengetahui (Wahai Muhammad) **bahawa kami** telah menghantarkan syaitan-syaitan kepada orang-orang kafir, untuk menggalakkan mereka mengerjakan perbuatan kufur dan maksiat dengan bersungguh-sungguh.

Ayat 83 ditegaskan dengan partikel . Penegasan dalam ayat ini berfungsi menambahkan keyakinan kepada nabi Muhammad (s.a.w) dalam berdepan dengan kaumnya yang menolak dakwah yang dibawanya. Allah (s.w.t) menegaskan bahawa dakwaan mereka bahawa sembah tersebut akan menjadikan mereka mulia tidak benar sama sekali bahkan sebenarnya perbuatan mereka itu disebabkan Allah (s.w.t) mengutus kepada mereka syaitan yang menjadi pendorong kepada mereka untuk melakukan perbuatan maksiat, kemungkaran dan kukufuran.<sup>18</sup>

#### Ayat 94

Firman Allah (s.w.t):

﴿٩٤﴾ لَقَدْ أَحْصَاهُمْ وَعَدَّهُمْ عَدًّا

**Demi sesungguhnya!** Allah telah mengira mereka (dengan pengetahuannya) serta menghitung mereka satu persatu.

<sup>17</sup> Qutb, Sayyi:d (1996), *op.cit.*, j. 4, hal. 2320.

<sup>18</sup> Qutb, Sayyi:d (1996), *op.cit.*, j. 4, hal. 2320.

Ayat di atas ditegaskan dengan dua partikel penegasan iaitu *la:m al-ibtida:'* dan partikel *wa*. Penggunaan partikel penegasan adalah dalam konteks mencela golongan yang mendakwa Allah (s.w.t) mempunyai anak. Ayat ini menyatakan bahawa Allah (s.w.t) menghitung mereka sehinggakan mereka tidak dapat keluar dari pengetahuan dan kekuasaan Allah (s.w.t) serta Allah (s.w.t) menghitung mereka satu persatu perbuatan mereka termasuklah yang dilalukan secara bersendirian atau bersembunyi.<sup>19</sup>

Penggunaan dua partikel penegasan berfungsi menolak pegangan mereka dan memberi amaran kepada mereka untuk meninggalkan pegangan mereka setelah Allah (s.w.t) menjelaskan langit hampir pecah, bumi hampir terbelah dan gunung-gunung hampir runtuh kerana mereka menganggap Allah (s.w.t) mempunyai anak.

## Ayat 96

Firman Allah (s.w.t):

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ سَيَجْعَلُ لَهُمُ الرَّحْمَنُ وُدًّا ﴿٩٦﴾

**Sesungguhnya** orang-orang yang beriman dan beramal soleh, Allah yang melimpah-limpah rahmat-Nya **akan** menanamkan bagi mereka dalam hati orang ramai perasaan kasih sayang.

Dalam ayat ini terdapat dua bentuk penegasan iaitu dengan partikel *wa* dan *inna*. Ayat ini menerangkan berhubung orang-orang yang beriman dan beramal soleh, maka penggunaan penegasan dalam ayat ini menyimpang dari ketentuan zahir. Pada pandangan penulis fungsi penegasan dalam ayat ini adalah untuk menegaskan bahawa perkara yang dijanjikan pasti berlaku serta menambahkan keyakinan dan ketenangan. Penggunaan dua bentuk penegasan wajar sekali kerana ianya bertujuan menghiburkan hati orang-orang yang beriman kerana surah Maryam adalah tergolong dalam kumpulan

<sup>19</sup> al-Alu:siyy (1997), *op.cit.*, j. 16, hal. 208.

surah-surah Makkiyah. Dalam suasana umat Islam ditindas dan bilangan yang sedikit Allah (s.w.t) memberi janji kepada mereka bahawa dengan beriman dan beramal soleh mereka akan dikasihi oleh orang ramai adalah wajar sekali.

Sebagai kesimpulannya, penggunaan penegasan dengan pelbagai bentuk partikel penegasan dalam surah Maryam adalah menepati mesej yang hendak disampaikan.

#### **6.4 Fungsi Ta'rif Dan Tanki:r Dalam Surah Maryam**

Analisis ta'rif dan tanki:r dalam surah Maryam akan dijalankan mengikut kategori berikut:

- (a) Ta'rif dan fungsinya.
- (b) Tanki:r dan fungsinya.
- (c) Perkataan sama yang disebut secara ta'rif dan tanki:r.

Berdasarkan analisis yang dijalankan, penulis mendapati semua bentuk ta'rif digunakan dalam surah Maryam. Berikut adalah huraian fungsi penggunaan ta'rif dalam surah Maryam:

##### **6.4.1 Ta'rif Dengan Kata Ganti Nama**

Seperti yang dijelaskan dalam bab lima, gaya bahasa ta'rif dengan kata ganti nama adalah bergantung kepada situasi. Kata ganti nama diri pertama ( ) digunakan dalam situasi penutur adalah orang berkata. Kata ganti nama diri kedua digunakan dalam konteks ucapan kepada seseorang yang berada di hadapannya pada kedudukan mukha:tab. Kata ganti nama diri ketiga digunakan dalam situasi berhubung seseorang yang tiada di hadapan penutur.

### 6.4.1.1 Fungsi Ta'rif Dengan Kata Ganti Nama Pertama

Kata ganti diri pertama digunakan dalam situasi penutur adalah orang berkata.

Penutur dalam surah Maryam terdiri daripada:

- (a) Zakaria (a.s) : Ayat 4-6,8,10.
- (b) Allah (s.w.t): Ayat 7, 9, 12, 17, 21, 38, 40, 49, 50, 52, 53, 57, 58, 63, 67, 68, 69,70, 72, 73, 74, 79, 80, 83, 84, 85, 86, 97, 98.
- (c) Maryam (a.s): Ayat 18, 20, 23.
- (d) Malaikat Jibril (a.s): Ayat 19, 21.
- (e) Kaum Maryam: Ayat 29.
- (f) Nabi Isa (a.s): Ayat 30-33.
- (g) Nabi Muhammad (s.a.w): Ayat 36.
- (h) Ibrahim (a.s): Ayat 42, 43, 44, 45, 47.
- (i) Bapa Ibrahim: Ayat 46.
- (j) Malaikat: Ayat 64.
- (k) Manusia yang ingkar: Ayat 66, 77.

Analisis menunjukkan penggunaan kata ganti diri pertama kebanyakannya adalah bagi Allah (s.w.t). Dalam bahagian pengkisahan, kata ganti diri pertama adalah bagi Allah (s.w.t) dan beberapa individu di dalam kisah seperti Zakaria (a.s), Maryam (a.s), Kaum Maryam, Nabi Isa (a.s), Ibrahim (a.s) dan bapa Ibrahim. Penggunaan kata ganti diri pertama sesuai dengan gaya bahasa cerita. Dalam bahagian fakta hampir semua kata ganti diri pertama adalah kembali kepada Allah (s.w.t) kecuali tiga ayat iaitu ayat 64 oleh Malaikat serta ayat 66 dan 67. Dalam ayat 66 dan 67, kata ganti nama diri pertama kembali kepada manusia yang tidak mempercayai hari akhirat.

Fungsi penggunaan kata ganti diri pertama yang kembali kepada Allah (s.w.t) dapat dilakarkan dalam jadual di bawah:

**Jadual 6.2 Penggunaan ganti diri pertama yang kembali kepada Allah (s.w.t) dalam surah Maryam**

BIL	NO.AYAT	AYAT	FUNGSI BALAGHAH
1	7	كَ بَغْلًا مِّمَّ اسْمُهُ يُجَبِّي لَمْ نَجْعَلْ قَبْلُ سَمِيًّا	Berita gembira dan memuliakan
2	9		Menunjukkan kekuasaan
3	9		Menunjukkan kekuasaan
4	12	هُ الْخَكْمَ صَبِيًّا	Memuliakan
5	17		Memuliakan
6	21	يَةً لِلنَّاسِ وَرَحْمَةً مَّ	Menunjukkan kekuasaan dan memuliakan
7	38	سَمْعِ	Memberi amaran
8	40	نَحْوِ	Memberi berita gembira
9	49		Berita gembira
10	49		Memuliakan
11	50	لَهُمْ مِنْ رَحْمَتِنَا لَهُمْ لِسَانَ صِدْقٍ عَلِيًّا	Berita gembira dan memuliakan
12	52	هُ مِنْ جَانِبِ الطُّورِ الْأَيْمَنِ وَ هُ	Memuliakan
13	53	لَهُ مِنْ رَحْمَتِنَا إِخَاهُ هَارُونَ نَبِيًّا	Berita gembira
14	57	هُ	Memuliakan
15	58	حَمَلْنَا	Memuliakan
16	58		Memuliakan
17	67	هُ	Menunjukkan kekuasaan
18	68	هُمْ وَالشَّيَاطِينَ ثُمَّ لَ	Memberi amaran
19	69	ثُمَّ لَمَنْ كَلَّ شَيْعَةَ أَيُّهُمْ أَشَدُّ عَلَى الرَّحْمَنِ	Memberi amaran
20	70	ثُمَّ لَ اعْلَمُ بِالَّذِينَ هُمْ أُولَىٰ بِهَا صِلِيًّا	Memberi amaran
21	72	ثُمَّ	Memberi berita gembira

22	72		Memberi amaran
23	73		Menunjukkan kekuasaan
24	74		Memberi amaran
25	79		Memberi amaran
26	79		Memberi amaran
27	80		Memberi amaran
28	83	أَلَمْ تَرَ	Menghina
29	84	هَمَّ عَدَا	Memberi amaran
30	85	نَحْمَدُكَ يَا رَبُّنَا وَنُحْمَدُكَ	Membawa berita gembira
31	86	الْمُجْرِمِينَ إِلَىٰ جَهَنَّمَ وَرَدَّا	Memberi amaran
32	97	ه	Menghiburkan
33	98	لَوْ تَسْمَعُ لَهُ	Memberi amaran

Dalam bahagian pertama surah (ayat 1-58) kebanyakan kata ganti diri pertama kembali kepada Allah (s.w.t). Kata ganti diri pertama ini disandarkan kepada kata kerja mengandungi maksud-maksud kerahmatan, memuliakan, membawa berita gembira kepada golongan-golongan yang beriman seperti perkataan-perkataan: ( ) Kami membawa berita gembira kepadamu, ( تَبَيَّنَاهُ ) Kami datang kepadanya, ( ) Kami utuskan, ( ) Kami kurniakan, ( نَادَيْنَاهُ ) Kami panggilnya, ( هَلَّلْنَا ) Kami bawa, ( ) Kami dampingkan dia, ( ) Kami angkatnya, ( ) Kami memilihnya dan ( ) Kami beri petunjuk kepadanya.

Dalam bahagian fakta (ayat 59-98) pula kebanyakan kata ganti diri pertama yang kembali kepada Allah (s.w.t) disandarkan kepada kata kerja yang mengandungi maksud memberi amaran dan menghina walaupun terdapat beberapa ganti diri pertama disandarkan kepada kata kerja yang mengandungi maksud berita gembira seperti

( ) Kami selamatkan dalam ayat 72, ( ﴿﴾ Kami himpulkan orang yang bertaqwa dalam ayat 85 dan ﴿بِسْرِنَاهُ﴾ Kami mudahkannya dalam ayat 97. Penggunaan kata ganti nama diri pertama adalah dalam konteks menjelaskan balasan dan janji Allah kepada orang-orang yang bertaqwa.

Antara kata kerja yang mengandungi maksud amaran dan menghina ialah:

( ) Sesungguhnya Kami himpulkan mereka bersama syaitan pada hari akhirat, ( ) sesungguhnya Kami akan bawa mereka, ( ) sesungguhnya Kami akan cabut, ( ) Kami biarkan, ( ) Kami telah binasakan, ( ) Kami akan menulis apa yang dikatakannya, ( ) Kami akan tambah baginya azab seksa, ( ) Kami hanya menghitung hari dan ( ) Kami akan mengheret.

Penggunaan kata ganti nama pertama dalam surah Maryam yang merujuk kepada Allah(s.w.t) adalah sesuai sekali dengan konteks ayat. Dalam konteks menyebut kisah-kisah orang yang soleh ganti diri pertama disandarkan kepada kata-kata kerja yang membawa maksud rahmat, kurniaan dan kekuasaan Allah (s.w.t) kepada hambanya yang soleh.

Penggunaan kata ganti diri pertama yang kembali kepada Allah (s.w.t) dalam bahagian fakta pula bertujuan memberi pengajaran dan peringatan kepada generasi kemudian yang tidak mengikut jejak langkah orang-orang yang soleh seperti yang dinyatakan oleh Allah (s.w.t) dalam ayat 59. Oleh kerana mereka mengikut hawa nafsu mereka serta meragui kerasulan Muhammad (s.a.w) dan hari kebangkitan maka Allah (s.w.t) menyandarkan kata ganti nama diri pertama kepada kata kerja yang

mengandungi maksud amaran. Penggunaan ini jelas menunjukkan ketinggian balaghah al-Qur'an sekaligus menjadi bukti i'jaz al-Qur'a:n.

Penggunaan kata ganti diri pertama dalam kisah Zakaria (a.s) pula bertujuan untuk memohon rahmat dan belas kasihan dari Allah (s.w.t) supaya dianugerahkan zuriat yang akan mewarisi kenabian. Rayuan Zakaria (a.s) jelas melalui pengulangan kata ganti diri pertama dapat dilihat dalam ungkapan-ungkapan berikut:

(a) Ayat 5: نِيَّ الْمَوَالِي مِنْ وَرَائِي

(b) Ayat 5: لِي

(c) Ayat 6: خِي

Pernyataan “ Sesungguhnya saya bimbang akan kecuaiian kaum kerabatku, kurniakan kepadaku, yang mewarisiku” menunjukkan Zakaria (a.s) mengharapkan rahmat dan belas kasihan dari Allah (s.w.t).

Dalam ayat yang kelapan Zakaria (a.s) menyebut دَلِيلًا رَبِّ أَنْ يَكُونُ لِي  
ayat kesepuluh اجْعَلْ لِي “Wahai tuhanku bagaimana saya memperoleh anak.”  
dan “ Wahai tuhanku jadikan untukku tanda-tanda”. Penggunaan kata ganti diri pertama “aku” benar-benar menunjukkan Zakaria (a.s) memohon dalil dari Allah (s.w.t) untuk menenangkan jiwanya berhubung cara Allah (s.w.t) mengurniakan anak kepadanya.



Dalam kisah Maryam (a.s) pula, analisis menunjukkan Maryam beberapa kali menggunakan kata ganti diri pertama seperti dalam jadual di bawah:

**Jadual 6.3 menunjukkan penggunaan ganti diri pertama oleh Maryam**

BIL	NO.AYAT	AYAT	FUNGSI BALAGHAH
1	18	أَلْتِ إِنِّي بِالرَّحْمَنِ مِنْهُ	Menunjukkan ketakutan
2	20	يَكُونُ لِيْغْلَامًا وَلَمْ يَمْسَسْنِيْ	Mensucikan diri
3	20	وَلَمْ	Mensucikan diri
4	23	خِيءَ	Membayangkan kerungsingan

Dalam ayat 18 Maryam (a.s) menggunakan kata ganti diri pertama untuk menunjukkan beliau dalam situasi yang menakutkan lalu beliau memohon perlindungan dengan Allah (s.w.t).

Dalam ayat 20 Maryam (a.s) menggunakan ganti diri pertama untuk mempertahankan diri dan menyatakan kesucian diri serta menafikan perbuatan zina.

Dalam ayat 23, Maryam (a.s) berada dalam situasi yang sangat merisaukan setelah melahirkan anak. Beliau tidak tahu apa yang sepatutnya dilakukan sehingga beliau berkata: “ Alangkah baiknya kalau aku mati sebelum ini dan aku menjadi sesuatu yang dilupakan orang dan tidak dikenang-kenang!” Penggunaan kata ganti diri pertama menunjukkan beliau benar-benar dalam situasi yang sangat mencabar sehingga beliau menyatakan bahawa lebih baik dia mati atau dilupakan.

### 6.4.1.2 Fungsi Ta'rif Dengan Kata Ganti Diri Kedua

Sebagaimana yang disebut dalam pengenalan surah, surah ini terdiri dari dua bahagian utama iaitu bahagian kisah-kisah dan bahagian fakta dan hujah terhadap golongan musyrikin. Penggunaan kata ganti diri kedua ditujukan kepada beberapa sasaran dalam bahagian pengkisahan (ayat 1-58) iaitu:

- (a) Nabi Zakaria (a.s) kepada Allah (s.w.t): Ayat 4, 5.
- (b) Allah (s.w.t) kepada Nabi Muhammad (s.a.w): Ayat 2, 16, 41, 51, 54, 56.
- (c) Allah (s.w.t) kepada Nabi Zakaria (a.s): Ayat 7, 9, 10.
- (d) Nabi Zakaria (a.s) kepada kaumnya: Ayat 11.
- (e) Allah (s.w.t) kepada Nabi Yahya (a.s): Ayat 12.
- (f) Maryam (a.s) kepada Malaikat Jibrail (a.s) yang datang dengan rupa manusia: Ayat 18.
- (g) Jibril (a.s) kepada Maryam (a.s): Ayat 21.
- (h) Isa (a.s) kepada Maryam (a.s): Ayat 24, 25, 26.
- (i) Kaum Maryam kepada Maryam (a.s): Ayat 27, 28.
- (h) Nabi Muhammad (s.a.w) kepada golongan musyrikin: Ayat 36, 38.
- (i) Nabi Ibrahim(a.s) kepada bapanya: Ayat 42, 43, 44, 45, 47, 48.
- (j) Bapa Nabi Ibrahim kepada Ibrahim (a.s): Ayat 46.

Dalam bahagian fakta dan hujah (ayat 59-98), penggunaan kata ganti diri kedua daripada:

- (a) Allah (s.w.t) kepada Nabi Muhammad (s.a.w): Ayat 65, 68, 71, 75, 76, 77, 83, 84, 97, 98.
- (b) Jibrail (a.s) kepada Nabi Muhammad (s.a.w): Ayat 64 dan 65.
- (c) Allah (s.w.t) kepada manusia: Ayat 71.

(d) Allah (s.w.t) kepada manusia yang berkata Allah (s.w.t) mempunyai anak: Ayat 89.

Penggunaan ganti diri kedua datang dalam pelbagai konteks antaranya dalam bentuk dialog atau perbualan ( ) seperti antara Allah (s.w.t) dengan Nabi Zakaria (a.s) secara wahyu, Nabi Zakaria (a.s) kepada kaumnya, Malaikat dengan Maryam (a.s), kaum Maryam dengan Maryam (a.s) dan Ibrahim (a.s) dengan bapanya.

Dalam konteks yang lain, satu pihak menunjukan ucapan kepada diri kedua, tetapi diri kedua hanya mendengarnya tanpa memberi ucapan balas sebagaimana ungkapan Allah (s.w.t) kepada Nabi Muhammad (s.a.w), Isa (a.s) kepada ibunya dan ungkapan Allah (s.w.t) kepada Yahya. Sasaran yang menerima berita dari diri pertama pula tidak memberi ucapan balas kerana beradab, khusyuk, menunjukkan ketaatan atau sebab-sebab lain. Contohnya semasa Isa (a.s) memberi ucapan kepada Maryam (a.s), Maryam (a.s) tidak menjawab seruan tersebut walau sepekat perkataan. Firman Allah (s.w.t):

فَنَادَاهَا مِنْ تَحْتِهَا أَلَّا تَحْزَنِي قَدْ جَعَلَ رَبُّكِ تَحْتَكِ سَرِيًّا ﴿٢٤﴾ وَهُزِّي إِلَيْكِ بِجِذْعِ النَّخْلَةِ تُسْقِطُ عَلَيْكَ رَطْبًا جَنِيًّا ﴿٢٥﴾ فَكُلِي وَاشْرَبِي وَعَيْنَا مُعِينًا ﴿٢٦﴾ فَأِمَّا تَرِينَنَّ مِنَ الْبَشَرِ أَلْحَدًا فَقُولِي إِنِّي نَذَرْتُ لِلرَّحْمَنِ صَوْمًا فَلَنْ أُكَلِّمَ الْيَوْمَ إِنْسِيًّا ﴿٢٧﴾

Lalu ia diseru dari sebelah bawahnya: "Janganlah **engkau** berdukacita (Wahai Maryam), Sesungguhnya tuhan**mu** telah menjadikan di bawah**mu** sebatang anak sungai(24) Dan gegarlah ke arah**mu** batang pohon tamar itu, supaya gugur kepadamu buah tamar yang masak.(25) "Maka makanlah dan minumlah serta bertenanglah hati dari segala yang merunsingkan. Kemudian kalau **engkau** melihat seseorang manusia, maka katakanlah: Sesungguhnya aku bernazar diam membisu kerana (Allah) Ar-Rahman; (setelah aku menyatakan yang demikian) maka aku tidak akan berkata-kata kepada sesiapa pun dari kalangan manusia pada hari ini"(26)

Maryam tidak menjawab seruan tersebut kerana beliau berada dalam situasi yang sangat membingungkan seperti yang dihuraikan sebelum ini. Dalam situasi ini Allah (s.w.t) memberikan kemuliaan kepada Maryam dengan dikurniakan rezeki makanan dan minuman di hadapan mata bahkan diberi panduan bagaimana berhadapan dengan

tohman yang bakal dihadapi oleh kaumnya. Panduan ini datang dalam bentuk bimbingan menggunakan kata ganti diri kedua dari Isa (a.s) bertujuan untuk menenangkan dan menghiburkan Maryam (a.s) yang berada dalam suasana kesedihan, kerungsingan dan kebingungan .

Dalam konteks yang lain, ungkapan yang ditujukan kepada Nabi (s.a.w) dalam ayat 2 ( رَحْمَةً رَبِّكَ ) serta ayat 16, 41,51, 54,56 ( وَالذُّكُورَ فِي الْكِتَابِ ) dalam bahagian kisah bertujuan menghiburkan Nabi (s.a.w) dan menetapkan jiwa Nabi (s.a.w) yang sedang menghadapi tentangan yang hebat dari kaumnya. Pada masa yang sama penggunaan kata ganti diri kedua juga bertujuan mencela golongan musyrikin dan kafir yang meragui kebenaran al-Qur'an.<sup>20</sup>

Hal yang sama dapat dilihat dalam bahagian kedua surah Maryam (ayat 59-98), kata ganti nama diri kedua dari Allah (s.w.t) yang ditujukan kepada Nabi (s.a.w) ialah sebanyak 8 kali (ayat 68, 75, 76, 77, 83, 84, 97, 98). Fungsi utama penggunaan kata ganti diri kedua dalam ayat-ayat ini bukanlah kepada Rasul (s.a.w) sebaliknya bertujuan memberi pengajaran kepada golongan yang mengingkari hari kebangkitan. Hanya dalam ayat 97, fungsi penggunaan kata ganti diri kedua bertujuan memberi hiburan dan ketenangan kepada Nabi (s.a.w) bahawa Allah (s.w.t) mempermudah penurunan al-Qur'an di dalam bahasa Arab untuk membawa berita gembira kepada orang yang bertaqwa dan amaran kepada golongan yang menentanginya. Firman Allah (s.w.t):

فَإِنَّمَا يَسَّرْنَاهُ بِلِسَانِكَ لِتُبَشِّرَ بِهِ الْمُتَّقِينَ وَتُنذِرَ بِهِ قَوْمًا لُدًّا (97)

Maka sesungguhnya Kami memudahkan turunnya al-Qur'an ini dengan bahasa **mu** (Wahai Muhammad), ialah supaya engkau memberi khabar gembira dengannya kepada orang-orang yang bertaqwa, dan supaya engkau memberi amaran dengannya kepada kaum yang degil dalam kekufurannya.

<sup>20</sup> al-Hasna:wiyy (2006), *op.cit.*, hal. 160.

Dalam surah ini terdapat satu ungkapan dari Malaikat yang ditujukan kepada Nabi Muhammad (s.a.w) iaitu firman-Nya:

وَمَا نَنْزِلُ إِلَّا بِأَمْرِ رَبِّكَ لَهُ مَا بَيْنَ أَيْدِينَا وَمَا خَلْفَنَا وَمَا بَيْنَ ذَلِكَ وَمَا كَانَ رَبُّكَ نَسِيًّا ﴿٦٤﴾ رَبُّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا فَاعْبُدْهُ وَاصْطَبِرْ لِعِبَادَتِهِ هَلْ تَعْلَمُ لَهُ سَمِيًّا ﴿٦٥﴾

Dan (berkatalah malaikat): "Kami tidak turun dari semasa ke semasa melainkan dengan perintah Tuhanmu (Wahai Muhammad); Dia lah jua yang menguasai serta mentadbirkan apa yang di hadapan kita dan apa yang di belakang kita serta apa yang di antara itu; dan tiadalah Tuhanmu itu lupa. "Tuhan yang mencipta dan mentadbirkan langit dan bumi serta segala yang ada di antara keduanya; oleh itu, sembahlah engkau akan Dia dan bersabarlah dengan tekun tetap dalam beribadat kepadanya; Adakah engkau mengetahui sesiapa pun yang senama dan sebanding dengan-Nya?"

Fungsi penggunaan kata ganti nama diri kedua dalam ayat ini bertujuan mengkritik golongan yang meminta bukti-bukti dari Nabi Muhammad (s.a.w). Mereka meminta Allah (s.w.t) menurunkan Malaikat dari langit untuk menyaksikan kebenaran kenabian Muhammad (s.a.w). Malaikat Jibril dengan perintah Allah (s.w.t) telah mengajar kepada Nabi Muhammad (s.a.w) bahawa penurunan malaikat bukanlah atas permintaan golongan yang menentang sebaliknya dengan perintah Allah (s.w.t). Ini kerana keimanan kepada Allah (s.w.t) yang merupakan tuhan langit, bumi dan isinya tidak memerlukan kepada penurunan malaikat seperti yang dituntut oleh mereka bahkan bukti-bukti di langit dan di bumi serta nama-nama Allah yang tiada bandingan menjadi bukti Allah (s.w.t) sebagai tuhan yang berhak disembah.<sup>21</sup>

<sup>21</sup> al-Hasna:wiyy (2006), *op.cit.*, hal. 161-162.

### 6.4.1.3 Fungsi Ta'rif Dengan Kata Ganti Nama Ketiga

Penggunaan kata ganti nama ketiga banyak dalam bahagian kedua surah (ayat 1-58) berbanding dengan bahagian pertama (ayat 1-58). Seperti yang dinyatakan dalam pengenalan surah, bahagian pertama surah meliputi kisah para Nabi dan orang soleh. Bagi memuji dan memuliakan golongan ini Allah (s.w.t) menyebut nama-nama mereka. Manakala dalam bahagian kedua surah (ayat 59-98) kata ganti nama diri ketiga digunakan sebagai ganti kepada penyebutan nama.

Fungsi penggunaan kata ganti nama diri ketiga dalam bahagian ini bertujuan memberi pengajaran dan bukannya memburukkan pelaku. Oleh kerana banyaknya kesalahan-kesalahan yang dilakukan, al-Qur'an hanya menyebut kesalahan-salahan mereka diikuti amaran terhadap perbuatan mereka. Contohnya dalam ayat berikut:

#### Ayat 66-70

Firman Allah (s.w.t):

وَيَقُولُ الْإِنْسَانُ أَإِذَا مَا مِتُّ لَسَوْفَ أُخْرَجُ حَيًّا (66) أَوَلَا يَذْكُرُ الْإِنْسَانُ أَنَّا  
خَلَقْنَاهُ مِنْ قَبْلُ وَلَمْ يَكُ شَيْئًا (67) فَوَرَبِّكَ لَنَحْشُرَنَّهُمْ وَالشَّيَاطِينَ ثُمَّ  
لَنَحْضِرَنَّهُمْ حَوْلَ جَهَنَّمَ جِثِيًّا (68) ثُمَّ لَنَنْزِعَنَّ مِنْ كُلِّ شِيعَةٍ أَيُّهُمْ أَشَدُّ عَلَى  
الرَّحْمَنِ عِتِيًّا (69) ثُمَّ لَنَحْنُ أَعْلَمُ بِالَّذِينَ هُمْ أَوْلَىٰ بِهَا صِلِيًّا (70)

Dan manusia (yang kafir) berkata: "Apa! apabila aku mati, Adakah aku akan dibangkitkan hidup semula?" Patutkah manusia itu berkata demikian dan tidak memikirkan bahawa Kami telah menciptakan dia dahulu sedang ia pada masa itu belum ada sebarang apapun? Dan manusia (yang kafir) berkata: "Apa! apabila Aku mati, Adakah Aku akan dibangkitkan hidup semula?" Patutkah manusia itu berkata demikian dan tidak memikirkan bahawa Kami telah menciptakan **dia** dahulu sedang ia pada masa itu belum ada sebarang apapun? Oleh itu, Demi Tuhanmu (Wahai Muhammad)! Sesungguhnya Kami akan himpulkan **mereka** yang kafir itu beserta syaitan-syaitan di padang Mahsyar, kemudian Kami akan bawa **mereka** duduk berlutut di keliling neraka jahannam. Sesudah itu, sesungguhnya Kami akan cabut dari tiap-tiap golongan, mana-mana orang yang sangat derhaka

kepada (Allah) Ar-Rahman, di antara **mereka**. Kemudian, Sesungguhnya Kami lebih mengetahui akan **orang-orang** yang lebih patut disiksa dan dibakar dengan api neraka itu.

Ayat ini adalah dalam konteks menjelaskan watak manusia yang yang mengingkari hari kebangkitan yang berkata: “ Apabila aku mati, apakah aku akan dibangkitkan semula?” al-Qur’an menangkis ungkapan ini dengan mengajak mereka berfikir berhubung kejadian mereka sendiri yang bermula dengan tiada.

Ayat ini memberi amaran kepada manusia yang mengingkari hari kebangkitan dengan menggunakan kata ganti diri ketiga seperti ungkapan:            ,            ,            . Penggunaan diri ketiga seolah-olah memberi isyarat kepada pembaca supaya menjauhi manusia yang tidak mempercayai hari kebangkitan kerana di akhirat nanti mereka akan menerima hukuman dari Allah (s.w.t).

Dari aspek yang lain penggunaan penggunaan ganti diri ketiga juga berfungsi memperkecilkan golongan yang syirik dan kafir.<sup>22</sup> Contohnya dalam ayat 88-95 surah Maryam.

Firman Allah(s.w.t):

وَقَالُوا اتَّخَذَ الرَّحْمَنُ وَلَدًا (88) لَقَدْ جِئْتُمْ شَيْئًا إِدًّا (89) تَكَادُ السَّمَوَاتُ  
يَتَفَطَّرْنَ مِنْهُ وَتَنْشَقُّ الْأَرْضُ وَخِزُّ الْجِبَالِ هَدًّا (90) أَنْ دَعَوْا لِلرَّحْمَنِ وَلَدًا (91)  
وَمَا يَنْبَغِي لِلرَّحْمَنِ أَنْ يَتَّخِذَ وَلَدًا (92) إِنْ كُلُّ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ إِلَّا  
ءَاتَى الرَّحْمَنِ عَبْدًا (93) لَقَدْ أَحْصَاهُمْ وَعَدَّهُمْ عَدًّا (94) وَكُلُّهُمْ ءَاتِيهِ يَوْمَ  
الْقِيَامَةِ فَرْدًا (95)

<sup>22</sup> al-Hasnawiyy (2006), *op.cit.*, hal. 165.

**Dan mereka yang kafir berkata:** "(Allah) Ar-Rahman, mempunyai anak." Demi sesungguhnya, kamu telah melakukan satu perkara yang besar salahnya! Langit nyaris-nyaris pecah disebabkan (anggapan mereka) yang demikian, dan bumi pula nyaris-nyaris terbelah, serta gunung-ganang pun nyaris-nyaris runtuh ranap, -kerana **mereka mendakwa** mengatakan: (Allah) Ar-Rahman mempunyai anak. Padahal tiadalah layak bagi (Allah) Ar-Rahman, bahawa ia mempunyai anak. Tidak ada sesiapa pun di langit dan di bumi melainkan ia akan datang kepada (Allah) Ar-Rahman, sebagai hamba. Demi sesungguhnya! Allah telah **mengira mereka** (dengan pengetahuan-Nya) serta **menghitung mereka** satu persatu. Dan mereka masing-masing akan datang mengadapnya pada hari kiamat dengan seorang diri.

Dalam ayat-ayat ini penggunaan kata ganti nama diri ketiga bertujuan memandang kecil terhadap sikap mereka yang berkata bahawa Allah (s.w.t) mempunyai anak. Dalam ayat-ayat di atas hanya satu ganti diri kedua digunakan iaitu dalam ayat 89 dalam bentuk iltifa:t dari ganti diri ketiga kepada diri kedua yang bermaksud "Demi sesungguhnya, kamu telah melakukan satu perkara yang besar salahnya!" manakala dalam ayat-ayat lain semua menggunakan ganti diri ketiga seperti ( ) "mereka berkata", ( ) "mereka mendakwa" , ( ) "mengira mereka", ( ) "menghitung mereka", ( ) "mereka kesemuanya" bertujuan memberi peringatan kepada mereka dan pengajaran kepada orang mukmin dari mencontohi sifat-sifat negatif mereka.

Sebagai kesimpulannya penggunaan kata ganti nama dalam surah Maryam adalah tepat dari segi balaghahnya dan menjadi dalil kepada i' ja:z al-Qur'a:n.



#### 6.4.2 Ta'rif Dengan Kata Nama Khas

Dalam surah ini disebut beberapa kata nama khas iaitu Zakaria (a.s) (ayat 2,7), Yahya (a.s) (ayat 7,12); Maryam (ayat 16); Isa (a.s) (ayat 34); Ibrahim (a.s) (ayat 41), Ishak dan Ya'kub (a.s) (ayat 49), Musa (a.s) (ayat 51), Harun (a.s) (ayat 53); Ismail (a.s) (ayat 54); Idris (a.s) (ayat 56); dan Israil (a.s) (ayat 58).

Penyebutan nama-nama ini bertujuan memuji dan membesarkan nama tersebut kerana kebaikan dan ketaqwaan mereka kepada Allah (s.w.t). Ia turut berfungsi menjadi pengajaran dan contoh kepada generasi kemudian supaya mencontohi sifat-sifat mereka yang mulia. Contohnya dalam ayat 7, Allah (s.w.t) berfirman:

يَنْزَكِرِيَا إِنَّا نُبَشِّرُكَ بِغُلَامٍ أَصْمُهُ تَحْيَىٰ لَمْ نَجْعَلْ لَهُ مِنْ قَبْلُ سَمِيًّا (7)

(Nabi Zakaria diseru setelah dikabulkan doanya):"Wahai Zakaria! Sesungguhnya Kami memberikan khabar yang mengembirakanmu dengan mengurniakan seorang anak lelaki bernama **Yahya**, yang Kami tidak pernah jadikan sebelum itu, seorangpun yang senama dengan-Nya".

Penyebutan nama Yahya (a.s) dalam ayat di atas bertujuan memperkukuhkan janji, memuliakan Yahya dan pengkhususan nama tersebut seperti dalam firman-Nya:

"Yang kami tidak pernah jadikan sebelum itu, seorangpun yang senama dengannya".<sup>23</sup>

#### 6.4.3 Ta'rif Dengan Kata Nama Petunjuk

Antara fungsi gaya pengekhasan dengan kata nama petunjuk dalam surah Maryam ialah mengisyaratkan sesuatu yang abstrak sebagai sesuatu yang dapat dilihat, menunjukkan ketinggian dan kemuliaan serta mengisyaratkan musyair ilahy berhak menerima apa yang telah disebut.

<sup>23</sup> al-Alu:siyy (1997), *op.cit.*, j. 16, hal. 65.

### Ayat 23

Firman Allah (s.w.t):

فَأَجَاءَهَا الْمَخَاضُ إِلَى جِذْعِ النَّخْلَةِ قَالَتْ يَلَيْتَنِي مِتُّ قَبْلَ هَذَا وَكُنْتُ نَسِيًّا

مَنْسِيًّا (23)

(Ketika ia hendak bersalin) maka sakit beranak itu memaksanya (pergi bersandar) ke pangkal sebatang pohon tamar (kurma); ia berkata Alangkah baiknya kalau aku mati sebelum **ini** dan menjadilah aku sesuatu yang dilupakan orang dan tidak dikenang-kenang!

Kata nama penunjuk pada asalnya digunakan untuk mengisyaratkan kepada sesuatu yang dekat secara fizikal. Namun dalam ayat ini, kata nama tunjuk digunakan untuk mengisyaratkan kepada perkara yang tersirat.

Kata nama petunjuk dalam ayat di atas mengisyaratkan kepada waktu di mana Maryam sedang menghadapi situasi yang amat membingungkan setelah melahirkan Isa (a.s).<sup>24</sup>

Maryam mengungkapkan kata nama petunjuk untuk membayangkan kesakitan dan ujian besar yang sedang dihadapinya seolah-olah ia suatu yang boleh disentuh dan dilihat.

### Ayat 34

ذَلِكَ عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ قَوْلَ الْحَقِّ الَّذِي فِيهِ يَمْتَرُونَ (34)

“Yang demikian sifat-sifatnya **itulah** Isa Ibnu Maryam. Keterangan yang tersebut ialah keterangan yang sebenar-benarnya, yang mereka ragu-ragu dan berselisihan padanya.”

Penggunaan kata nama petunjuk dalam ayat ini mengisyaratkan kepada Nabi Isa (a.s) dan sifat-sifatnya yang telah disebut dalam ayat-ayat sebelumnya seperti

<sup>24</sup> al-'Ima:diyy (t.t), *op.cit.*, j. 5, hal. 261.

dia adalah hamba Allah, mendapat keberkatan, sentiasa diperintahkan supaya mengerjakan solat dan mengeluarkan zakat, berbakti kepada ibu bapa serta tidak sombong dan derhaka. Sifat-sifat ini merupakan sifat yang sebenar bagi Isa (a.s) dan bukannya seperti yang digambarkan oleh golongan Yahudi dan Kristian.

Menurut al-Qurtūbiyy maksud dalam ayat ini ialah “Itu yang kami sebut sifat-sifatnya ialah Isa (a.s) yang diimani bukannya seperti yang didakwa oleh Yahudi yang menuduhnya anak kepada Yu:suf al-Najja:r. Bukan juga seperti yang didakwa oleh golongan Nasrani yang mendakwanya sebagai tuhan atau anak Allah.<sup>25</sup>

Selain itu, penggunaan kata nama petunjuk juga berfungsi menunjukkan ketinggian kedudukan Nabi Isa (a.s) yang jauh dari sifat-sifat kebatilan yang dikaitkan dengan baginda (a.s). Kesimpulannya fungsi kata nama petunjuk dalam ayat ini ialah untuk membezakan musya:r ilayh dengan perbezaan yang nyata serta menunjukkan kedudukan Isa (a.s).

### Ayat 36

Firman Allah (s.w.t):

(36) وَإِنَّ اللَّهَ رَبِّي وَرَبُّكُمْ فَأَعْبُدُوهُ هَدًى صِرَاطٌ مُسْتَقِيمٌ

Dan sesungguhnya Allah ialah Tuhanku dan Tuhan kamu maka Sembahlah kamu akan dia **inilah** jalan yang betul - lurus " .

Penggunaan kata nama petunjuk dalam ayat di atas menunjukkan musya:r ilayh iaitu jalan yang betul sangat jelas dan hampir seolah-olah ia berada di hadapan mata. Penggunaan ini membimbing manusia untuk mengikuti jalan lurus yang ada di hadapan mereka.

<sup>25</sup> al-Qurtūbiyy (2006), *op.cit.*, j. 13, hal. 449-450.

## Ayat 58

Firman Allah (s.w.t):

أُولَئِكَ الَّذِينَ أَنْعَمَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ مِنَ النَّبِيِّينَ ...

**Mereka itulah** sebahagian dari nabi-nabi yang telah dikurniakan Allah nikmat yang melimpah-limpah kepada mereka

Kata nama petunjuk dalam ayat ini kembali kepada Nabi dan individu yang disebut dari ayat 2 hingga 57. Penggunaan kata nama petunjuk adalah untuk menarik perhatian bahawa musyair ilah berhak menerima apa yang disebut selepas ism isyarat iaitu nikmat dari Allah (s.w.t) kerana mereka memiliki sifat-sifat yang telah disebut. Mereka layak mendapat nikmat kerana mereka terdiri daripada golongan yang mendapat hidayah, mencintai dan mengagungkan Allah (s.w.t). Mereka disifatkan sebagai Nabi, benar, ikhlas dan diredai.<sup>26</sup>

## Ayat 63

Firman Allah (s.w.t):

تِلْكَ الْجَنَّةُ الَّتِي نُورِثُ مِنْ عِبَادِنَا مَنْ كَانَ تَقِيًّا (63)

**Itulah** taman syurga yang kami akan berikan sebagai warisan pusaka kepada orang-orang yang bertaqwa dari hamba-hamba kami.

Penggunaan kata nama petunjuk bertujuan menyanjung mereka dan menggalakkan mereka untuk bertaubat.<sup>27</sup> Penggunaan kata nama petunjuk juga membawa maksud kebesaran syurga dan kedudukannya yang sangat tinggi.<sup>28</sup>

<sup>26</sup> Ibn 'A:syu:r (1997), *op.cit.*, j. 16, hal. 132.

<sup>27</sup> Ibn 'A:syu:r (1997), *op.cit.*, j. 16, hal. 136.

<sup>28</sup> Mohd Rosdi Ismail (2002), *op.cit.*, hal. 80.

#### 6.4.4 Ta'rif Dengan Kata Nama Mawṣu:l

Antara fungsi pengekhasan dengan kata nama mawṣu:l ialah, sebab penetapan sesuatu hukum, memperkecilkan sesuatu perkara dan penyebutan nama secara nyata akan mengaibkan.

#### Ayat 37 dan Ayat 96

Firman Allah (s.w.t):

فَوَيْلٌ لِلَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ مَّشْهَدِ يَوْمٍ عَظِيمٍ (37)

Maka kecelakaanlah **bagi orang-orang** kafir (yang berselisihan) itu, dari apa yang disaksikan pada hari yang besar huru-haranya.

Penggunaan kata nama mawṣu:l dalam ayat di atas bertujuan mengisyaratkan ṣilaṭ al-mawṣu:l iaitu frasa sebagai sebab penetapan sesuatu hukum atau balasan. Perkara yang menyebabkan mereka menerima azab adalah disebabkan oleh kekufuran mereka.

Contoh yang lain ialah dalam ayat 96. Allah (s.w.t) berfirman:

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ سَيَجْعَلُ لَهُمُ الرَّحْمَنُ وُدًّا (96)

Sesungguhnya orang-orang **yang** beriman dan beramal soleh, Allah yang melimpah-limpah rahmat-Nya akan menanamkan bagi mereka dalam hati orang ramai perasaan kasih sayang.

Dalam ayat ini kata nama mawṣu:l digunakan untuk mengisyaratkan ṣilaṭ al-mawṣu:l iaitu beriman dan beramal soleh menjadi sebab mereka mendapat kasih sayang dari orang ramai.

## Ayat 48-49 Dan Ayat 79-80

Firman Allah (s.w.t):

وَأَعْتَرِلْكُمْ وَمَا تَدْعُونَ مِن دُونِ اللَّهِ وَأَدْعُوا رَبِّي عَسَىٰ أَلَّا أَكُونَ بِدُعَاءِ رَبِّي شَقِيًّا (48) فَلَمَّا أَعْتَرَهُمْ وَمَا يَعْبُدُونَ مِن دُونِ اللَّهِ وَهَبْنَا لَهُ إِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ  
وَكُلًّا جَعَلْنَا نَبِيًّا (49)

Dan aku akan membawa diri meninggalkan kamu semua serta **apa yang** kamu sembah yang lain dari Allah; dan aku akan beribadat kepada tuhanku dengan ikhlas; mudah-mudahan aku dengan ibadatku kepada tuhanku itu tidak menjadi hampa (dan derhaka seperti kamu)". Maka apabila ia berhijrah meninggalkan mereka dan **apa yang** mereka sembah yang lain dari Allah. Kami kurniakan kepadanya: Ishak (anaknya), dan Ya'kub (cucunya); dan kedua-duanya Kami jadikan berpangkat Nabi.

Gaya bahasa ta'rif dengan kata nama mawṣu:l dalam ayat ini bertujuan memperkecilkan sesuatu perkara. Penggunaan kata nama mawṣu:l berfungsi memperkecilkan berhala yang disembah oleh bapa nabi Ibrahim (a.s) dan kaumnya. Al-Qur'an tidak menyebut perkataan berhala ( ) sebaliknya menggunakan kata nama mawṣu:l .

Perkara yang sama dilihat dalam ayat berikut:

كَلَّا سَنَكْتُبُ مَا يَقُولُ وَنَمُدُّ لَهُ مِنَ الْعَذَابِ مَدًّا (79) وَنَرِثُهُ مَا يَقُولُ  
وَيَأْتِينَا فَرْدًا (80)

Tidak sekali-kali! Kami akan menulis **apa yang** dikatakannya, dan Kami akan tambah baginya dari azab seksa, berganda-ganda. Dan Kami akan warisi (harta benda dan anak-pinak) **yang** dikatakannya itu, dan ia akan datang kepada kami dengan seorang diri.

Dalam ayat ini penggunaan kata nama mawṣu:l bertujuan memperkecilkan ucapan manusia yang mendakwa akan diberikan harta kekayaan dan anak-pinak pada hari akhirat.

Ia juga bertujuan untuk menyampaikan mesej secara ringkas (i:ja:z) tanpa menyebut kembali ungkapannya yang telah dinyatakan dalam ayat 77: “Demi Sesungguhnya aku akan diberikan harta kekayaan dan anak-pinak.”<sup>29</sup>

### Ayat 77

Antara tujuan gaya bahasa ta'rif dengan kata nama mawṣu:l dalam surah Maryam ialah penyebutan nama secara nyata akan mengaibkannya. Ini dapat di lihat dalam ayat 77. Firman Allah (s.w.t):

أَفْرَأَيْتَ الَّذِي كَفَرَ بِآيَاتِنَا وَقَالَ لَأُوتِينَ مَالًا وَّوَلَدًا (77)

Maka tidakkah engkau merasa hairan memikirkan (Wahai Muhammad), akan **orang yang kufur ingkar kepada ayat-ayat keterangan Kami** serta ia berkata: "Demi sesungguhnya aku akan diberikan harta kekayaan dan anak-pinak pada hari akhirat?"

Ayat ini menggunakan kata nama mawṣu:l tanpa menyebut nama orang yang berkata. Penggunaan ism mawṣu:l bertujuan menunjukkan makna yang umum kepada sesiapa yang mengingkari ayat-ayat Allah dan mengungkapkan ucapan seperti yang disebut dalam ayat. Ia juga bertujuan mengelakkan dari mengaibkan orang tersebut.

Merujuk kepada riwayat dalam sumber-sumber tafsir, ayat ini mempunyai asba:b nuzu:l. Antaranya yang diriwayatkan al-Bukhariyy daripada Khabba:b (r.a) berkata:

كُنْتُ قَيْنًا فِي الْجَاهِلِيَّةِ وَكَانَ لِي عَلَى فَاتِيهِ اتَّقَاضَاهُ فَقَالَ لَا حَتَّى تَكْفُرَ بِمُحَمَّدٍ فَقُلْتُ لَا وَاللَّهِ لَا أَكْفُرُ بِمُحَمَّدٍ وَاللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَتَّى يَمِيتَكَ اللَّهُ ثُمَّ قِيلَ لَكَ عَنِّي حَتَّى أَمُوتَ ثُمَّ أَبْطُوتِي مَالًا وَوَلَدًا ثُمَّ

<sup>29</sup> Ibn 'A:syu:r (1997), *op.cit.*, j. 16, hal. 162.

Saya seorang tukang besi semasa jahiliyah. Pada masa itu al-'A:s bin Wa:il berhutang dengan saya. Saya berjumpa dengannya untuk menuntut hutang. Al-'A:s berkata: Saya tidak akan membayar hutangmu sehingga kamu kafir dengan Muhammad (s.a.w). Saya menjawab: Saya tidak akan kufur sekalipun kamu dimatikan oleh Allah (s.w.t) kemudian kamu dibangkitkan. Beliau menjawab: Biarkan saya sehingga saya mati, kemudian saya dibangkitkan dan saya diberi harta dan anak-anak. Nanti saya akan selesaikan hutang saya dengan kamu, lalu Allah (s.w.t) menurunkan ayat ini.<sup>30</sup>

Al-Qur'an boleh menyebut:

tetapi al-Qur'an memadamai menyebut orang yang kufur ingkar dengan ayat kami kerana tujuan al-Qur'an bukan untuk mengaibkan pelaku sebaliknya mengajar pembaca untuk menjauhi perbuatan tersebut.

Menurut al-Sya'rawiyy, al-Qur'an tidak menyebut nama pelaku dalam ayat ini sekalipun pelaku tersebut diketahui oleh Rasul (s.a.w). Ini disebabkan ucapan ini mungkin diucapkan pada zaman ini atau pada zaman-zaman yang lain. Individu yang mengucapkan ucapan bukanlah tujuan penyebutan ayat ini.<sup>31</sup>

#### 6.4.5 Ta'rif Dengan Alif-la:m

Semua bentuk pengkhasan dengan alif-la:m terdapat dalam surah Maryam. Ia dapat dilihat dalam jadual di bawah:

**Jadual 6.4 Ta'rif Dengan Alif-la:m Dalam Surah Maryam**

BIL	NO.AYAT	AYAT	KATEGORI ALIF LA:M
1	4	رَبِّ إِيْنِيَّ وَهَنَ الْعَظْمِيَّ	Alif-la:m generik
2	4	الرَّأْسُ	Alif-la:m 'ahdiyyat
3	5	نِيَّ خَفَّتْ الْمَوَالِي	Alif-la:m 'ahdiyyat

<sup>30</sup> Hadith riwayat Imam al-Bukha:riyy no. 2091, 2275, 2425, 4732, 4733, 4734, 4735, Imam Muslim no. 2795

<sup>31</sup> al-Sya'ra:wiyy (1991), *op.cit.*, j. 15, hal. 9173-9174.



4	8	الْكَبِيرَ	Alif-la:m 'ahdiyyat
5	10	النَّاسِ	Alif-la:m generik
6	11	المَحْرَابِ	Alif-la:m 'ahdiyyat
7	12	يُحْيِي خُذَ الْكِتَابِ	Alif-la:m 'ahdiyyat
8	16	كُرِّ فِي الْكِتَابِ	Alif-la:m 'ahdiyyat
9	21	لِلنَّاسِ	Alif-la:m generik
10	23	الْمَخَابِيضُ جَذَعِ النَّخْلَةِ	Alif-la:m 'ahdiyyat
11	29	نُكَلِّمُ مَنْ كَانَ فِي الْمَهْدِ	Alif-la:m 'ahdiyyat
12	30	إِنِّي عَبْدُ اللَّهِ آتَانِي الْكِتَابِ	Alif-la:m 'ahdiyyat
13	31	صَانِي بِالصَّلَاةِ الزَّكَاةِ	Alif-la:m 'ahdiyyat
14	38	الظَّالِمُونَ فِي ضَلَالٍ مُبِينٍ	Alif-la:m generik
15	38	الْيَوْمَ مَضَىٰ لَ مُبِينٍ	Alif-la:m 'ahdiyyat
16	41	كُرِّ فِي الْكِتَابِ	Alif-la:m 'ahdiyyat
17	43	إِنِّي قَدْ جَاءَنِي مِنَ الْعِلْمِ	Alif-la:m 'ahdiyyat
18	51	كُرِّ فِي الْكِتَابِ	Alif-la:m 'ahdiyyat
19	54	كُرِّ فِي الْكِتَابِ إِسْمَاعِيلَ	Alif-la:m 'ahdiyyat
20	55	بِالصَّلَاةِ الزَّكَاةِ	Alif-la:m 'ahdiyyat
21	56	كُرِّ فِي الْكِتَابِ	Alif-la:m 'ahdiyyat
22	58	التَّبَيِّنِ	Alif-la:m generik
23	61	عَدْنِ الَّتِي وَعَدَ الرَّحْمَنُ عِبَادَ الْغَيْبِ	Alif-la:m 'ahdiyyat
24	66	الْإِنْسَانَ	Alif-la:m generik
25	67	الْإِنْسَانَ خَلَقْنَاهُ مِنْ قَبْلُ وَلَمْ يَكُ شَيْعًا	Alif-la:m 'ahdiyyat
26	73	الْفَرِيقَيْنِ	Alif-la:m 'ahdiyyat
27	75	الْعَذَابِ	Alif-la:m generik
28	75	السَّاعَةِ	Alif-la:m 'ahdiyyat

Berikut adalah huraian fungsi balaghah penggunaan alif la:m dalam surah

Maryam;

#### Ayat 4:

Firman Allah (s.w.t):

قَالَ رَبِّ إِنِّي وَهَنَ الْعَظْمُ مِنِّي وَأَشْتَعَلَ الرَّأْسُ شَيْبًا

Ia merayu dengan berkata: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya telah lemahlah **tulang -tulangku**, dan telah putih melepaklah uban **kepalaku**; dan aku - Wahai Tuhanku - tidak pernah merasa hampa dengan doa permohonanku kepadamu.

Dalam ayat ini terdapat dua gaya pengekhasan dengan alif-la:m iaitu pada perkataan dan . Alif-la:m pada perkataan adalah alif-la:m generik kategori alif-la:m istighra:qiyyat yang menunjukkan pengertian menyeluruh bagi semua tulang. Penggunaan alif-la:m di sini menunjukkan Zakaria (a.s) mengadu kepada Tuhan-nya bahawa seluruh tulangnya yang menjadi asas kepada kekuatan seseorang telah menjadi lemah. Ungkapan ini menunjukkan beliau berada dalam keadaan yang lemah.<sup>32</sup>

Alif-la:m pada perkataan pula adalah alif-la:m al-'ahdiyyat; kategori al-'ahd al-ḥuḍu:riyy iaitu kepalaku. Zakaria (a.s) tidak menyebut , telah putih melepaklah kepalaku dengan uban dalam bentuk ida:fat kerana diri kedua (mukha:ṭab); Allah(s.w.t) mengetahui yang dimaksudkan dengan kepala dalam ayat ini ialah kepala Zakaria (a.s).<sup>33</sup>

<sup>32</sup> Abu: Ḥayya:n (1993), *op.cit.*, j.6, hal.164, Ibn 'A:syu:r (1997), *op.cit.*, j.16, hal.64.

<sup>33</sup> al-Alu:siyy (1997), *op.cit.*, j.16, hal.87.

## Ayat 5

Firman Allah (s.w.t):

وَإِنِّي خِفْتُ الْمَوَالِيَ مِنْ وَرَائِي وَكَانَتِ امْرَأَتِي عَاقِرًا فَهَبْ لِي مِنْ لَدُنْكَ وَلِيًّا



Dan sesungguhnya aku merasa bimbang akan kecuaiannya **kaum kerabatku** menyempurnakan tugas-tugas agama sepeninggalanku; dan isteriku pula adalah seorang yang mandul; oleh itu, kurniakanlah daku dari sisi-Mu seorang anak lelaki.

Alif-La:m pada perkataan **الموالي** adalah alif-la:m al-'ahdiyyat; kategori al-'ahd al-ḥuḍuriyy. Perkataan **الموالي** adalah jama' kepada perkataan **لى** bermaksud kaum kerabat. Menurut al-Ḥalabiyy **تُ الْمَوَالِيَ** bermaksud bimbangkan anak-anak saudaranya dan saudara maranya. Mereka ialah keturunannya yang datang selepasnya.<sup>34</sup> Dengan ini ayat ini bermaksud Zakaria (a.s) bimbangkan kaum kerabatnya dari keturunannya akan bertindak dengan cara tidak baik selepas kewafatannya. Kesimpulannya, penggunaan alif-la:m pada perkataan **الموالي** merujuk kepada kaum kerabat yang berada dalam pemikiran Zakaria(a.s).

## Ayat 8

Firman Allah(s.w.t)

وَقَدْ بَلَغْتَ مِنَ الْكِبَرِ عِتِيًّا

Dan aku sendiri pula telah sampai **had umur** yang setua-tuanya?"

Ungkapan ini merupakan sebahagian dari respon Zakaria(a.s) apabila dia menerima berita gembira berkenaan anak yang bakal diperolehinya yang diberi nama Yahya. Penulis berpandangan alif-la:m pada perkataan **الكبير** adalah alif-la:m al-'ahdiyyat kategori tersirat ( ) kerana sebelum ini belum disebut perkataan **الكبير**. Pada pandangan penulis **الكبير** (had umur yang tua) merujuk kepada perihal yang disebut oleh

<sup>34</sup> al-Ḥalabiyy (1996), *op.cit.*, j.4, hal.342.

Zakaria(a.s) semasa beliau berdoa sebelum ini. Beliau menyebut sesungguhnya tulang-tulangku telah lemah dan uban telah memenuhi kepalanya seperti yang dihuraikan dalam ayat 4.

### Ayat 10,21

Firman Allah (s.w.t):

قَالَ رَبِّ اجْعَلْ لِي آيَةً قَالَ آيَتُكَ إِلَّا تُكَلِّمَ النَّاسَ ثَلَاثَ لَيَالٍ سَوِيًّا (10)

Nabi Zakaria merayu lagi: "Wahai Tuhanku! Jadikanlah satu tanda bagiku (yang menunjukkan isteriku mengandung)", Allah Taala berfirman: " Tandamu itu ialah engkau tidak berupaya berkata-kata dengan **orang ramai** selama tiga malam, sedang engkau dalam keadaan sihat".

Alif-la:m pada perkataan                    tergolong dalam kategori alif-la:m generik al-istighra:qiyyat yang berfungsi menunjukkan Zakaria (a.s) tidak berupaya berkata-kata dengan manusia keseluruhannya. Penulis berpandangan alif-la:m generik dalam ayat ini termasuk dalam kategori nisbah kerana manusia dalam ayat ini bukanlah semua manusia sebaliknya terbatas pada semua manusia yang dijumpai oleh Zakaria (a.s) sepanjang tempoh tiga hari tiga malam. Pada waktu ini Zakaria (a.s) tidak berupaya berkata-kata dengan manusia keseluruhannya. Sebelum tempoh ini dan selepas tempoh ini Zakaria (a.s) boleh bertutur dengan mana-mana manusia.

Firman Allah (s.w.t):

وَلَنَجْعَلَنَّ آيَةً لِلنَّاسِ وَرَحْمَةً مِنَّا (21)

Dan Kami hendak menjadikan pemberian anak itu sebagai satu tanda (yang membuktikan kekuasaan kami) untuk **umat manusia** dan sebagai satu rahmat dari kami...

Ayat di atas menjelaskan berhubung kuasa Allah (s.w.t) menjadikan kejadian Isa (a.s) tanpa bapa sebagai tanda kekuasaan Allah (s.w.t) kepada manusia<sup>35</sup>. Dalam ayat ini, perkataan disebut secara ta'rif dengan alif-la:m. Para sarjana tafsir seperti Ibnu Kathi:r dan al-Alu:siyy menyebut bahawa kelahiran Isa (a.s) menjadi tanda kekuasaan Allah (s.w.t) kepada seluruh manusia.<sup>36</sup> Berasaskan kepada tafsiran ini, penulis berpendapat alif-la:m pada perkataan ini adalah termasuk dalam kategori alif-la:m generik istighra:qiyyat. Manusia dalam ayat ini meliputi semua manusia sepanjang zaman dan bukan sahaja pada zaman Nabi Isa (a.s.). Penulis melihat terjemahan umat manusia dalam Tafsir Pimpinan al-Rahman menepati fungsi alif-la:m dalam ayat ini.<sup>37</sup>

## Ayat 11

Firman Allah(s.w.t):

فُخْرِجَ عَلَىٰ قَوْمِهِ مِنَ الْمِحْرَابِ فَأَوْحَىٰ إِلَيْهِمْ أَن سَبِّحُوا بُكْرَةً وَعَشِيًّا (11)

Maka dia pun keluar mendapatkan kaumnya dari **Mihrab (tempat sembahyangnya)**, lalu ia memberi isyarat kepada mereka: "Hendaklah kamu bertasbih(mengerjakan ibadat kepada Allah) pagi dan petang".

Alif-la:m pada perkataan tergolong dalam kategori alif-la:m al-'ahdiyyat; kategori al-'ahd al-huḍu:riyy ( ). Mihrab dalam ayat ini bukanlah semua mihrab tetapi merujuk kepada mihrab Nabi Zakaria (a.s). Ini adalah mesej yang ingin disampaikan oleh Allah(s.w.t) dari ayat ini.

<sup>35</sup> al-Ra:ziyy (1981), *op.cit.*, j. 21, hal. 201.

<sup>36</sup> Ibn Kathi:r (1994), *op.cit.*, j. 3, hal. 156, al-Alu:siyy (1997), j. 16, hal. 114.

<sup>37</sup> Sheikh Abdullah Basmeih (1995), *op.cit.*, hal. 751.

Dari segi bahasa mihrab ialah tempat ibadat yang dikhususkan untuk ibadat seperti solat, zikir dan sebagainya. Menurut al-Aṣfaha:niyy, salah satu sebab dinamakan mihrab al-masjid ialah kerana ia menjadi tempat memerangi syaitan dan nafsu.<sup>38</sup>

Meninjau penggunaan perkataan *al-mihrab* di dalam al-Qur'an, ianya disebut di sebanyak empat kali<sup>39</sup> semuanya dengan gaya pengekhasan dengan alif-la:m. Penyebutannya dengan gaya bahasa ta'rif mempunyai fungsi khusus yang menjadi dalil kepada i'jaz al-Qur'an. Dua daripadanya berkaitan dengan Zakaria (a.s), satu berkaitan Maryam dan satu berkaitan Nabi Daud (a.s). *al-mihrab* berkaitan Zakaria(a.s) ialah ayat ini dan firman Allah(s.w.t):

فَنَادَتْهُ الْمَلَائِكَةُ وَهُوَ قَائِمٌ يُصَلِّي فِي الْمِحْرَابِ أَنَّ اللَّهَ يُبَشِّرُكَ بِيَحْيَىٰ مُصَدِّقًا  
بِكَلِمَةٍ مِّنَ اللَّهِ وَسَيِّدًا وَحَصُورًا وَنَبِيًّا مِّنَ الصَّالِحِينَ ﴿٣٩﴾

Lalu ia diseru oleh malaikat sedang ia berdiri sembahyang di **Mihrab**, (katanya): "Bahawasanya Allah memberi khabar yang mengembirakanmu, dengan (mengurniakanmu seorang anak lelaki bernama) Yahya, yang akan beriman kepada kalimah dari Allah, dan akan menjadi ketua, dan juga akan menahan diri dari berkahwin, dan akan menjadi seorang nabi dari orang-orang yang soleh".

Surah A:l 'Imra:n(3):39.

Perkataan *al-mihrab* dalam ayat di atas adalah merujuk kepada tempat Zakaria (a.s) mengerjakan solat dan malaikat memberitahu berita gembira kurniaan anak kepada Yahya. Di sinilah Zakaria (a.s) berdoa kepada tuhaninya dengan perlahan meminta dikurniakan anak, lalu Allah (s.w.t) memakbulkan permintaannya. Allah (s.w.t) mengutus malaikat untuk membawa berita gembira kepadanya di mihrab yang sama.<sup>40</sup> Dari mihrab yang sama Nabi Zakaria (a.s) keluar dengan memberi isyarat kepada kaumnya supaya bertasbih pagi dan malam seperti yang dinyatakan dalam ayat 11 surah

<sup>38</sup> al-Aṣfaha:niyy (1997), *op.cit.*, hal. 225.

<sup>39</sup> al-Kha:lidiyy (1998), j. 4, hal. 127. Tempat-tempat tersebut ialah dalam surah A:l 'Imra:n (3):37 yang merujuk kepada tempat ibadat Maryam; A:l 'Imra:n (3):39 dan Maryam (19):11, merujuk kepada tempat ibadat Zakaria (a.s) dan Ṣa:d (38):21 merujuk kepada tempat ibadat Nabi Daud (a.s).

<sup>40</sup> al-Kha:lidiyy (1998), j. 4, hal. 127-128.

Maryam.<sup>41</sup> Kesimpulannya alif-la:m pada perkataan dalam ayat 11 surah Maryam ialah alif la:m ‘ahdiyyaṭ yang merujuk kepada tempat ibadat yang khusus kepada Nabi Zakaria (a.s).

### Ayat 12 serta ayat 16, 30, 41,51,54 dan 56

Perkataan secara ta’rif disebut sebanyak tujuh kali dalam surah Maryam, semuanya dalam bentuk pengekhasan dengan alif-la:m. Maksud adalah berbeza-berbeza mengikut konteks ayat.

**Jadual 6.5 Tempat-tempat penyebutan perkataan الكتاب dalam surah Maryam.**

Bil	No.ayat	Ayat	Maksud
1	12	يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ اٰتٰنَا الْكِتٰبَ بِقُوَّةٍ	Taurat
2	16	وَاذْكُرْ فِي الْكِتٰبِ مَرْيَمَ	al-Qur’an
3	30	قَالَ اِنِّى عَبْدُ اللّٰهِ ؕ اٰتٰنِى الْكِتٰبَ	Injil
4	41	وَاذْكُرْ فِي الْكِتٰبِ اِبْرٰهِيْمَ	al-Qur’an
5	51	وَاذْكُرْ فِي الْكِتٰبِ مُوسٰى	al-Qur’an
6	54	وَاذْكُرْ فِي الْكِتٰبِ اِسْمٰعِيْلَ	al-Qur’an
7	56	وَاذْكُرْ فِي الْكِتٰبِ اِدْرِيسَ	al-Qur’an

Para sarjana tafsir berselisih pandangan berhubung maksud dalam ayat 12 surah Maryam.

(a) al-Ṭabariyy, al-Ra:ziyy, al-Zamaksyariyy, Ibn ‘Aṭiyyaṭ dan al-Qurṭubiiyy menyebut bahawa kitab dalam ayat ini ialah kitab Taurat.<sup>42</sup>

<sup>41</sup> Ibn Kathi:r (1994), *op.cit.*,j.3, hal.153.

Menurut Ibn ‘Aṭīyyat, merujuk kepada kitab Taurat bahkan beliau berpendapat ia adalah pandangan yang tidak diperselisihkan dengan alasan hanya kitab Taurat yang ada pada masa itu kerana kitab Injil belum diturunkan.<sup>43</sup> Pandangan ini dipersetujui oleh al-Qurṭūbiyy.<sup>44</sup> Penulis berpandangan pandangan ini tidak tepat kerana terdapat beberapa pandangan lain yang disebut oleh sarjana tafsir.

(b) al-Ra:ziyy dan al-Alu:siyy menyebut pandangan sebahagian ahli tafsir yang berpendapat dalam ayat ini ialah kitab yang khusus untuk Yahya (a.s) sebagaimana beberapa Nabi diberikan kitab.<sup>45</sup>

(c) al-Alu:siyy menyebut pandangan ketiga iaitu sebahagian yang lain berpendapat dalam ayat ini ialah suhuf Ibrahim.<sup>46</sup>

(d) al-Alu:siyy juga menyebut terdapat juga pandangan alif-la:m pada perkataan ialah alif-la:m generik yang membawa maksud berpeganglah dengan semua jenis kitab Allah (s.w.t) yang telah diturunkan.<sup>47</sup>

Sepanjang analisis yang penulis belum bertemu siapakah sarjana yang berpegang dengan pandangan kedua dan ketiga dan keempat. Penulis cenderung kepada pandangan majoriti sarjana tafsir yang mentafsirkan dalam ayat 12 surah Maryam sebagi kitab Taurat kerana kitab tersebut menjadi rujukan Bani Israel pada

---

<sup>42</sup> al-Tabariyy (2001), *op.cit.*, j. 15, hal. 473, al-Ra:ziyy (1981), *op.cit.*, j. 21, hal. 192, al-Zamakhshariyy (1987), *op.cit.*, j. 3, hal. 29.

<sup>43</sup> Ibn ‘Aṭīyyat (2001), *op.cit.*, j. 4, hal. 7.

<sup>44</sup> al-Qurṭūbiyy (2006), *op.cit.*, j. 13, hal. 423.

<sup>45</sup> al-Ra:ziyy (1981), *op.cit.*, j. 21, hal. 192, al-Alu:siyy (1997), *op.cit.*, j. 16, hal. 104.

<sup>46</sup> al-Alu:siyy (1997), *op.cit.*, j. 16, hal. 104.

<sup>47</sup> *Ibid.*



zaman tersebut. Dengan memilih pandangan ini maka alif-la:m adalah alif-la:m 'ahdiyyat kategori 'ahd 'ilmiyy.

### Ayat 30

Majoriti sarjana tafsir berpendapat perkataan dalam ayat ini ialah kitab Injil. Ini merupakan pandangan sarjana tafsir seperti al-Qurtubiyy, Ibn 'Aṭiyyat, al-Alu:siyy dan Ibn 'A:syu:r.<sup>48</sup> al-Ṭabariyy dan Ibn Kathi:r menyatakan bahawa kitab yang dimaksudkan dalam ayat 30 ialah kitab yang telah ditetapkan oleh Allah (s.w.t).<sup>49</sup>

Penulis bersetuju dengan pandangan bahawa dalam ayat ini ialah kitab Injil yang telah ditetapkan oleh Allah (s.w.t) yang untuk diturunkan kepada Nabi Isa (a.s). Oleh itu alif-la:m pada ialah alif-la:m 'ahdiyyat; kategori 'ahd ḥuḍu:riyy ( ) merujuk kepada kitab yang khusus yang dimaksudkan oleh Isa (a.s) yang masih bayi iaitu kitab Injil.

Demikian juga pada perkataan dalam ayat 16, 41,51,54 dan 56 merupakan alif-la:m 'ahdiyyat; kategori 'ahd ḥuḍu:riyy ( ) kerana perintah tersebut ialah kepada Nabi Muhammad (s.a.w) dan baginda memahami perkataan merujuk kepada kitab al-Qur'an.

Huraian ini jelas sekali menunjukkan i'jaz al-Qur'a:n dengan menggunakan satu perkataan tetapi membawa pelbagai maksud tanpa perlu menyebut jenis kitab. Jika disebut dalam bahasa Melayu, maka ayat itu akan menjadi seperti berikut:

Wahai Yahya berpeganglah dengan kitab **Taurat**.

<sup>48</sup> al-Qurtubiyy (2006), *op.cit.*, j. 13, hal. 446, Ibn 'Aṭiyyat (2001), j. 4, hal. 14, al-Alu:siyy (1997), *op.cit.*, j. 16, hal. 130, Ibn 'A:syu:r (1997), *op.cit.*, j. 16, hal. 98.

<sup>49</sup> al-Ṭabariyy (2001), *op.cit.*, j. 15, hal. 529, Ibn Kathi:r (1993), j. 3, hal. 162.

Isa(a.s) berkata: Saya diberikan kitab **Injil** (yang ditetapkan oleh Allah (s.w.t) untuk diturunkan kepadaku.

Sebutlah wahai Muhammad (s.a.w) dalam kitab **al-Qur'an**.

al-Qur'an tidak menyebut perkataan taurat, Injil dan al-Qur'an tetapi memadai dengan menambah diawal perkataan dan maksudnya difahami dengan menganalisis konteks ayat.

## Ayat 12

Firman Allah(s.w.t):

وَأَتَيْنَاهُ الْحُكْمَ صَبِيًّا (12)

Dan kami berikan kepadanya **hikmat kebijaksanaan** semasa ia masih kanak-kanak.

Terdapat beberapa tafsiran yang diberikan oleh sarjana tafsir berhubung maksud dalam ayat ini . bukanlah bermaksud pemerintahan kerana Yahya (a.s) tidak pernah menjadi pemerintah Bani Israel.<sup>50</sup> al-Ṭabariyy menyatakan ayat ini bermaksud kami berikan kepadanya kefahaman berhubung kitab Allah sejak kanak-kanak lagi.<sup>51</sup>

Penulis berpendapat tafsiran yang konkrit berkaitan perkataan ialah pendapat Ibn Kathi:r yang menyebutnya sebagai kami berikan kepadanya kefahaman, ilmu, kesungguhan dan keazaman, menerima kebaikan dan bersungguh-sungguh dalam melakukan kebaikan di usia kanak-kanak sebelum baligh.<sup>52</sup>

Dengan tafsiran ini penulis berpendapat fungsi alif-la:m pada perkataan membawa maksud alif-la:m al-'ahdiyyaṭ kategori al-'ahd al-'ilmiyy ( ) iaitu

<sup>50</sup> al-Kha:lidiyy(1998), *op.cit.*, j.4, hal.148.

<sup>51</sup> al-Ṭabariyy(2001), *op.cit.*, j.15, hal.474.

<sup>52</sup> Ibn Kathi:r (1994), *op.cit.*,j.3, hal.153.

Yahya(a.s) bukanlah dikurniakan segala bentuk kebijaksanaan semasa dia masih kanak-kanak sebaliknya dia diberikan kefahaman, ilmu dan kesungguhan seperti yang ditafsirkan oleh Ibn Kathi:r.

### Ayat 23

Firman Allah (s.w.t):

فَأَجَاءَهَا الْمَخَاضُ إِلَى جِذْعِ النَّخْلَةِ

(ketika ia hendak bersalin) maka **sakit beranak** itu memaksanya (pergi bersandar) ke pangkal sebatang pohon tamar (kurma);!

dalam ayat ini bermaksud sakit melahirkan anak. Ia berasal dari perkataan ، مَخَاضٌ bermaksud hampir tiba masa melahirkan anaknya sementara perkataan مَخَاضٌ bermaksud yang hampir melahirkan anaknya dan pluralnya ialah مَخَاضَاتٌ ، مَوَا

Antara i'ja:z al-Qur'a:n dalam penggunaan perkataan مَخَاضٌ ialah perkataan ini hanya disebut sekali sahaja dalam al-Qur'an iaitu dalam ayat ini. Ini bermakna al-Qur'an menyebut tentang sakit melahirkan anak sekali sahaja iaitu sakit yang dialami oleh Maryam. Penulis berpendapat alif-la:m pada perkataan مَخَاضٌ adalah alif-la:m al-'ahdiyyat; kategori 'ahd ḥuḍu:riyy (مَخَاضٌ) merujuk kepada sakit melahirkan anak yang sedang dialami oleh Maryam.

<sup>53</sup> Kamus Besar Arab-Melayu Dewan, hal. 2174-2175, al-Kha:lidiyy (1998), j. 4, hal. 247.

## Ayat 26

Firman Allah(s.w.t):

فَكُلِي وَاشْرَبِي وَقَرِّي عَيْنًا ۖ فَمَا تَرَيْنَ ۚ مِنَ الْبَشَرِ أَحَدًا فَقُولِي إِنِّي نَذَرْتُ لِلرَّحْمَنِ  
صَوْمًا فَلَنْ أُكَلِّمَ الْيَوْمَ إِنْسِيًّا ﴿٢٦﴾

"Maka makanlah dan minumlah serta bertenanglah hati dari segala yang merunsingkan, kemudian kalau engkau melihat **seseorang manusia**, maka katakanlah: Sesungguhnya aku bernazar diam membisu kerana (Allah) Ar-Rahman; (setelah aku menyatakan yang demikian) maka aku tidak akan berkata-kata kepada sesiapa pun dari kalangan manusia **pada hari ini**".

Terdapat dua perkataan dikhaskan dengan alif-la:m dalam ayat di atas iaitu dan . Alif-la:m pada perkataan adalah alif-la:m generik al-istighra:qiyyat yang bermaksud apabila kamu melihat sesiapa sahaja dari kalangan manusia maka katakanlah aku bernazar diam pada hari ini. Penulis berpandangan alif-la:m generik dalam ayat ini termasuk dalam kategori nisbah kerana manusia dalam ayat ini bukanlah semua manusia sebaliknya terbatas pada semua manusia yang dijumpai oleh Maryam(a.s) semasa beliau mendukung Isa (a.s).

Pengkhasan perkataan pula berfungsi sebagai alif-la:m 'ahdiyyat; kategori al-'ahd al-hudu:riyy ( ) bermaksud hari Maryam berjumpa dengan manusia sambil mendukung anak.

## Ayat 29

Firman Allah(s.w.t):

فَأَشَارَتْ إِلَيْهِ قَالُوا كَيْفَ نُكَلِّمُ مَنْ كَانَ فِي الْمَهْدِ صَبِيًّا ﴿٢٩﴾

Maka Maryam segera menunjuk kepada anaknya. mereka berkata (dengan hairannya): "Bagaimana kami boleh berkata-kata dengan seorang yang masih kanak-kanak dalam buaian?"

Dalam ayat ini kaum Maryam mempersoalkan tindakan Maryam (a.s) yang mengisyarat kepada anaknya (Isa a.s). Bagaimana kami bertanya kepada seorang kanak-kanak? Adakah dia memahami soalan kami? Sekiranya dia memahami pertanyaan kami adakah dia mampu menjawabnya? Kami tidak pernah melihat kanak-kanak yang baru dilahirkan yang dalam pangkuan ibu boleh bertutur dengan bahasa yang jelas.

Dari segi bahasa bermaksud tempat yang disediakan untuk meletakkan bayi seperti yang disebut oleh al-Aṣfaha:niyy.<sup>54</sup> Menurut kamus Besar Arab-Melayu Dewan perkataan bermaksud buaian dan tanah rendah yang rata.<sup>55</sup> Menurut al-Kha:lidiyy yang dimaksudkan dengan disini ialah dalam pangkuan ibunya kerana mereka melihatnya dan dia membawanya.<sup>56</sup> Dengan tafsiran ini maka alif-la:m pada perkataan adalah alif-la:m 'ahdiyyat; kategori 'ahd ḥuḍu:riyy ( ).

Perkataan secara pengkhasan, perkataan disebut sebanyak tiga kali kesemuanya dalam konteks menyebut berhubung Nabi Isa (a.s).<sup>57</sup> Kehalusan pemilihan penyebutan secara pengkhasan khusus untuk Isa (a.s) jelas menunjukkan i'jaz al-Qur'a:n.

<sup>54</sup> al-Aṣfaha:niyy (1997), *op.cit.*, hal. 200.

<sup>55</sup> Kamus Besar Arab-Melayu Dewan, hal. 2265.

<sup>56</sup> al-Kha:lidiyy (1998), j. 4, hal. 247.

<sup>57</sup> Ayat-ayat tersebut ialah surah A:l 'Imra:n (3):46, al-Ma:idaṭ (5):110 dan Maryam (19):29.

## Ayat 31 dan 55

Firman Allah(s.w.t):

وَجَعَلَنِي مُبَارَكًا أَيْنَ مَا كُنْتُ وَأَوْصَنِي بِالصَّلَاةِ وَالزَّكَاةِ مَا دُمْتُ حَيًّا ﴿٣١﴾

Dan ia menjadikan daku seorang yang berkat di mana sahaja aku berada, dan diperintahkan daku mengerjakan **sembahyang** dan **memberi zakat** selagi aku hidup.

Menurut al-Ṭabariyy yang dimaksudkan dengan ayat ini ialah:

وَيَا زَكَاةَ م :

أَحَدُهُمَا، زَكَاةُ الْأَمْوَالِ أَنْ يُؤَدِّيَهَا، وَالْآخَرُ :  
وَأَوْصَانِي: بترك الذنوب واجتناب المعاصي.

“Menjaga batasan-batasan solat dan menunaikannya berdasarkan apa yang difardukan kepadaku. Manakala zakat membawa dua maksud; zakat harta yang ditunaikan, dan juga bermaksud membersihkan diri dari kekotoran dosa maka ianya bermaksud: Aku diperintahkan meninggalkan dosa dan menjauhkan maksiat.”<sup>58</sup>

Tafsiran ini menunjukkan alif-la:m pada perkataan merujuk kepada solat yang disyariatkan dalam kitab Taurat kerana Nabi Isa (a.s) meneruskan syariat yang dibawa oleh Nabi Musa (a.s) sebagaimana yang dijelaskan oleh Allah (s.w.t) dalam firman-Nya:

وَإِذْ قَالَ عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ يَا بَنِي إِسْرَائِيلَ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيَّ مِنَ التَّوْرَةِ وَمُبَشِّرًا بِرَسُولٍ يَأْتِي مِنْ بَعْدِي اسْمُهُ أَحْمَدٌ

Dan (ingatlah juga peristiwa) ketika Nabi Isa Ibnu Maryam berkata: "Wahai Bani Israil, Sesungguhnya aku ini pesuruh Allah kepada kamu, mengesahkan kebenaran kitab yang diturunkan sebelumku, Iaitu kitab Taurat, dan memberikan berita gembira dengan kedatangan seorang rasul yang akan datang kemudian daripadaku - bernama: Ahmad.

Surah al-Ṣaff (61):6

Berasaskan tafsiran ini, penulis berpendapat alif-la:m pada perkataan adalah alif-la:m ‘ahdiyyat’ ‘ilmiyyat’ kerana Bani Israel memahami yang dimaksudkan dengan solat ialah solat yang disyariatkan dalam kitab Taurat.

<sup>58</sup> al-Ṭabariyy(2001), *op.cit.*, j. 15, hal. 531.

Sekiranya mengambil tafsiran zakat sebagai zakat harta maka perkataan adalah alif-la:m ‘ahdiyyat’ ‘ilmiyyat, manakala tafsiran bersih dari dosa maka fungsi alif-la:m bagi perkataan ialah alif la:m generik bermaksud segala bentuk kesucian. Berhubung alif-la:m pada perkataan zakat penulis lebih cenderung ianya sebagai alif-la:m ‘ahdiyyat’ ‘ilmiyyat kerana semua perkataan di dalam al-Quran merujuk kepada zakat harta. Perkara ini akan dibincangkan oleh penulis dalam perbincangan perkataan yang disebut secara ta’rif dan tanki:r dalam surah Maryam. Demikian juga alif-la:m pada perkataan dan dalam ayat 55 surah Maryam juga adalah alif-la:m ‘ahdiyyat’ ‘ilmiyyat. Firman Allah (s.w.t):

وَكَانَ يَأْمُرُ أَهْلَهُ بِالصَّلَاةِ وَالزَّكَاةِ وَكَانَ عِنْدَ رَبِّهِ مَرْضِيًّا (55)

Dan adalah ia menyuruh keluarganya mengerjakan **sembahyang** dan **memberi zakat**, dan ia pula adalah seorang yang diredhai di sisi tuhanNya!

Alif-la:m pada perkataan dan adalah alif-la:m ‘ahdiyyat’ ‘ilmiyyat merujuk kepada solat dan zakat mengikut syariat pada zaman Nabi Ismail(a.s). Al-Ṭabariyy mentafsirkan ayat ini sebagai:

فِيمَا كَلَّفَهُ رَبُّهُ، غَيْرَ مُقْصِرٍ فِي طَاعَتِهِ.

“Adalah Ismail(a.s) memerintahkan keluarganya menunaikan solat dan mengeluarkan zakat, dan adalah Ismail(a.s) diredai Allah amalannya, dipuji dalam melaksanakan taklif tuhan-Nya dan dia tidak cuai dalam ketaatannya.”<sup>59</sup>

<sup>59</sup> al-Ṭabariyy(2001), *op.cit.*, j.15, hal.562.

### Ayat 38

Firman Allah(s.w.t):

أَسْمِعْ بِهِمْ وَأَبْصِرْ يَوْمَ يَأْتُونَنَا لَكِنِ الظَّالِمُونَ الْيَوْمَ فِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿٣٨﴾

Sungguh jelas pendengaran dan penglihatan mereka yang kafir itu semasa mereka datang mengadap Kami pada hari akhirat. tetapi **orang-orang yang zalim** (dengan perbuatan kufur dan maksiat) **pada masa di dunia ini**, berada dalam kesesatan yang nyata

Perkataan dalam ayat ini bermaksud di dunia.<sup>60</sup> Kesesatan yang nyata pula bermaksud mereka tidak mendengar, melihat dan tidak berfikir menyebabkan mereka tidak menerima hidayah.<sup>61</sup> Tafsiran ini menunjukkan alif-la:m pada perkataan adalah alif-la:m 'ahdiyyat; kategori al-'ahd al-huḍu:riyy ( ).

Alif-la:m pada perkataan adalah alif-la:m generik al-istighra:qiyyat yang bermaksud semua orang yang zalim. Penulis memilih pandangan ini berasaskan tafsir Abu: Ḥayya:n yang menyatakan bahawa orang-orang yang zalim dalam ayat ini adalah umum meliputi semua kelompok kafir dan golongan yang lain dari kalangan orang yang zalim.<sup>62</sup>

Al-Ṭabariyy memberi tafsiran yang berbeza dengan mengkhususkannya kepada golongan kafir yang menyandarkan kepada Isa(a.s) sifat yang bukan sifatnya dan membuat pendustaan terhadapnya.<sup>63</sup>

<sup>60</sup> al-Ṭabariyy(2001), *op.cit.* , j.15, hal.544, Ibn Kathi:r(1994), *op.cit.*,j.3, hal.165, Ibn 'Atiyyat (2001), j.4, hal.17, Abu: Ḥayya:n (1993), *op.cit.*, j.6, hal.180, al-Qurṭubiyy(2006), *op.cit.*, j.13, hal.455, al-Mura:ghiyy(1946), *op.cit.*, j.16, hal.50.

<sup>61</sup> Ibn Kathi:r(1994), *op.cit.*,j.3, hal.165.

<sup>62</sup> Abu: Ḥayya:n(1993), *op.cit.*, j.6, hal.180.

<sup>63</sup> al-Ṭabariyy(2001), *op.cit.* , j.15, hal.544.



## Ayat 43

Firman Allah(s.w.t):

يَتَأْتِيَنِي قَدْ جَاءَنِي مِنَ الْعِلْمِ مَا لَمْ يَأْتِكَ فَاتَّبِعْنِي أَهْدِكَ صِرَاطًا سَوِيًّا ﴿٤٣﴾

" Wahai ayahku, Sesungguhnya telah datang kepadaku **dari ilmu pengetahuan** yang tidak pernah datang kepadamu oleh itu Ikutlah daku; Aku akan memimpinmu ke jalan Yang betul.

Dalam ayat ini perkataan            dita'rif:kan dengan alif-la:m.            didahului huruf  
yang berfungsi membawa maksud sebahagian ilmu maka alif-la:m di sini  
bukanlah alif-la:m generik. Penulis berpendapat alif-la:m dalam ayat ini adalah alif-la:m  
'ahdiyyat yang membawa maksud ilmu yang diwahyukan oleh Allah (s.w.t) kepada  
Ibrahim(a.s). Mesej yang ingin disampaikan oleh Ibrahim ialah (a.s) beliau dikurniakan  
ilmu berkaitan keimanan kepada Allah(s.w.t). Ilmu ini yang berada dalam kotak  
pemikiran Ibrahim(a.s) semasa beliau menyampaikan ungkapan ini dihadapan bapanya.

Menurut al-Sya'ra:wiyy ayat ini bermaksud :

“Wahai bapaku jangan kamu sangka bahawa saya ingin mengajar kamu atau saya lebih afdal atau kerana saya lebih pandai. Ungkapan ini bukan datang dariku tetapi dari yang lebih tinggi dariku dan darimu, maka tidak wajar memandang rendah dari mendengarnya dan perlulah bersegera menerimanya. Ianya merupakan risalah kenabian yang saya diamanahkan untuk menyampaikannya kepadamu, ilmu yang diberikan kepadaku dan tidak diberikan kepadamu. Ini merupakan satu kelembutan daripada kekasih Allah. Isunya bukanlah antara anak dengan bapa saudaranya atau anak dengan bapanya, ianya merupakan perkara yang melibatkan kepentingan umum melepasi batasan kekeluargaan.”<sup>64</sup>

<sup>64</sup> al-Sya'ra:wiyy(1991), *op.cit.*,j.15, hal. 9098.

## Ayat 58

Firman Allah(s.w.t):

أُولَئِكَ الَّذِينَ أَنْعَمَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ مِنَ النَّبِيِّينَ مِنْ ذُرِّيَةِ آدَمَ وَمِمَّنْ حَمَلْنَا مَعَ نُوحٍ  
وَمِنْ ذُرِّيَةِ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْرَائِيلَ وَمِمَّنْ هَدَيْنَا وَاجْتَبَيْنَا

“Mereka itulah sebahagian dari **nabi-nabi** yang telah dikurniakan Allah nikmat yang melimpah-limpah kepada mereka dari keturunan Nabi Adam, dan dari keturunan orang-orang yang Kami bawa (dalam bahtera) bersama-sama Nabi Nuh, dan dari keturunan Nabi Ibrahim, dan (dari keturunan) Israil- dan mereka itu adalah dari orang-orang yang Kami beri hidayah petunjuk dan Kami pilih...

Penulis berpandangan alif-la:m pada perkataan dalam ayat 58 adalah alif-la:m generik al-istighra:qiyyat yang berfungsi menunjukkan para Nabi dikurniakan nikmat oleh Allah (s.w.t). Pandangan ini bertepatan dengan tafsiran yang diberikan oleh Abu: Ḥayya:n yang menyebut bahawa huruf sebelum perkataan sebagai min baya:niyat yang berfungsi memberi penjelasan dengan alasan semua para Nabi dikurniakan nikmat ke atas mereka. ini berbeza dengan yang disebut sebelum perkataan yang berfungsi sebagai yang membawa maksud sebahagian.<sup>65</sup>

## Ayat 61

Firman Allah(s.w.t)

جَنَّاتٍ عَدْنٍ الَّتِي وَعَدَ الرَّحْمَنُ عِبَادَهُ بِالْغَيْبِ

(Iaitu) syurga " Adn " yang telah dijanjikan oleh (Allah) Ar-Rahman kepada hamba-hamba-Nya disebabkan kepercayaan mereka akan perkara-perkara **yang ghaib**...

<sup>65</sup> Abu: Ḥayya:n (1993), *op.cit.*, j. 6, hal. 189.

Alif la:m pada perkataan adalah alif-la:m ‘ahdiyyat’ kategori tersirat (al-kina:iyy) merujuk kepada syurga yang dijanjikan oleh Allah (s.w.t). Ini kerana syurga merupakan sebahagian daripada perkara-perkara ghaib.

Penulis berpandangan terjemahan dalam tafsir pimpinan al-Rahman sebagai “disebabkan kepercayaan mereka akan perkara-perkara yang ghaib” tidak begitu tepat.<sup>66</sup> Ini disebabkan dari segi fleksi, ayat separa ( ) yang berkait ( ) dengan perkataan janji Allah iaitu syurga.<sup>67</sup>

Penulis memilih pandangan ini berasaskan tafsiran yang diberikan oleh al-Ṭabariyy dan Ibn Kathi:r berhubung ayat ini. al-Ṭabariyy mentafsirkan ayat **الَّتِي وَعَدَ**

sebagai:

هَذِهِ الْجَنَّاتُ هِيَ الْجَنَّاتُ الَّتِي وَعَدَ اللَّهُ بِالْمُؤْمِنِينَ أَنْ يَدْخُلَهَا بِالْغَيْبِ ، لِأَنَّهُمْ ، فَهِيَ غَيْبٌ لَهُمْ

“Syurga-syurga ini ialah syurga-syurga yang dijanjikan secara ghaib oleh Allah yang bersifat al-Rahman kepada hamba-hamba-Nya yang beriman untuk memasukinya; kerana mereka tidak melihatnya. Maka (syurga) tersebut ghaib bagi mereka.”<sup>68</sup>

Menurut Ibn Kathi:r, syurga yang dimasuki oleh golongan yang bertaubat dari dosa mereka ialah syurga ‘Adn. Ia adalah syurga yang dijanjikan oleh Allah (s.w.t) kepada hambanya. Syurga adalah merupakan antara perkara-perkara ghaib yang diimani mereka dan mereka tidak melihatnya. Mereka mempercayainya kerana keyakinan yang tinggi dan keimanan yang kuat.<sup>69</sup> Ini berbeza dengan alif-la:m pada perkataan dalam firman Allah (s.w.t):

<sup>66</sup> Sheikh Abdullah Basmeih (1995), *op.cit.*, hal. 761.

<sup>67</sup> Ṣa:lih (1993), *op.cit.*, j. 7, hal. 48.

<sup>68</sup> al-Ṭabariyy (2001), *op.cit.*, j. 15, hal. 575.

<sup>69</sup> Ibn Kathi:r (1994), *op.cit.*, j. 3, hal. 175.

Iaitu orang-orang yang beriman kepada **perkara-perkara yang ghaib**...  
 Surah al-Baqarat(3):3

Alif-la:m pada perkataan dalam ayat ini adalah alif-la:m generik bermaksud orang-orang bertaqwa beriman dengan keseluruhan perkara ghaib.

### Ayat 66 dan 67

Firman Allah (s.w.t):

وَيَقُولُ الْإِنْسَانُ أَإِذَا مَا مِتُّ لَسَوْفَ أُخْرَجُ حَيًّا (66) أَوَلَا يَذْكُرُ الْإِنْسَانُ أَنَّا  
 خَلَقْنَاهُ مِنْ قَبْلُ وَلَمْ يَكُ شَيْئًا (67)

Dan **manusia (yang kafir)** berkata: "Apa! apabila aku mati, adakah aku akan dibangkitkan hidup semula?" Patutkah **manusia itu** berkata demikian dan tidak memikirkan bahawa kami telah menciptakan dia dahulu sedang ia pada masa itu belum ada sebarang apapun?

Alif-la:m pada perkataan dalam ayat 66 tergolong dalam alif-la:m generik yang membawa maksud semua manusia yang kafir.<sup>70</sup> Menurut al-Ḥasna:wiyy penyebutan perkataan yang berfungsi sebagai alif-la:m generik membawa mesej yang umum kerana ungkapan ini berulang-ulang pada zaman dan tempat yang lain.<sup>71</sup>

Al-Alu:siyy pula menyebut pandangan alif-la:m pada perkataan sebagai alif-la:m 'ahdiyyat' 'ilmiyyat' merujuk kepada individu yang disebut dalam sebab turun ayat ini. Beliau hanya menyebut sebab turun ayat tanpa menyebut sumbernya. Al-Alu:siyy hanya menyebut individu yang menyebut ungkapan ini iaitu Ubay bin Khala:f, al-'A:ṣi bin Wa:il dan Abu Jahal. Dengan fungsi alif-la:m 'ahdiyyat' 'ilmiyyat' ,

<sup>70</sup> Ibn 'Atiyyat (2001), j. 4, hal. 25.  
<sup>71</sup> al-Ḥasna:wiyy (2006), *op.cit.*, hal. 172.

yang dimaksudkan dengan insan dalam ayat ini ialah salah seorang dari nama-nama yang disebut.<sup>72</sup>

Penulis lebih cenderung kepada alif-la:m pada perkataan adalah alif-la:m generik kerana apabila merujuk kepada tafsir-tafsir yang awal seperti al-Ṭabariyy; beliau tidak menyebut sebab turun ayat ini. Nama-nama ini hanya disebut oleh sarjana-sarjana tafsir yang datang kemudian. Apabila merujuk kepada karya yang berjudul al-Ṣaḥiḥ Min Asba:b al-Nuzu:l (Ṣaḥiḥ Sebab turun ayat) hanya dua ayat yang sahih dari segi sebab turun ayatnya dalam surah Maryam iaitu ayat 64 dan ayat 77.<sup>73</sup>

Alif-la:m pada perkataan dalam ayat 67 pula, termasuk dalam alif-la:m 'ahdiyyat kategori tersurat kerana perkataan insan dalam ayat ini merujuk kepada insan dalam ayat 66 iaitu manusia yang mempersoalkan hari kebangkitan. Menurut al-Qurtubiyy bermaksud tidakkah orang yang berkata itu ingat?<sup>74</sup>

### Ayat 73

Firman Allah (s.w.t):

وَإِذَا تُلِيٰ عَلَيْهِمْ آيَاتُنَا بَيِّنَاتٍ قَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لِلَّذِينَ ءَامَنُوا أَيُّ الْفَرِيقَيْنِ خَيْرٌ مَّقَامًا وَأَحْسَنُ نَدِيًّا ﴿٧٣﴾

Dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat kami yang jelas nyata, berkatalah orang-orang yang kafir kepada orang-orang yang beriman: "**Puak yang manakah (dari Kami dan kamu)** yang lebih baik tempat tinggalnya dan lebih elok majlis perhimpunannya?"

<sup>72</sup> al-Alu:siyy (1997), *op.cit.*, j. 16, hal. 169.

<sup>73</sup> al-Ḥamida:n (1999), *op.cit.*, hal. 234.

<sup>74</sup> al-Qurtubiyy (2006), *op.cit.*, j. 13, hal. 485.

Alif-la:m pada perkataan \_\_\_\_\_ ialah alif-la:m al-‘ahdiyyat\_ kategori tersirat ( \_\_\_\_\_ ) merujuk kepada golongan kafir dan mukmin yang disebut sebelumnya iaitu orang-orang kafir yang berkata kepada \_\_\_\_\_ orang-orang yang beriman ( \_\_\_\_\_ ). Walaupun perkataan \_\_\_\_\_ tidak disebut sebelum ini tetapi difahami yang dimaksudkan dengan dua puak merujuk kepada orang kafir dan orang mukmin.

Menurut Qutb, Sayyid golongan kafir dalam ayat ini ialah golongan bangsawan Quraisy yang apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat Allah(s.w.t) mereka berkata kepada golongan beriman yang fakir: “ Puak manakah yang lebih baik tempat tinggalnya dan lebih elok majlis perhimpunannya?”. Pembesar-pembesar yang tidak beriman dengan Muhammad (s.a.w) atau golongan fakir yang berada di samping Rasul (s.a.w)? Siapakah yang lebih baik tempat tinggal dan tempat perhimpunan mereka? Al-Naḍi:r bin al-Harith, ‘Amru: bin Hisya:m (Abu Jahal), al-Wali:d bin al-Mughi:rat\_ serta golongan kaya yang bersama mereka atau Bila:l, ‘Ammar dan Khabba:b yang tidak memiliki apa-apa? Menurut mereka sekiranya apa yang diseru oleh Muhammad itu baik, maka mengapakah mereka yang tidak ada tempat dalam masyarakat Quraisy bersamanya. Mereka berkumpul di rumah yang usang seperti rumah Khabba:b dan penentang Muhammad terdiri dari mereka yang mempunyai tempat berkumpul yang mewah dan orang yang berkedudukan tinggi dalam masyarakat.<sup>75</sup>

---

<sup>75</sup> Qutb, Sayyid(1996), *op.cit.*, j.4, hal.2318.

## 6.4.6 Ta'rif Dengan Iḍa:faṭ

Penggunaan iḍa:faṭ dalam surah Maryam mempunyai pelbagai fungsi seperti memuliakan, mengagungkan, mencela, menghina, menunjukkan kemuliaan dan menghiburkan. Antara contoh gaya bahasa ta'rif dengan iḍa:faṭ dalam surah Maryam ialah:

### 6.4.6.1 Memuliakan

#### Ayat 54 dan 68

Antara fungsi gaya bahasa ta'rif dengan iḍa:faṭ ialah memuliakan seperti firman Allah (s.w.t):

وَأَذْكُرْ فِي الْكِتَابِ إِسْمَاعِيلَ إِنَّهُ كَانَ صَادِقَ الْوَعْدِ

Dan bacakanlah (Wahai Muhammad) di dalam Kitab (Al-Qur'an) ini perihal Nabi Ismail; Sesungguhnya ia adalah **benar menepati janji**  
Surah Maryam (19):54

Menurut Qutb, Sayyid, penekanan sifat menepati janji pada Nabi Ismail (a.s) sekalipun sifat tersebut merupakan sifat para nabi dan orang soleh menunjukkan ia sifat yang paling menonjol pada diri Ismail (a.s) sehingga ke tahap Allah (s.w.t) menyebutnya secara khusus.<sup>76</sup>

Penekanan ini bukat setakat menyebut sifat secara khusus bahkan gaya pengekhasan dengan iḍa:faṭ dalam bentuk perkataan yang disandarkan kepada kata hanya disebut sekali sahaja dalam al-Qur'an. Pemilihan yang sangat teliti ini jelas sekali menunjukkan kemuliaan nabi Ismail (a.s) apabila Allah (s.w.t)

<sup>76</sup> Qutb, Sayyid (1996), *op.cit.*, j. 4, hal. 2313.

mengkhususkan perkataan untuk baginda (a.s) dan pada masa yang sama menjadi dalil i'ja:z al-Qur'a:n.

### Ayat 68

Antara objektif ida:faṭ dalam surah Maryam ialah mengagungkan muḍa:f ilayh seperti dalam ayat 68. Firman Allah (s.w.t):

فَوَرَبِّكَ لَنَحْشُرَنَّهُمْ وَالشَّيَاطِينَ ثُمَّ لَنُحْضِرَنَّهُمْ حَوْلَ جَهَنَّمَ جِثَّةً

Oleh itu, demi **Tuhanmu** (Wahai Muhammad)! Sesungguhnya kami akan himpulkan mereka yang kafir itu beserta syaitan-syaitan di padang Mahsyar, kemudian Kami akan bawa mereka duduk berlutut di keliling neraka Jahannam.

Menurut al-Zamakhsyariyy, Allah (s.w.t) bersumpah dengan namanya dan ditambah dengan ida:faṭ kepada Rasul (s.a.w) bertujuan mengagungkan Rasul (s.a.w).<sup>77</sup>

### 6.4.6.2 Menghina

#### Ayat 28

Firman Allah (s.w.t):

يَتَأَخَذَتُ هُنُورَ مَا كَانَ أَبُوكَ أَمْرًا سَوْءٍ وَمَا كَانَتْ أُمُّكَ بَغِيًّا

" Wahai **saudara perempuan Harun**, bapamu bukanlah seorang yang buruk akhlaknya, dan ibumu pula bukanlah seorang perempuan jahat!"

Harun dalam ayat ini adalah saudara kandung kepada Maryam berdasarkan Hadith yang diriwayatkan oleh al-Mughi:raṭ bin Syu'baṭ berkata:

مَا قَدِمْتُ نَجْرَانَ سَأَلُونِي . : (يَتَأَخَذَتُ هُنُورَ)

: . !

" .

“Apabila saya datang kepada penduduk (kristian) Najran, mereka bertanya kepadaku. Mereka berkata: Kamu semua membaca: “Wahai

<sup>77</sup> al-Zamakhsyariyy (1987), *op.cit.*, j. 3, hal.31.



saudara kandung perempuan Harun”, sedangkan Musa (diutuskan) sebelum Isa dalam tempoh yang sangat lama?! Apabila saya datang berjumpa dengan Rasul (s.a.w), saya bertanya kepada baginda (s.a.w) berhubung persoalan itu. Baginda (s.a.w) bersabda: Mereka menamakan anak mereka mengikut Nama nabi-nabi dan orang yang soleh sebelum mereka.”<sup>78</sup>

Dalam ayat ini, *ida:fat* Maryam kepada saudara kandung dengan cara *ida:fat* kepada kata nama khas (ism ‘alam) bertujuan menambah celaan. Penyandaran perkataan kepada nama Harun, saudara kandung Maryam yang merupakan seorang yang soleh dari kaumnya menambah lagi celaan kaumnya terhadap Maryam. Iaitu tidak sepatutnya saudara kandung sepertinya untuk melakukan perbuatan yang tidak baik.<sup>79</sup>

Antara *i’ja:z al-Qur’a:n* pada penggunaan *ida:fat* ialah penyebutan seruan yang hanya disebut sekali di dalam al-Qur’a:n. Di tempat-tempat lain al-Qur’an menggunakan <sup>80</sup> Ucapan kaum Maryam yang diungkapkan semula oleh Allah (s.w.t) menunjukkan *i’ja:z al-Qur’a:n* dari dimensi bahasa dan perkara ghaib. Ungkapan ini menunjukkan mereka tidak memanggil Maryam dengan wahai Maryam dalam peristiwa tersebut, sebaliknya mereka memanggilnya dengan wahai saudara kandung perempuan Harun.

#### 6.4.6.3 Menyatakan Kebanggaan

##### Ayat 46

Firman Allah (s.w.t):

قَالَ أَرَأَيْتَ أَنْتَ عَنِ إِلَهِتِي يٰإِبْرَاهِيمُ

(Bapanya) menjawab: "Patutkah Engkau bencikan **tuhan-tuhanku**, Wahai Ibrahim?"

<sup>78</sup> Hadith riwayat Muslim, Kita:b al-A:da:b Ba:b al-Nahy ‘an al-Takanni: bi Abi: al-Qa:sim wa Baya:n Ma Yustaḥabb Min al-Asma:’, hadith no. 5649.

<sup>79</sup> al-‘Ima:diyy (t.t), j. 5, hal. 263, Ibn ‘A:syu:r (1997), *op.cit.*, j. 16, hal. 95.

<sup>80</sup> Lihat surah A:l ‘Imra:n (3):37, 42, 43, 45; Surah Maryam (19):27.

## Ayat 48

Firman Allah (s.w.t):

وَأَدْعُوا رَبِّي عَسَىٰ أَلَّا أَكُونَ بِدُعَاءِ رَبِّي شَقِيًّا

Aku akan beribadat kepada **tuhanku** dengan ikhlas; mudah-mudahan aku dengan ibadatku kepada **tuhanku** itu tidak menjadi hampa (dan derhaka seperti kamu)".

Dalam ayat 48, Ibrahim (a.s) menyandarkan perkataan kepada dirinya untuk menunjukkan kebanggaannya dengan muḍa:f iaitu Allah (s.w.t). Dia berbangga dengan pertolongan dan perhatian Allah (s.w.t) kepadanya. Ini berbeza dengan bapanya yang berbangga dengan tuhan-tuhan yang disembahnya ketika beliau menolak seruan anaknya. Dia berkata :

هُ

yang bermaksud: “Patutkah Engkau bencikan **tuhan-tuhanku**.”

### 6.4.6.4 Menunjukkan Kebesaran Dan Kemuliaan

## Ayat 58

Firman Allah (s.w.t):

إِذَا تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ آيَاتُ الرَّحْمَنِ خَرُّوا سُجَّدًا وَبُكِيًّا

Apabila dibacakan kepada mereka **ayat-ayat (Allah) Ar-Rahman**, mereka segera sujud serta menangis.

Ida:faṭ ayat-ayat kepada salah satu daripada nama-nama Allah yang indah iaitu الرَّحْمَنِ dalam ayat ini berfungsi menunjukkan kebesaran ayat tersebut. Apa yang menarik perhatian, apabila menganalisis perkataan آيَاتُ الرَّحْمَنِ dalam bentuk ida:faṭ, ia hanya disebut sekali sahaja dalam al-Qur’an berbanding perkataan آيَاتُ yang disandarkan kepada kata nama ma’rifat yang lain.

Sebagai contoh dalam surah Maryam terdapat ayat perkataan **ءَايَاتُ** disandarkan kepada kata ganti nama pertama iaitu dalam ayat 73. Firman Allah (s.w.t):

وَإِذَا تُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ ءَايَاتُنَا بَيَّنَّتْ قَالُ الَّذِينَ كَفَرُوا لَلَّذِينَ ءَامَنُوا أَىُّ الْفَرِيقَيْنِ خَيْرٌ مَّقَامًا وَأَحْسَنُ نَدِيًّا ﴿٧٣﴾

Dan apabila dibacakan kepada mereka **ayat-ayat kami** yang jelas nyata, berkatalah orang-orang yang kafir kepada orang-orang yang beriman: "Puak yang manakah (dari Kami dan kamu) yang lebih baik tempat tinggalnya dan lebih elok majlis perhimpunannya?"

Penggunaan **ءَايَاتُ الرَّحْمَنِ** juga berfungsi menunjukkan kemuliaan orang-orang yang dikurniakan nikmat ke atas mereka dari kalangan Nabi-nabi dan zuriat keturunan mereka serta orang-orang yang mendapat hidayah atau orang yang dipilih oleh Allah (s.w.t). Ini berbeza dengan golongan yang kufur dan ingkar kepada Allah (s.w.t) seperti yang disebut dalam ayat 73, Allah (s.w.t) menggunakan **ءَايَاتُ** dalam bentuk **ءَايَاتُنَا**. Perkara yang sama didapati dalam ayat dari surah-surah lain, penggunaan **ءَايَاتُ** dalam bentuk **ءَايَاتُنَا** adalah dalam konteks golongan yang kufur dan ingkar. Ia dapat dilihat dalam jadual di bawah:

**Jadual 6.6 Tempat-tempat penyebutan gaya bahasa pengekhasan dengan **ءَايَاتُ** dalam al-Qur'an.**

Bil	Surah	Ayat
1	al-Anfa:l (8):31	<p>وَإِذَا تُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ ءَايَاتُنَا قَالُوا قَدْ سَمِعْنَا لَوْ نَشَاءُ لَقُلْنَا مِثْلَ هَذَا إِنْ هَذَا إِلَّا أَسْطِيرُ الْأَوَّلِينَ ﴿٣١﴾</p> <p>Dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat kami, mereka berkata: "Sesungguhnya Kami telah mendengarnya. kalau kami mahu, nescaya Kami dapat mengatakan (kata-kata) seperti (al-Qur'an) ini. (Al-Qur'an) ini tidak lain hanyalah cerita cerita dongeng orang-orang dahulu kala".</p>
2	Yu.nus (10):15	<p>وَإِذَا تُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ ءَايَاتُنَا بَيَّنَّتْ قَالُ الَّذِينَ لَا يَرْجُونَ لِقَاءَنَا أَنَّهُمْ بُقْرَانٍ غَيْرِ هَذَا أَوْ بَدِّلْهُ</p> <p>Dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat Kami yang jelas nyata, berkatalah orang-orang yang tidak menaruh ingatan menemui Kami (untuk menerima balasan): "Bawalah Qur'an yang lain daripada ini atau tukarkanlah dia..."</p>

3	al-Hajj (22):72	<p>وَإِذَا تُلِّيَ عَلَيْهِمْ آيَاتُنَا بَيِّنَاتٍ نَعْرِفُ فِي وُجُوهِ الَّذِينَ كَفَرُوا الْمُنْكَرَ يَكَادُونَ يَسْطُونَ بِالَّذِينَ يَتْلُونَ عَلَيْهِمْ آيَاتِنَا</p> <p>Dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat Kami yang jelas nyata, Engkau akan dapat melihat pada muka orang-orang yang kafir itu tanda marah dan benci, hampir-hampir mereka hendak menerkam dan menyerang orang-orang yang membacakan ayat-ayat Kami kepada mereka.</p>
4	Luqma:n (31):7	<p>وَإِذَا تُلِّيَ عَلَيْهِ آيَاتُنَا وَلَّى مُسْتَكْبِرًا كَأَن لَّمْ يَسْمَعْهَا كَأَنَّ فِي أُذُنَيْهِ وَقْرًا</p> <p>Dan apabila dibacakan kepadanya ayat-ayat kami, berpalinglah dia dengan angkuhnya, seolah-olah ada penyumbat pada kedua telinganya;</p>
5	Saba:' (34):43	<p>وَإِذَا تُلِّيَ عَلَيْهِمْ آيَاتُنَا بَيِّنَاتٍ قَالُوا مَا هَذَا إِلَّا رَجُلٌ يُرِيدُ أَنْ يَصُدَّكُمْ عَمَّا كَانُوا يَعْبُدُونَ أَبَاؤَكُمْ وَقَالُوا مَا هَذَا إِلَّا إِفْكٌ مُّفْتَرَىٰ</p> <p>Dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat keterangan Kami yang jelas nyata, berkatalah mereka (sesama sendiri): "Orang ini (Muhammad) tidak lain hanyalah seorang lelaki yang hendak menghalang kamu daripada menyembah apa yang telah disembah oleh datuk nenek kamu"; dan mereka berkata lagi: (Al-Qur'an) ini tidak lain hanyalah kata-kata dusta yang direka-reka...</p>
6	al-Ja:thiyat_ (45):25	<p>وَإِذَا تُلِّيَ عَلَيْهِمْ آيَاتُنَا بَيِّنَاتٍ مَّا كَانَ حُجَّتَهُمْ إِلَّا أَنْ قَالُوا اتَّبُوا بِعَابَائِنَا إِن كُنْتُمْ صَادِقِينَ</p> <p>Dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat keterangan Kami yang jelas nyata (mengenai soal hidup semula sesudah mati), tidaklah ada hujah mereka (untuk menolak kebenarannya) selain daripada berkata: "Bawakanlah datuk nenek Kami (hidup semula) kalau betul kami orang-orang yang benar!"</p>
7	al-Aḥqa:f (46):7	<p>وَإِذَا تُلِّيَ عَلَيْهِمْ آيَاتُنَا بَيِّنَاتٍ قَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لِلْحَقِّ لَمَّا جَاءَهُمْ هَذَا سِحْرٌ مُّبِينٌ</p> <p>Dan apabila dibacakan kepada mereka (yang kafir) ayat-ayat Qur'an Kami yang jelas nyata, berkatalah mereka terhadap kebenaran (Al-Qur'an) bila sahaja disampaikan kepada mereka: "Ini ialah sihir yang nyata!".</p>
8	al-Qalam (68):15	<p>إِذَا تُلِّيَ عَلَيْهِ آيَاتُنَا قَالَ أَسْطِيرٌ الْأَوَّلِينَ</p> <p>Apabila dibacakan kepadanya ayat-ayat keterangan kami, ia berkata: " (Ini ialah) cerita-cerita dongeng orang-orang dahulu kala".</p>
9	al-Muṭaffifi:n (83):13	<p>إِذَا تُلِّيَ عَلَيْهِ آيَاتُنَا قَالَ أَسْطِيرٌ الْأَوَّلِينَ</p> <p>(Sehingga) apabila ia dibacakan kepadanya ayat-ayat kami, ia berkata: " ini ialah dongeng orang-orang dahulu kala!"</p>

Huraian ini menunjukkan kehalusan al-Qur'an dalam penggunaan *ida:fat* sekaligus membuktikan *i'jaz* al-Qur'an dalam pemilihan bentuk *ida:fat* yang berbeza untuk merujuk kepada manusia yang berbeza. Sekiranya ungkapan diikuti dengan *ida:fat* *ءَايَتُنَا* maka ayat ini berkaitan golongan yang kafir yang menentang ayat-ayat Allah. Sekiranya ia diikuti dengan *ida:fat* *ءَايَتُ الرَّحْمَنِ* maka ia adalah khusus untuk orang yang beriman.

#### 6.4.6.5 Menghiburkan

##### Ayat 64

Firman Allah (s.w.t):

وَمَا نَنْزِلُ إِلَّا بِأَمْرِ رَبِّكَ لَهُ مَا بَيْنَ أَيْدِينَا وَمَا خَلْفَنَا وَمَا بَيْنَ ذَلِكَ وَمَا كَانَ  
رَبُّكَ نَسِيًّا ﴿٦٤﴾

Dan (berkatalah malaikat): "Kami tidak turun dari semasa ke semasa melainkan dengan perintah **Tuhanmu** (Wahai Muhammad); Dia lah jua yang menguasai serta mentadbirkan apa yang di hadapan kita dan apa yang di belakang kita serta apa yang di antara itu; dan tiadalah **Tuhanmu** itu lupa.

Penyandaran perkataan kepada kata ganti nama diri kedua ( ) yang kembali kepada nabi (s.a.w) berfungsi memberi hiburan kepada nabi (s.a.w). Lambat turunnya wahyu kepada nabi (s.a.w) adalah dengan perintah Allah (s.w.t). Penyandaran kepada kata ganti nama juga menunjukkan hampirnya baginda (s.a.w) dengan Allah (s.w.t).

## 6.4.7 Tanki:r Dalam Surah Maryam

Antara tujuan tanki:r dalam surah Maryam ialah:

### 6.4.7.1 Menunjukkan Maksud Banyak.

Contohnya;

#### Ayat 4

Firman Allah (s.w.t):

وَاشْتَعَلَ الرَّأْسُ شَيْبًا ﴿٤﴾

Dan telah putih melepaklah **uban** kepalaku;

Gaya bahasa tanki:r pada perkataan dalam ayat di atas membawa maksud uban yang banyak dan lebat di kepala Nabi Zakaria (a.s).<sup>81</sup> Ini menunjukkan usia Zakaria (a.s) semasa berdoa memohon zuriat yang akan mewarisi kenabiannya sudah tua.

#### Ayat 96

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ سَيَجْعَلُ لَهُمُ الرَّحْمَنُ وُدًّا ﴿٩٦﴾

Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh, Allah yang melimpah-limpah rahmat-Nya akan menanamkan bagi mereka dalam hati orang ramai **perasaan kasih sayang**.

Gaya bahasa tanki:r pada perkataan dalam ayat ini membawa maksud perasaan kasih sayang yang banyak.

### 6.4.7.2 Menunjukkan Keagungan

Contohnya;

#### Ayat 13

Firman Allah (s.w.t):

وَحَنَانًا مِّن لَّدُنَّا وَرَكُوعًا ﴿١٣﴾

<sup>81</sup> al-'Ima:diyy (1990), *op.cit.*, j. 5, hal. 253.

Dan (Kami mengurniakan) **rahmat** dari sisi kami, serta kelebihan yang kembang manfaatnya; dan ia seorang yang bertaqwa.

Gaya bahasa tanki:r pada perkataan membawa maksud kebesaran dan keagungan. Menurut al-Alu:siyy memasyhurkan Yahya (a.s) dengan sifat ini bertujuan menunjukkan kebesaran dan keagungan rahmat. Perkataan pada asalnya berasal dari perkataan yang bermaksud merasa puas dan cergas serta rindu dan kemudian digunakan untuk menunjukkan maksud rahmat dan belas kasihan.<sup>82</sup> Perkataan hanya disebut sekali sahaja<sup>83</sup> di dalam al-Qur'an dengan gaya bahasa tanki:r menunjukkan kemuliaan Yahya (a.s).

### Ayat 14 dan 32.

Firman Allah (s.w.t):

وَيَرَّأُ بَوْلِدَيْهِ وَلَمْ يَكُنْ جَبَّارًا عَصِيًّا

Dan ia **taat serta berbuat baik** kepada ibu bapanya, dan ia pula tidak sombong angkuh atau derhaka.

Firman Allah (s.w.t):

وَيَرَّأُ بَوْلِدَتِي وَلَمْ يَجْعَلْنِي جَبَّارًا شَقِيًّا

Serta (diperintahkan daku) **taat dan berbuat baik** kepada ibuku, dan ia tidak menjadikan daku seorang yang sombong takbur atau derhaka.

Penggunaan perkataan dengan gaya bahasa tanki:r menunjukkan kemuliaan dan keagungan mentaati ibu atau ibu dan bapa.<sup>84</sup>

### Ayat 27

Firman Allah (s.w.t):

فَأَتَتْ بِهِ قَوْمَهَا حَمْلُهُ قَالُوا يَمْرِئٌ لَقَدْ جِئْتِ شَيْئًا فَرِيًّا

Kemudian baliklah ia kepada kaumnya dengan mendokong anaknya mereka pun menempelaknya dengan berkata: Wahai Maryam!

<sup>82</sup> al-Alu:siyy (1997), *op.cit.*, j. 16, hal. 105.

<sup>83</sup> al-Ba:qiyy(1987), *op.cit.*, hal. 220.

<sup>84</sup> al-'Ima:diyy (1990), *op.cit.*, j. 5, hal. 264.

Sesungguhnya engkau telah melakukan **suatu perkara** yang besar salahnya!

Penyebutan perkataan dengan gaya bahasa tanki:r membawa maksud besarnya kesalahan yang dilakukan disamping mengandungi maksud kehairanan bagaimana Maryam (r.a) boleh melakukan perbuatan tersebut. Dakwaan perbuatan tersebut sebagai kesalahan yang besar adalah berasaskan telahan mereka sahaja. Hakikatnya kelahiran Isa (a.s) secara luar biasa menjadi satu tanda daripada tanda-tanda kekuasaan Allah (s.w.t).<sup>85</sup>

Fungsi yang sama dilihat pada gaya bahasa tanki:r pada perkataan dalam ayat 89. Firman Allah (s.w.t):

لَقَدْ جِئْتُمْ شَيْئًا إِذَا

Demi sesungguhnya, kamu telah melakukan **suatu perkara** yang besar salahnya!

Penyebutan perkataan secara tanki:r membawa maksud perkara mungkar yang besar kesalahannya seperti yang diterjemahkan dalam tafsir Pimpinan Ar-Rahman.<sup>86</sup>

### Ayat 35

Firman Allah (s.w.t):

مَا كَانَ لِلَّهِ أَنْ يَتَّخِذَ مِنْ وَلَدٍ سُبْحَانَهُ إِذَا قَضَىٰ أَمْرًا فَإِنَّمَا يَقُولُ لَهُ كُن فَيَكُونُ

Tiadalah layak bagi Allah mempunyai anak. Maha sucilah Ia. Apabila menetapkan jadinya **sesuatu perkara**, maka hanyalah ia berfirman kepadanya: "Jadilah engkau", lalu menjadilah ia.

Gaya bahasa tanki:r pada perkataan membawa maksud kebesaran dan keagungan. Penyebutan perkataan secara tanki:r membawa maksud sebesar mana

<sup>85</sup> al-Alu:siyy (1997), *op.cit.*, j. 16, hal. 127.

<sup>86</sup> Sheikh Abdullah Basmeih (1995), *op.cit.*, hal. 767.



pun perkara atau urusan, jika Allah ingin melakukannya maka ia akan terjadi dengan mudah.

#### 6.4.7.3 Membawa Maksud Sedikit

Gaya bahasa tanki:r dalam surah Maryam juga membawa maksud sedikit dan menghinia. Antaranya Firman Allah (s.w.t):

##### Ayat 9

قَالَ كَذَلِكَ قَالَ رَبُّكَ هُوَ عَلَيَّ هَيِّنٌ وَقَدْ خَلَقْتُكَ مِنْ قَبْلُ وَلَمْ تَكُ شَيْئًا

Penyeru itu menjawab: demikian keadaannya - janganlah dihairankan; Tuhanmu berfirman; "Hal itu mudah bagiku kerana Sesungguhnya Aku telah menciptakanmu dahulu, sedang Engkau pada masa itu belum ada sebarang apapun."

Penyebutan perkataan dalam ayat ini menunjukkan maksud sedikit iaitu suatu masa dahulu belum ada sebarang apapun.<sup>87</sup> Fungsi ini bertepatan dengan terjemahan tafsir pimpinan Ar-Rahman.<sup>88</sup>

Fungsi yang sama dilihat pada gaya bahasa tanki:r perkataan dalam ayat

67. Firman Allah (s.w.t):

أَوَلَا يَذْكُرُ الْإِنْسَانُ أَنَّا خَلَقْنَاهُ مِنْ قَبْلُ وَلَمْ يَكُ شَيْئًا ﴿٦٧﴾

Patutkah manusia itu berkata demikian dan tidak memikirkan bahawa Kami telah menciptakan dia dahulu sedang ia pada masa itu belum ada sebarang apapun?

##### Ayat 42

Firman Allah (s.w.t):

إِذْ قَالَ لِأَبِيهِ يَا أَبَتِ لِمَ تَعْبُدُ مَا لَا يَسْمَعُ وَلَا يُبْصِرُ وَلَا يُغْنِي عَنْكَ شَيْئًا ﴿٤٢﴾

Ketika ia berkata kepada bapanya: "Wahai ayahku, mengapa ayah menyembah benda yang tidak mendengar dan tidak melihat serta tidak dapat menolongmu sedikitpun?"

<sup>87</sup> al-'Ima:diyy (1990), *op.cit.*, j. 5, hal. 258

<sup>88</sup> Sheikh Abdullah Basmeih (1995), *op.cit.*, hal. 749.

Penyebutan perkataan secara tanki:r menunjukkan makna sedikit dan menghina berhala yang disembah oleh bapa nabi Ibrahim (a.s). Berhala tersebut tidak dapat menolong apa-apa walaupun sedikit. Demikian juga penyebutan dengan gaya bahasa tanki:r dalam ayat 60 juga menunjukkan makna sedikit. Firman Allah (s.w.t):

إِلَّا مَنْ تَابَ وَءَامَنَ وَعَمِلَ صَالِحًا فَأُولَٰئِكَ يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ وَلَا يُظْلَمُونَ شَيْئًا ﴿٦٠﴾

Kecuali orang-orang yang bertaubat dan beriman serta beramal soleh, maka mereka itu akan masuk syurga, dan mereka pula tidak dikurangkan pahala **sedikitpun**.

Penyebutan secara menunjukkan maksud mereka tidak akan dianiyai sedikit pun.

## Ayat 21

Firman Allah (s.w.t):

قَالَ كَذَٰلِكَ قَالَ رَبُّكَ هُوَ عَلَيَّ هَيِّنٌ ۖ وَلِنَجْعَلَهُ آيَةً لِلنَّاسِ وَرَحْمَةً مِنَّا ۖ وَكَانَ أَمْرًا مَّقْضِيًّا ﴿٢١﴾

Ia menjawab: "Demikianlah keadaannya tak usahlah dihairankan; Tuhanmu berfirman: Hal itu mudah bagi-Ku; dan Kami hendak menjadikan pemberian anak itu sebagai satu tanda (yang membuktikan kekuasaan kami) untuk umat manusia dan sebagai satu rahmat dari kami; dan hal itu adalah **satu perkara** yang telah ditetapkan berlakunya.

Penyebutan secara tanki:r pada perkataan membawa maksud sedikit dan kecil di sisi Allah (s.w.t). Perkara luar biasa yang berlaku kepada Maryam (r.a) yang dapat melahirkan nabi Isa (a.s) tanpa ayah adalah perkara biasa dan kecil bagi Allah (s.w.t). Apabila Allah (s.w.t) menetapkan sesuatu, maka bagi Allah (s.w.t) menjadi satu perkara yang mudah hanya dengan menyebut "Jadi maka jadilah".

## Ayat 45

Firman Allah (s.w.t):

يَتَأْتِيَّ إِنِّي أَخَافُ أَنْ يَمَسَّكَ عَذَابٌ مِّنَ الرَّحْمَنِ

" Wahai ayahku, Sesungguhnya aku bimbang bahawa ayah akan kena **azab** dari (Allah) Ar-Rahman disebabkan ayah menyembah yang lainnya...

Para sarjana berselisih pandangan berhubung maksud dalam ayat ini.

(i) al-Zamakhsyariyy berpandangan perkataan dalam ayat ini menunjukkan maksud sedikit ( ), kerana Ibrahim (a.s) beradab dengan bapanya. Beliau menyebut saya bimbang dan perkataan kena ( ) dan tidak menyebut akan diazab dan ditambah dengan penyebutan secara tanki:r.<sup>89</sup> Apabila meninjau pendekatan dakwah Ibrahim (a.s) di tempat-tempat yang lain semuanya menggunakan pendekatan dialog menggunakan gaya bahasa yang lembut. Pandangan ini dipilih oleh al-Qazwi:niyy dan Abu: Mu:sa<sup>90</sup>

(ii) Perkataan membawa maksud azab yang besar yang tidak dapat digambarkan. Maksud azab yang besar tidak bertentangan dengan perkataan dalam ayat ini kerana ditempat yang lain perkataan digandingkan dengan bersama azab yang besar seperti dalam firman Allah (s.w.t):

وَلَوْلَا فَضْلُ اللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ لَمَسَّكُمْ فِي مَا أَفَضْتُمْ فِيهِ

عَذَابٌ عَظِيمٌ

Dan kalaulah tidak kerana adanya limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya kepada kamu di dunia dan di akhirat, tentulah kamu dikenakan azab seksa yang besar disebabkan kamu turut campur dalam berita palsu itu. Surah al-Nu:r (24):12

Maksud azab yang besar tidak bertentangan dengan penyebutan perkataan الرحمن kerana Nabi (s.a.w) pernah bersabda: aku memohon

<sup>89</sup> al-Zamakhsyariyy (1987), *op.cit.*, j. 3, hal. 20, al-Qazwi:niyy (t.t), hal. 52-53.

<sup>90</sup> al-Qazwi:niyy( t.t), hal. 52, Abu: Mu:sa: (2006), *op.cit.*, hal.128.

perlindungan dari Allah (s.w.t) dari azab Allah yang lembut.<sup>91</sup> Pandangan ini dipilih oleh al-'Ima:diyy<sup>92</sup> dan Fayyu:d.<sup>93</sup>

Al-Saka:kiyy, al-Alu:siyy dan La:siy:n menyebut kedua-dua pandangan ini tanpa menentukan pandangan yang kuat.<sup>94</sup>

Penulis berpendapat pandangan yang dikira kuat berhubung penggunaan dengan gaya bahasa tanki:r dalam ayat ini membawa maksud sedikit. Selain dari hujah-hujah yang disebut oleh al-Zamakhshariyy, antara hujah lain yang menunjukkan azab dalam ayat ini membawa maksud sedikit ialah:

(i) Penyebutan yang digandingkan dengan tidak semestinya membawa maksud azab yang besar. Azab yang besar dalam ayat 14 surah al-Nu:r adalah merupakan sifat kepada azab. Di tempat yang lain perkataan disebut tanpa digandingkan dengan perkataan seperti dalam surah al-Baqaraṭ (2):114, A:l 'Imra:n (3):176 dan al-Nisa:' (4):93.

Di tempat yang lain perkataan membawa maksud azab yang lebih ringan seperti dalam firman Allah (s.w.t):

وَلَا تَرْكَنُوا إِلَى الَّذِينَ ظَلَمُوا فَتَمَسَّكُمُ النَّارُ ...

Dan janganlah kamu cenderung kepada orang-orang yang berlaku zalim maka (kalau kamu berlaku demikian), api neraka akan membakar kamu...  
Surah Hu:d (11):113

<sup>91</sup> Setelah penulis menganalisis kitab-kitab hadith, penulis tidak berjumpa hadith ini dalam kitab-kitab hadith yang muktabar.

<sup>92</sup> al-'Ima:diyy (1990), *op.cit.*, j. 5, hal. 267

<sup>93</sup> Fayyu:d (1986), *op.cit.*, hal.139.

<sup>94</sup> al-Alu:siyy (1997), *op.cit.*, j. 16, hal. 142, La:siy:n (2009), *op.cit.*, hal. 179, al-Qazwi:niyy (t.t), *op.cit.*, hal. 52.

Ayat ini memberi amaran kepada golongan yang cenderung kepada orang yang zalim dengan bentuk yang lebih ringan “ kamu akan disentuh api neraka” berbanding orang yang melakukan kezaliman.

(ii) Apabila al-Qur’an menggambar azab yang besar atau ayat yang pedih, al-Qur’an menyebut azab dalam bentuk *ṣifāt mawṣūf*. Contohnya (azab yang pedih) surah al-Baqaraṭ (2):104, 178, surah A:l ‘Imra:n (3):177, (azab yang menghina) surah al-Baqaraṭ (2):90, surah A:l ‘Imra:n (3):178; (azab yang bersangatan) surah A:l ‘Imra:n(3):4,56, (azab yang teruk) surah al-A’ra:f (7):165, (azab yang keras) surah Hu:d (11):58 sedangkan dalam surah Maryam perkataan dengan gaya bahasa tanki:r datang secara tunggal.

(iii) Frasa *أَبٌ مِّنَ الرَّحْمَنِ* hanya disebut sekali sahaja iaitu dalam kisah ini.

Selain itu, pemilihan asmaul husna *الرحمن* oleh Nabi Ibrahim (a.s) telah menarik perhatian para pengkaji. Sekiranya Allah yang bersifat maha perkasa seperti al-Qahha:r, al-Jabba:r, al-Muntaqim mengazab orang kafir, ia suatu hal yang mudah difahami. Mengapa Ibrahim (a.s) menggunakan perkataan *الرحمن* dan tidak menggunakan atau <sup>95</sup>

Pemilihan asmaul husna *الرحمن* oleh Ibrahim (a.s) dalam ayat ini sangat tepat sekali kerana beberapa sebab:

(a) Ia datang dalam konteks kelembutan Nabi Ibrahim (a.s) dalam berdakwah kepada bapanya seperti yang dinyatakan oleh al-Zamakhshariyy . Ayat ini didahului dengan seruan yang bermaksud wahai bapa kesayanganku. Ia diulang sebanyak empat kali iaitu dalam ayat 42,43,44 dan ayat ini. Maka dalam konteks ini wajar sekali

---

<sup>95</sup> al-Sa:marra:iyy (2008), *op.cit.*, hal. 119.

pemilihan asmaul husna الرحمن. Ini sekaligus menunjukkan ketinggian akhlak Nabi Ibrahim (a.s), sekalipun dalam konteks memberi amaran, Ibrahim tetap penggunaan bahasa yang sangat lembut.

(b) Pemilihan asmaul husna adalah bertepatan dengan ayat sebelumnya. Sebelum ayat ini Ibrahim (a.s) menyebut:

يَا أَبَتِ لَا تَعْبُدِ الشَّيْطَانَ إِنَّ الشَّيْطَانَ كَانَ لِلرَّحْمَنِ عَصِيًّا

. " Wahai ayahku, janganlah ayah menyembah syaitan, sesungguhnya syaitan itu adalah menderhaka kepada Allah yang melimpah-limpah rahmat-Nya.

(c) Pemilihan asmaul husna dengan perkataan الرحمن sesuai dengan pengulangan perkataan الرحمن sebanyak 16 kali dalam surah ini. Ia merupakan surah yang paling banyak menyebut perkataan الرحمن.

(d) Konteks surah Maryam banyak menyebut rahmat dari awal sehingga akhirnya. Ia bermula dengan menyebut rahmat Allah kepada Nabi Zakaria (a.s). Firman Allah

(s.w.t): **رَحْمَةً مِنَّا** عَبْدَهُ زَكَرِيَّا: “(Ini ialah) perihal limpahan **rahmat** Tuhanmu

**(Wahai Muhammad), kepada hamba-Nya Zakaria.”** Surah Maryam (19):2. Ia juga

ditutup dengan menyebut perkataan الرحمن iaitu dalam ayat yang ketiga terakhir. Firman

Allah (s.w.t): **لَهُمُ الرَّحْمَنُ** أَلَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ سَيَجْعَلُ اللَّهُ لَهُمُ الرَّحْمَنُ: maksudnya:

“Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh, **Allah yang melimpah-**

**limpah rahmat-Nya** akan menanamkan bagi mereka dalam hati orang ramai perasaan

kasih sayang. Surah Maryam (19): 96.<sup>96</sup>

Huraian ini jelas sekali menunjukkan pemilihan perkataan الرحمن adalah pada tempatnya.

<sup>96</sup> al-Sa:marra:iyy (2008), *op.cit.*, hal. 119.

#### 6.4.7.4 Penentuan Tempat Bukan Tujuan

Firman Allah (s.w.t):

وَأَذْكُرْ فِي الْكِتَابِ مَرْيَمَ إِذِ اتَّيَبَتْ مِنْ أَهْلِهَا مَكَانًا شَرْقِيًّا ﴿١٦﴾

Dan bacakanlah (Wahai Muhammad) di dalam Kitab al-Qur'an ini perihal Maryam, ketika dia memencilkan diri dari keluarganya di **sebuah tempat** sebelah timur.

Dalam ayat ini gaya bahasa tanki:r digunakan pada perkataan kerana bukanlah matlamat untuk menentukan tempat.<sup>97</sup>

#### 6.4.8 Perkataan Sama Yang Disebut Secara Ta'rif Dan Tanki:r

Salah satu bentuk gaya bahasa dalam surah Maryam ialah penyebutan perkataan tertentu secara secara ta'rif dan tanki:r. Penyebutan secara gaya bahasa ta'rif dan tanki:r ini menjadi salah satu dari keistimewaan bahasa al-Qur'an yang menjadi dalil kepada i'jaz al-Qur'an. Dalam kajian ini, penulis akan menyebut dua contoh perkataan yang disebut secara ta'rif dan tanki:r dalam surah Maryam;

##### 6.4.8.1 Perkataan زَكَاةٌ

Perkataan disebut sebanyak tiga kali dalam surah Maryam, sekali dengan gaya bahasa tanki:r dalam ayat 13, dan dua kali dengan gaya bahasa ta'rif dalam ayat 31 dan 55.

##### Ayat 13

Firman Allah (s.w.t):

وَحَنَانًا مِّن لَّدُنَّا وَزَكَاةً وَكَانَ تَقِيًّا ﴿١٣﴾

Dan (Kami mengurniakannya) rahmat dari sisi kami, **serta kelebihan yang kembang manfaatnya**; dan ia seorang yang bertaqwa.

<sup>97</sup> Ibn 'A:syu:r (1997), *op.cit.*, j. 16, hal. 80.

### Ayat 31

Firman Allah (s.w.t):

وَأَوْصِنِي بِالصَّلَاةِ وَالزَّكَاةِ مَا دُمْتُ حَيًّا ﴿٣١﴾

Dan diperintahkan daku mengerjakan sembahyang dan **memberi zakat** selagi aku hidup.

### Ayat 55

Firman Allah (s.w.t):

وَكَانَ يَأْمُرُ أَهْلَهُ بِالصَّلَاةِ وَالزَّكَاةِ

Dan adalah ia menyuruh keluarganya mengerjakan sembahyang dan **memberi zakat**

Ayat di atas menunjukkan penggunaan dengan gaya bahasa tanki:r merujuk kepada salah satu dari sifat nabi Yahya (a.s) manakala perkataan dengan gaya bahasa ta'ri:f merujuk kepada ibadat zakat pada zaman Nabi Isa (a.s) dan ibadat zakat pada zaman Nabi Ismail (a.s).

Penggunaan perkataan dengan gaya bahasa ta'ri:f dan tanki:r mempunyai maksud yang berbeza. Bagi melihat perbezaan antara kedua perkataan ini, kita perlu meneliti penggunaan perkataan secara ta'ri:f dan tanki:r di dalam al-Qur'an. perkataan disebut di dalam al-Qur'an dalam 32 ayat. 27 darinya disebut bersama solat dan lima kali secara tunggal tanpa didahului dengan solat. Manakala kata terbitan dari kata kerja disebut di 28 tempat.<sup>98</sup> Di dalam al-Qur'an perkataan dengan gaya bahasa tanki:r hanya disebut tiga kali iaitu dalam surah Maryam, surah al-Kahf dan surah al-Anbiya:'. Surah Maryam seperti yang telah disebut manakala dalam surah al-Kahf ialah firman Allah (s.w.t) :

وَأَمَّا الْغُلَامُ فَكَانَ أَبَوَاهُ مُؤْمِنَيْنِ فَخَشِينَا أَنْ يُرْهِقَهُمَا طُغْيَانًا وَكُفْرًا ﴿٥٥﴾

فَأَرَدْنَا أَنْ يُبَدِّلَهُمَا رَبُّمَا خَيْرًا مِّنْهُ زَكَاةً وَأَقْرَبَ رُحْمًا ﴿٥٦﴾

<sup>98</sup> al-Ba:qiyy (1987), *op.cit.*, hal. 331-332



Adapun pemuda itu, kedua ibu bapanya adalah orang-orang yang beriman, maka Kami bimbang bahawa ia akan mendesak mereka melakukan perbuatan yang zalim dan kufur. Oleh itu, Kami ingin dan berharap, supaya Tuhan mereka gantikan bagi mereka anak yang lebih baik daripadanya tentang kebersihan jiwa, dan lebih mesra kasih sayangnya. Surah al-Kahf (18):80-81

Zakat dari segi bahasa bermaksud bertambah, berkembang sebagaimana yang disebut oleh Ibn Manzu:r. - - - . bermaksud tanah yang baik dan subur. Setiap sesuatu yang bertambah dan berkembang disebut .<sup>99</sup>

Menurut Abu: ‘ U:daṭ, dari segi penggunaan kata dan terbitannya dalam al-Qur’an merujuk kepada dua pengertian:

(a) Berkembang dan bertambah. Ia juga membawa makna tersirat seperti

dan seperti dalam firman Allah (s.w.t):

وَلَوْلَا فَضْلُ اللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُ، مَا زَكَّيْتُمْ مِنْ أَحَدٍ أَبَدًا وَلَكِنَّ اللَّهَ يُزَكِّي مَنْ يَشَاءُ

“Dan kalaulah tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmatNya kepada kamu, nescaya tidak ada seorang pun di antara kamu menjadi bersih dari dosanya selama-lamanya; akan tetapi Allah membersihkan sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya)...” Surah al-Nu:r(24):21

(b) Zakat dari segi istilah Islam yang merujuk kepada pengeluaran sebahagian harta apabila cukup nasab sebagai fardu dari Allah (s.w.t). Kebanyakan ayat yang menyebut perkataan merujuk kepada maksud ini.<sup>100</sup>

‘ U:daṭ dalam kajiannya tidak membezakan penggunaan dengan gaya bahasa ta’ri:f dan tanki:r.

<sup>99</sup> Ibn Manzu:r (1992), *op.cit.*, j.10, hal. 342.

<sup>100</sup> Abu: ‘ U:daṭ (1985), *op.cit.*, hal. 212.

Berhubung maksud perkataan dalam ayat 13 surah Maryam, para mufassirin berselisih pandangan berkaitan maksud zakat dalam ayat ini.

(a) Kesucian, keberkatan, kesuburan dalam perkara-perkara yang baik(

في هو ير).<sup>101</sup>

(b) Sedekah ke atas kedua ibu bapanya ( ). Ini merupakan pandangan Ibnu Qutaybat.<sup>102</sup>

(c) Kebersihan jiwa dan kesucian dari sebarang keburukan.<sup>103</sup>

(d) Penambahan dalam kebaikan. Abu: Ḥayya:n menyandarkan pandangan ini kepada Ibn al-Anba:riyy.<sup>104</sup>

Setelah meneliti kepada pandangan-pandangan ini, penulis cenderung kepada maksud zakat yang disebut dengan gaya bahasa tanki:r sebagai kesucian jiwa dan menambah dalam melakukan kebaikan manakala penyebutan dengan gaya pengkhasan dengan alif-la:m dalam surah Maryam dan surah-surah lain merujuk kepada ibadat zakat yang berupa pengeluaran harta yang ditetapkan oleh syariat sama ada syariat yang di bawa oleh Nabi Muhammad (s.a.w) mahupun syariat yang di bawa oleh nabi-nabi yang terdahulu. Pandangan ini bertepatan dengan dengan pandangan al-Kafawiyy yang membezakan antara perkataan zakat dengan gaya bahasa tanki:r dan ta'ri:f. Menurutnya perkataan dalam al-Qur'an semuanya membawa maksud zakat harta kecuali dalam ayat yang membawa maksud kesucian ( ).<sup>105</sup>

<sup>101</sup> al-Qurtu:biyy (2006), *op.cit.*, j. 13, hal. 426, Ibn 'Atiyyat (2001), *op.cit.*, j. 4, hal. 8.

<sup>102</sup> al-Qurtu:biyy (2006), *op.cit.*, j. 13, hal. 426.

<sup>103</sup> Ibn 'A:syu:r (1997), *op.cit.*, j. 16, hal. 76.

<sup>104</sup> Abu: Ḥayya:n (1993), *op.cit.*, j. 6, hal. 168.

<sup>105</sup> al-Kafa:wiyy (1998), *op.cit.*, hal. 485.

#### 6.4.8.2 Perkataan **سَلَامٌ** Dan **السَّلَامُ** Dalam kisah Yahya dan Isa (a.s).

Al-Qur'an menjelaskan berhubung kisah kelahiran dua orang Nabi secara luar biasa iaitu Nabi Yahya (a.s) dan Nabi Isa (a.s) dalam surah Maryam. Nabi Yahya (a.s) dilahirkan dalam keadaan bapanya sudah tua dan ibunya mandul. Nabi Isa (a.s) pula dilahirkan tanpa bapa. Kisah Nabi Yahya (a.s) disebut dalam ayat di bawah. Firman Allah (s.w.t):

يٰٓيٰحٰىيْ خُذِ الْكِتٰبَ بِقُوَّةٍ ۗ وَاٰتَيْنٰهُ الْحِكْمَ صَبِيًّا (12) وَحَنٰنًا مِّنْ لَّدُنَّا وَزَكٰوَةً  
وَكَانَ تَقِيًّا (13) وَبِرًّا بِوَالِدَيْهِ وَلَمْ يَكُنْ جَبٰرًا عَصِيًّا (14) وَسَلٰمٌ عَلَيْهِ يَوْمَ  
وُلِدَ وَيَوْمَ يَمُوْتُ وَيَوْمَ يُبْعَثُ حَيًّا (15)

"Wahai Yahya, terimalah Kitab itu (serta amalkanlah) dengan bersungguh-sungguh! Dan Kami berikan kepadanya hikmat kebijaksanaan semasa ia masih kanak-kanak (12) Dan (Kami mengurniakannya) rahmat dari sisi Kami, serta kelebihan yang kembang manfaatnya; dan ia seorang yang bertaqwa (13) Dan ia taat serta berbuat baik kepada ibu bapanya, dan ia pula tidak sombong angkuh atau derhaka (14) Dan (Kami limpahkan) kepadanya **selamat sejahtera** pada hari ia diperanakkan, dan pada hari ia mati, serta pada hari ia dibangkitkan hidup semula (pada hari kiamat).(15)

Apabila al-Qur'an menceritakan kisah Nabi Isa (a.s), al-Qur'an menyebut ayat-ayat berikut. Firman Allah (s.w.t):

قَالَ اِنِّى عَبْدُ اللّٰهِ ؕ اٰتٰنِى الْكِتٰبَ وَجَعَلَنِى نَبِيًّا (30) وَجَعَلَنِى مُبٰرَكًا اَيْنَ مَا  
كُنْتُ وَاَوْصٰنِى بِالصَّلٰوةِ وَالزَّكٰوةِ مَا دُمْتُ حَيًّا (31) وَبِرًّا بِوَالِدَتِى وَلَمْ  
تَجْعَلْنِى جَبٰرًا شَقِيًّا (32) وَاَلَسَلٰمُ عَلٰى يَوْمٍ وُلِدْتُ وَيَوْمَ اَمُوْتُ وَيَوْمَ اُبْعَثُ  
حَيًّا (33)

Ia menjawab:" Sesungguhnya aku ini hamba Allah; ia telah memberikan kepadaku Kitab (Injil), dan ia telah menjadikan daku seorang Nabi.(30) Dan ia menjadikan daku seorang yang berkat di mana sahaja aku berada, dan diperintahkan daku mengerjakan sembahyang dan memberi zakat selagi aku hidup." (31) Serta (diperintahkan daku) taat dan berbuat baik kepada ibuku, dan ia tidak menjadikan daku seorang yang sombong takbur atau derhaka.(32) Dan

**segala keselamatan** serta kesejahteraan dilimpahkan kepadaku pada hari aku diperanakkan dan pada hari aku mati, serta pada hari aku dibangkitkan hidup semula (pada hari kiamat)". (33)

Apabila diperhatikan antara dua ayat ini, apabila menjelaskan tentang Yahya (a.s) perkataan        disebut dengan gaya bahasa tanki:r. Ini berbeza dengan kisah Nabi Isa (a.s), perkataan        diungkapkan oleh Isa (a.s) dengan gaya bahasa ta'ri:f. Mengapa perkataan ini datang dalam bentuk yang berbeza? Persoalan ini terjawab dengan menganalisis konteks ayat.

Perkataan        dengan gaya bahasa tanki:r adalah dalam konteks Allah (s.w.t) menceritakan kisah Yahya (a.s). Allah (s.w.t) memujinya dan menyebut beberapa sifatnya yang mulia diikuti anugerah keselamatan dari Allah (s.w.t) dalam tiga situasi iaitu pada hari dia dilahirkan, pada hari dia meninggal dunia serta pada hari dia dibangkitkan.

Dalam ayat ini, kata        datang dari Allah (s.w.t) dengan gaya bahasa tanki:r. Penggunaan        secara tanki:r membawa maksud apa jua bentuk keselamatan yang datang dari Allah (s.w.t) sudah memadai. Yahya (a.s) tidak perlu lagi bimbang dari apa jua bentuk bahaya kerana keselamatan datang dari Allah (s.w.t). Oleh kerana ia datang dari Allah (s.w.t) maka perkataan        tidak perlu disebut dengan gaya bahasa ta'ri:f.<sup>106</sup>

Apabila menganalisis perkataan        dalam al-Qur'an, jika ia datang dari Allah (s.w.t), ia tidak datang melainkan dengan gaya bahasa tanki:r. Ia membawa maksud sedikit. Keselamatan yang sedikit, jika datang dari Allah (s.w.t) maka ia sudah

---

<sup>106</sup> La:syi:n (1983b), *op.cit.*, hal. 25, al-Kha:lidiyy(1998), *op.cit.*,j.4, hal. 274-275, al-Kha:lidiyy (2001), *op.cit.*, hal. 237.

memadai. Seorang hamba akan mendapat keamanan dan keselamatan darinya. Antara ayat yang menyebut perkataan عَلَيْكُمْ بِمَا صَبَرْتُمْ dengan gaya bahasa tankir ialah رَبِّ \_\_\_\_\_ yang bermaksud "Mereka juga beroleh) ucapan **salam sejahtera** dari Tuhan Yang Maha Mengasihani" dalam surah Ya:si:n (36):58; \_\_\_\_\_ yang bermaksud "**Salam sejahtera** kepada Nabi Nuh " dalam surah al-Şa:ffa:t (37):79; \_\_\_\_\_ yang bermaksud "**Salam sejahtera** kepada Nabi Ibrahim!". dalam surah al-Şa:ffa:t (37):109; \_\_\_\_\_ yang bermaksud "**Salam sejahtera** kepada Nabi Musa dan Nabi Harun!" dalam surah al-Şa:ffa:t (37):120 dan \_\_\_\_\_ yang bermaksud "**Salam sejahtera** kepada Nabi Ilyas!" dalam surah al-Şa:ffa:t (37):130.<sup>107</sup>

Perkataan \_\_\_\_\_ dengan gaya bahasa ta'rif adalah merupakan ungkapan Isa (a.s) semasa dia dalam pangkuan ibunya Maryam. Ungkapan ini disampaikan kepada Bani Israil yang menyaksikan perkara luar biasa seorang kanak-kanak boleh bertutur. Dia memperkenalkan dirinya seorang Nabi, dikurniakan kitab Taurat dan diakhirnya dia berdoa kepada Allah (s.w.t) supaya mengurniakan kesejahteraan ke atasnya dalam tiga situasi iaitu hari dia dilahirkan, hari dia akan meninggal dunia serta hari dia akan dibangkitkan.<sup>108</sup> Oleh kerana perkataan \_\_\_\_\_ datang dalam konteks Isa (a.s) berdoa kepada Allah (s.w.t), maka Isa (a.s) memohon dari-Nya keselamatan yang khusus. Keselamatan yang banyak dan sempurna, maka sesuaiilah perkataan \_\_\_\_\_ diungkapkan dengan gaya bahasa ta'rif.<sup>109</sup>

<sup>107</sup> La:si:n (1983b), *op.cit.*, hal. 26, al-Mayda:niyy (1992), *op.cit.*, j.1, hal. 404, al-Kha:lidiyy (2001), *op.cit.*, hal. 275, Abu: Musa (2006), *op.cit.*, hal. 216.

<sup>108</sup> al-Mayda:niyy (1992), *op.cit.*, j.1, hal. 404, al-Kha:lidiyy (2001), *op.cit.*, hal. 275, Abu: Musa (2006), *op.cit.*, hal. 216.

<sup>109</sup> La:si:n (1983b), *op.cit.*, hal.24-32, al-Kha:lidiyy(1998), *op.cit.*,j.4, hal.274-275, al-Kha:lidiyy (2001), *op.cit.*, hal. 237.

## 6.5 I:ja:z Ḥadhf Dalam Surah Maryam

Terdapat beberapa tempat i:ja:z ḥadhf dalam surah Maryam; iaitu:

### Ayat 2

#### Firman Allah (s.w.t):

ذِكْرُ رَحْمَتِ رَبِّكَ عَبْدَهُ زَكَرِيَّا ﴿٢﴾

**(Ini ialah)** perihal limpahan rahmat Tuhanmu (Wahai Muhammad), kepada hamba-Nya Zakaria.

Terdapat beberapa pandangan berhubung i'ra:b perkataan dalam ayat ini; antaranya:

(a) Predikat kepada subjek yang digugurkan iaitu رَحْمَةً رَبِّكَ عَبْدَهُ maksudnya “Inilah perihal penyebutan rahmatmu kepada hambanya.”<sup>110</sup>

(b) Subjek kepada predikat yang digugurkan iaitu ... \_\_\_\_\_  
maksudnya: “Penyebutan apa yang telah diwahyukan kepadamu iaitu penyebutan...”<sup>111</sup>

(c) Predikat kepada كَهَيْعِص .<sup>112</sup>

Berhubung sebab raf' pada perkataan , al-Ṭabariyy telah memilih pandangan yang pertama iaitu merupakan predikat kepada subjek yang digugurkan iaitu . Hujah beliau adalah bersandarkan kepada penggunaan al-Qur'an di beberapa tempat lain seperti di awal surah al-Tawbat dan surah al-Nu:r. Firman Allah (s.w.t.):

بَرَاءَةٌ مِنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ إِلَى الَّذِينَ عَاهَدْتُمْ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿١﴾

**(Ini adalah)** pemutusan tanggungjawab (pembatalan perjanjian) dari Allah dan Rasul-Nya terhadap kaum kafir musyrik yang kamu mengikat perjanjian setia (dengan mereka). Surah al-Tawbat (9):1

<sup>110</sup> al-Zamakhshariyy (1987), *op.cit.*, j. 3, hal. 3, Abu: Ḥayya:n (1993), *op.cit.*, j. 6, hal. 163, Ibn 'A:syur (1997), *op.cit.*, j. 16, hal. 61, al-Ṭabariyy (2001), *op.cit.*, j. 15, hal.453.

<sup>111</sup> al-Darwi:sy (1999), *op.cit.*, j. 4, hal. 565, Ibn 'Aṭiyyaṭ (2001), *op.cit.*, j. 4, hal. 4, Abu: Ḥayya:n (1993), *op.cit.*, j. 6, hal. 163.

<sup>112</sup> al-Kha:lidiyy (1997), *op.cit.*, j. 5, hal. 215.

Firman Allah (s.w.t.):

سُورَةٌ أَنْزَلْنَاهَا وَفَرَضْنَاهَا وَأَنْزَلْنَا فِيهَا آيَاتٍ بَيِّنَاتٍ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٢٤﴾

**Ini ialah** satu "surah" yang Kami turunkan, dan Kami wajibkan hukum-hukumnya, serta Kami turunkan padanya ayat-ayat keterangan yang nyata supaya kamu beringat (mengamalkannya).

Surah al-Nu:r (24): 1

Dalam kedua-dua ayat di atas subjek bagi predikat dan digugurkan iaitu

113

Kajian juga mendapati penulis tafsir pimpinan Ar-Rahman telah mengambil kira aspek pengguguran subjek di ketiga-tiga tempat yang disebut iaitu ayat 2 surah Maryam, permulaan surah al-Tawbat dan surah al-Nu:r.

Dari aspek balaghah, penyebutan perkataan tanpa menyebut subjek bertujuan untuk memfokuskan pada perkataan . Fungsi pengguguran subjek dalam ayat ini bertujuan menegaskan predikat iaitu memberitahu bahawa Allah (s.w.t) merahmati kepada sesiapa sahaja yang meminta darinya. Rahmatnya luas meliputi segala sesuatu. Rahmat ini menjadi satu sifat dari sifat Allah (s.w.t).<sup>114</sup>

#### Ayat 4

Firman Allah (s.w.t):

قَالَ رَبِّ إِنِّي وَهَنَ الْعَظْمُ مِنِّي وَاسْتَعَلَ الرَّأْسُ شَيْبًا وَلَمْ أَكُنْ بِدُعَائِكَ رَبِّ شَقِيًّا

Ia merayu dengan berkata: **Wahai** Tuhanku! Sesungguhnya telah lemahlah tulang -tulanku, dan telah putih melepaklah uban kepalaku; dan Aku - **Wahai** Tuhanku - tidak pernah merasa hampa dengan doa permohonanku kepadamu.

<sup>113</sup> al-Ṭabariyy (2001), *op.cit.*, j. 15, hal.453.

<sup>114</sup> 'Aliyy, Ḥafizat (2003), *op.cit.*, hal. 29.

Dalam ayat ini, partikel seruan dan *muḍa:f ilayh* digugurkan kerana yang diseru iaitu Allah (s.w.t) telah diketahui. Menurut al-Nasa:fiyy, dalam ayat di atas asalnya ialah *بِي* dan kemudian digugurkan partikel seruan dan *muḍa:f ilayh* dengan tujuan memendekkan.<sup>115</sup>

Pengguguran partikel seruan biasanya digunakan untuk menyeru sesuatu yang jauh sama ada dari segi tempat atau kedudukan. Apabila seorang manusia menyeru nama Allah maka ianya menunjukkan ketinggian Allah (s.w.t). Mereka menyeru Allah bukanlah disebabkan Allah jauh dari mereka. Ini kerana Allah (s.w.t) hampir dengan hamba-Nya apabila mereka berdoa sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah (s.w.t) dalam firman-Nya:

وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِي عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌ أُجِيبُ دَعْوَةَ الدَّاعِ إِذَا دَعَانِ

Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu mengenai Aku maka (beritahu kepada mereka): Sesungguhnya Aku (Allah) sentiasa hampir (kepada mereka); Aku perkenankan permohonan orang yang berdoa apabila ia berdoa kepada-Ku.

Surah al-Baqaraḥ (2):186

Menurut Qutb, Sayyid, Zakaria (a.s) bermunajat dengan tuhanNya jauh dari pandangan manusia iaitu ketika dia bersendirian. Baginda ikhlas berdoa kepada Allah (s.w.t) dan menyebut usianya yang sangat tua. Baginda berdoa kepada-Nya dari dekat dengan menggunakan tanpa perantaraan bahkan tanpa partikel seruan.<sup>116</sup>

Kesimpulannya, pengguguran partikel seruan dalam ayat ini menunjukkan sangat dekatnya Zakaria (a.s) dengan Allah (s.w.t). Fungsi yang sama di dalam ayat 10. Firman Allah (s.w.t):

قَالَ رَبِّ اجْعَلْ لِي آيَةً

<sup>115</sup> al-Nasafīyy (1900), *op.cit.*, j. 3, hal. 28.

<sup>116</sup> Qutb, Sayyid (1996), *op.cit.*, j. 4, hal. 2302.



Nabi Zakaria merayu lagi: "**Wahai** Tuhanku! Jadikanlah satu tanda bagiku (yang menunjukkan isteriku mengandung)".

Pengguguran partikel seruan dan muḍa:f ilayh dalam ayat ini juga menunjukkan dekatnya Zakaria (a.s) dengan Allah (s.w.t).

### Ayat 11 dan 72

Antara fungsi pengguguran ialah objek ( maf'u:l) yang digugurkan hanya layak bagi objek tersebut. Ini dapat dilihat dalam ayat 11 dan ayat 72.

Firman Allah (s.w.t):

فُخْرِجَ عَلَىٰ قَوْمِهِ مِنَ الْمِحْرَابِ فَأَوْحَىٰ إِلَيْهِمْ أَن سَبِّحُوا بُكْرَةً وَعَشِيًّا (11)

Maka dia pun keluar mendapatkan kaumnya dari Mihrab (tempat sembahyangnya), lalu ia memberi isyarat kepada mereka: " Hendaklah kamu bertasbih (**mengerjakan Ibadat kepada Allah**) pagi dan petang".

Maf'u:l bagi kata kerja digugurkan iaitu bertasbihlah kamu kepadanya

و . Kata ganti nama bersambung yang digugurkan ini kembali kepada Allah (s.w.t).

<sup>117</sup> Pengguguran objek dalam ayat ini adalah disebabkan diketahui umum bahawa tasbih hanya layak untuk Allah (s.w.t).

Firman Allah (s.w.t):

ثُمَّ نُنَجِّي الَّذِينَ اتَّقَوْا وَنَذَرُ الظَّالِمِينَ فِيهَا جِثِيًّا ﴿٧٢﴾

Kemudian Kami akan menyelamatkan orang-orang yang bertaqwa, dan Kami akan biarkan orang-orang yang zalim (dengan kekufurannya dan maksiatnya) tinggal berlutut di dalam neraka itu.

<sup>117</sup> Abu: Ḥayya:n (1993), *op.cit.*, j. 6, hal. 142.

Mafu:l kepada kata kerja digugurkan dalam ayat ini kerana taqwa hanya khusus kepada Allah (s.w.t).

### Ayat 26

Antara fungsi pengguguran ialah kerana perkataan yang digugurkan telah diketahui. Contohnya dalam ayat 26 Surah Maryam:

فَكُلِيْ وَاشْرَبِيْ وَقَرِّيْ عَيْنًا ط

"Maka makanlah dan minumlah serta bertenanglah hati

Dalam ayat ini mafu:l bagi kata kerja makanlah, minumlah sudah diketahui, kerana ia telah disebut sebelumnya iaitu makanlah tamar dan minumlah air sungai seperti yang disebut dalam ayat sebelumnya. Firman Allah (s.w.t):

فَنَادٰهَا مِنْ تَحْتِهَا اَلَا تَحْزَنِيْ قَدْ جَعَلَ رَبُّكِ تَحْتَكِ سَرِيًّا ﴿٢٥﴾ وَهُزِّيْٓ اِلَيْكَ بِجِدْعِ

النَّخْلَةِ تَسْقِطْ عَلَيْكَ رُطْبًا حَنِئًا ﴿٢٦﴾

Lalu ia diseru dari sebelah bawahnya:" Janganlah Engkau berdukacita (Wahai Maryam), Sesungguhnya Tuhanmu telah menjadikan di bawahmu **sebatang anak sungai**. Dan gearlah ke arahmu batang pohon tamar itu, supaya gugur kepadamu **buah tamar yang masak**.

Ia juga bertujuan memberi fokus kepada perbuatan bukannya objek. Ia membawa maksud tindakan utama yang perlu dilakukan oleh Maryam (a.s) setelah melahirkan anak ialah tiga perkara iaitu makan, minum dan bertenang seolah-olah ayat ini memberi bimbingan kepada mana-mana wanita yang bersalin supaya melalukan tiga perkara ini.

### Ayat 39

Firman Allah (s.w.t):

وَأَنْذِرْهُمْ يَوْمَ الْحَسْرَةِ إِذْ قُضِيَ الْأَمْرُ وَهُمْ فِي غَفْلَةٍ وَهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٣٩﴾

Dan berilah amaran (Wahai Muhammad) kepada umat manusia seluruhnya tentang hari penyesalan iaitu **hari diselesaikan perbincangan perkara masing-masing** pada masa mereka (yang ingkar) di dunia ini berada dalam kelalaian serta mereka pula tidak mahu beriman.

Dalam ayat ini pelaku yang membicarakan tidak disebut kerana kata kerja disebut dalam bentuk kata kerja pasif ( لِلْمَجْهُولِ ) Berhubung dengan penggunaan kata kerja di beberapa tempat dalam al-Qur'an, ia datang dalam bentuk kata kerja pasif ( لِلْمَجْهُولِ ) tanpa menyebut pelaku seperti dalam ayat ini; surah al-Baqarat (2): 210, surah al-An'a:m( 6): 8, 58; surah Yu:nus (10): 11,54; dan surah Hu:d (11): 44.

Pada tempat yang lain, al-Qur'an menyebut pelaku seperti dalam surah al-Anfa:l (8): 42,44, surah Yu:nus (10): 93, surah al-Isra: '(17): 4; surah al-Naml (27): 78, surah al-Qasas (28): 44, surah Saba: '(34): 44 dan surah Gha:fir (40):20.

Setelah meneliti tempat-tempat penyebutan pelaku dan pengguguran dalam ayat-ayat tersebut, pengguguran dan penyebutan ini menepati mesej yang disampaikan.

Contohnya dalam ayat 44 surah Hu:d, Allah (s.w.t) berfirman:

وَقِيلَ يَا أَرْضُ ابْلَعِي مَاءَكِ وَيَسْمَأَاءُ أَقْلِعِي وَغِيضَ الْمَاءِ وَقُضِيَ الْأَمْرُ وَاسْتَوَتْ عَلَى الْجُودِيِّ وَقِيلَ بُعْدًا لِلْقَوْمِ الظَّالِمِينَ ﴿٤٤﴾

Dan (setelah binasanya kaum kafir itu) diperintahkan kepada bumi dan langit dengan berkata: "Wahai bumi telanlah airmu, dan wahai langit berhentilah dari curahan hujanmu". dan (ketika itu) **surutlah air**, serta **terlaksanalah perintah (Allah) itu**. dan bahtera Nabi Nuh itupun berhenti di atas Gunung "Judi" serta diingatkan (kepada kaum kafir umumnya bahawa): "Kebinasanlah akhirnya bagi orang-orang yang zalim".

Dalam ayat ini pelaku bagi dua kata kerja iaitu dan tidak disebut kerana perbuatan memerintah bumi menelan air, memerintah langit menghentikan curahan hujan hanya mampu dilakukan oleh Allah (s.w.t), maka tidak perlu disebut kerana penyebutannya tidak mendatangkan faedah.<sup>118</sup>

Dalam ayat 42 surah al-Anfa:l, Allah (s.w.t) berfirman:

إِذْ أَنْتُمْ بِالْعُدْوَةِ الدُّنْيَا وَهُمْ بِالْعُدْوَةِ الْقُصْوَى وَالرَّكْبُ أَسْفَلَ مِنْكُمْ وَلَوْ تَوَاعَدْتُمْ لِأَخْتَلَفْتُمْ فِي الْمِيعَادِ وَلَكِن لِّيَقْضِيَ اللَّهُ أَمْرًا كَانَ مَفْعُولًا لِيَهْلِكَ مَنْ هَلَكَ عَن بَيْنَةٍ وَيَحْيَىٰ مَنْ حَىٰ عَن بَيْنَةٍ وَإِنَّ اللَّهَ لَسَمِيعٌ عَلِيمٌ

(Iaitu) ketika kamu berada di tepi lembah yang dekat (ke Madinah) dan mereka (pihak musuh) berada di tepi lembah yang jauh (dari Madinah), sedang kafilah (pembawa dagangan musuh) berada di tempat yang rendah dari tempat kamu (di tepi laut). dan kalaulah kamu berjanji (dengan mereka mengenai peperangan itu) nescaya kamu akan berselisih pada menentukan harinya. akan tetapi (pertemuan angkatan kamu dengan angkatan mereka yang tidak disangka-sangka itu) ialah supaya **Allah melakukan suatu perkara (Kemenangan Islam) yang telah ditetapkan berlakunya**, iaitu supaya orang (kafir musyrik) yang binasa itu, binasa dengan keterangan (yang membuktikan kesalahannya), dan supaya orang (Islam) yang hidup itu, hidup dengan keterangan (yang membuktikan kebenarannya); kerana Sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui.

Ayat di atas adalah dalam konteks peperangan Badar yang berlaku antara tentera Islam dengan tentera Quraisy. Dalam ayat pelaku disebut iaitu Allah (s.w.t) dengan tujuan memberi kesedaran kepada golongan yang jahil iaitu orang-orang musyrikin bahawa ketetapan Allah (s.w.t) ialah memberi kemenangan kepada tentera Islam supaya golongan musyrikin binasa dan orang Islam hidup dalam kebenaran. Sekiranya tidak disebut perkataan Allah, berkemungkinan orang-orang musyrikin memahami ketetapan itu oleh pelaku yang lain. Fungsi penyebutan di sini adalah untuk

<sup>118</sup> al-Zarkasyiyi (1994), *op.cit.*, j. 3, hal. 216.

menarik perhatian atas kebodohan pendengar. Dari aspek yang lain, ayat ini juga bertujuan menegaskan kepada orang Islam bahawa kemenangan adalah di bawah kekuasaan Allah (s.w.t).

Perkara yang sama juga dilihat dalam surah Maryam. Pelaku digugurkan kerana penetapan pada hari penyesalan iaitu hari akhirat adalah di bawah kekuasaan Allah (s.w.t). Tidak ada yang berkuasa melakukannya melainkan Allah (s.w.t), maka tidak perlulah pelaku disebut.

### Ayat 58, 73

Firman Allah (s.w.t):

إِذَا تُلِّيٰ عَلَيْهِمْ آيَاتُ الرَّحْمٰنِ خَرُّوا سُجَّدًا وَّبَكِيًّا ﴿٥٨﴾

Apabila **dibacakan** kepada mereka ayat-ayat (Allah) Ar-Rahman, mereka segera sujud serta menangis.

Firman Allah (s.w.t)

وَإِذَا تُلِّيٰ عَلَيْهِمْ آيَاتُنَا بَيِّنَاتٍ قَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لِلَّذِينَ ءَامَنُوا أَيُّ الْفَرِيقَيْنِ خَيْرٌ

مَّقَامًا وَأَحْسَنُ نَدِيًّا ﴿٧٣﴾

Dan apabila **dibacakan** kepada mereka ayat-ayat Kami yang jelas nyata, berkatalah orang-orang yang kafir kepada orang-orang yang beriman: "Puak yang manakah (dari Kami dan kamu) yang lebih baik tempat tinggalnya dan lebih elok majlis perhimpunannya?"

Dalam ayat di atas, kata kerja datang dalam bentuk kata kerja pasif مَلِي

( tanpa menyebut pelaku kerana tidak ada apa-apa tujuan dari penyebutannya.

Siapa pun yang membaca ayat-ayat tersebut bukan persoalannya. Sekiranya ayat-ayat Allah yang dibacakan tanpa mengira pembacanya , maka orang-orang yang beriman akan terkesan lantas mereka sujud dalam keadaan menangis .

Demikian juga dalam ayat 73, walaupun pada asalnya yang membaca ayat ini ialah Rasul (s.a.w) tetapi al-Qur'an menyebut dalam bentuk kata kerja pasif مَلِي ( untuk membawa maksud yang umum tanpa mengira pembacanya. Pengguguran pelaku dalam ayat 73 membawa mesej sesiapa pun yang membaca ayat-ayat Allah (s.w.t), orang kafir tetap menyangka mereka lebih baik dari orang yang beriman berasaskan ukuran material iaitu tempat tinggal dan majlis perhimpunan.

### Ayat 65

Firman Allah (s.w.t):

رَبُّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا

"Tuhan yang mencipta dan mentadbirkan langit dan bumi serta segala yang ada di antara keduanya

Dalam ayat ini perkataan adalah predikat kepada subjek yang digugurkan.<sup>119</sup> Dalam ayat ini, subjek tidak disebut kerana akal memahaminya walaupun ia tidak disebut. Tuhan langit dan bumi serta apa yang ada diantara keduanya hanya layak bagi Allah (s.w.t) kerana tidak ada yang memiliki keduanya melainkan Allah (s.w.t). Semua manusia sama ada Islam atau bukan Islam mengakui bahawa pencipta alam ini ialah Allah (s.w.t).

---

<sup>119</sup> Al-Alu:siyy (1997), *op.cit.*, j. 16, hal. 168, Şa:lih (1993), *op.cit.*, j. 7, hal. 51.

## 6.6 Iṭna:b

Antara bentuk-bentuk iṭna:b dalam surah Maryam ialah:

### 6.6.1 Ungkapan Khusus Selepas Am

#### Ayat 20

Firman Allah (s.w.t):

قَالَتْ أَنَّى يَكُونُ لِي غُلَامٌ وَلَمْ يَمَسِّنِي بَشَرٌ وَلَمْ أَكُ بَغِيًّا

Maryam bertanya (dengan cemas): Bagaimanakah Aku akan beroleh seorang anak lelaki, padahal aku tidak pernah disentuh oleh seorang lelaki pun, dan **aku pula bukan perempuan jahat?**"

Dalam ayat ini ungkapan **لَمْ أَكُ بَغِيًّا** merupakan pengkhususan selepas am. Fungsinya sebagai satu penegasan tentang kesucian diri penutur iaitu Maryam dari perbuatan zina. Maryam mengulangi penafian untuk memberitahu perbuatan zina sama sekali tidak pernah dilakukan olehnya. Walaupun malaikat membawa berita

“Saya ingin kurniakan kepada kamu anak yang suci” , namun berita ini tidak menarik perhatian Maryam bahkan beliau menafikan segala bentuk keraguan atau sebarang tohmahan yang bakal dilontarkan kepada beliau dengan sebenar-sebenar penafian. Justeru Maryam tidak memadai dengan menyebut “ Saya tidak pernah disentuh seorang lelaki pun” bahkan beliau menyebut secara lebih khusus “ aku pula bukan perempuan jahat”.<sup>120</sup>

<sup>120</sup> al-Alu:siyy (1997), *op.cit.*, j. 16, hal. 113.

## Ayat 58

Firman Allah (s.w.t):

أُولَئِكَ الَّذِينَ أَنْعَمَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ مِنَ النَّبِيِّينَ مِنْ ذُرِّيَّةِ آدَمَ وَمِمَّنْ حَمَلْنَا مَعَ نُوحٍ  
وَمِنْ ذُرِّيَّةِ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْرَائِيلَ وَمِمَّنْ هَدَيْنَا وَاجْتَبَيْنَا إِذَا تُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ آيَاتُ  
الرَّحْمَنِ خَرُّوا سُجَّدًا وَبُكِيًّا ﴿٥٨﴾

Mereka itulah sebahagian dari Nabi-nabi yang telah dikurniakan Allah nikmat yang melimpah-limpah kepada mereka dari keturunan Nabi Adam, dan dari keturunan orang-orang yang Kami bawa (dalam bahtera) bersama-sama Nabi Nuh, dan dari keturunan Nabi Ibrahim, dan (dari keturunan) Israil dan mereka itu adalah dari orang-orang yang Kami beri hidayah petunjuk dan kami pilih. Apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat (Allah) Ar-Rahman, mereka segera sujud serta menangis.

Ayat ini datang dalam bentuk Ungkapan khusus selepas Am. Ayat dimulakan dengan menyebut secara am iaitu mereka itulah sebahagian dari Nabi-nabi yang telah dikurniakan Allah (s.w.t) nikmat yang melimpah-limpah kepada mereka dari keturunan Nabi Adam (a.s). Am dalam ayat ini dalam dua keadaan, pertama disebut nabi-nabi secara umum ( ) dan keduanya semua yang disebut selepas ini adalah dari keturunan Adam( ). Fungsi ungkapan khusus dalam ayat ini menunjukkan keistimewaan mereka kerana tidak semua nabi disebut dalam ayat ini.

Dalam ayat ini terdapat bentuk itna:b yang lain iaitu menyebut suatu yang menyeluruh selepas menyatakannya secara terperinci (بَعْدَ التَّفْصِيلِ) Setelah Allah (s.w.t) menyebut secara terperinci zuriat-zuriat Adam (a.s), dihujung ayat Allah(s.w.t) kembali menyebut secara menyeluruh iaitu **“dan mereka itu adalah dari orang-orang yang Kami beri hidayah petunjuk dan kami pilih.”** Semua Nabi-nabi yang disebut beserta zuriat mereka adalah termasuk dari kalangan orang-orang yang kami beri hidayah petunjuk dan yang kami pilih.



Huraian ini menunjukkan i'jaz al-Qur'a:n apabila al-Qur'an memulakan dengan sesuatu yang umum dan diikuti dengan suatu yang khusus dan penutupnya sesuatu yang menyeluruh. Semasa pembaca al-Qur'an membaca di awal ayat, pembaca mendapat suatu gambaran umum bahawa golongan yang mendapat nikmat Allah (s.w.t) adalah dari kalangan Nabi-nabi. Berikutnya pembaca dijelaskan dengan Nabi-nabi tersebut beserta keturunan dan kaum mereka secara khusus iaitu Adam, Nuh, Ibrahim, Israel. Semasa pembaca tertanya-tanya siapa lagi yang dikurniakan nikmat, ketika ini al-Qur'an kembali menyebut suatu yang menyeluruh "mereka yang kami beri telah hidayah dan mereka yang kami telah pilih."

Dalam ayat ini Allah (s.w.t) menghuraikan golongan yang mendapat nikmat Allah (s.w.t) secara itna:b dan di tempat yang lain pula Allah (s.w.t) menyebut secara i:ja:z seperti dalam firman-Nya:

وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَالرَّسُولَ فَأُولَٰئِكَ مَعَ الَّذِينَ أَنْعَمَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ مِنَ النَّبِيِّينَ  
وَالصَّٰدِقِينَ وَالشُّهَدَاءِ وَالصَّٰلِحِينَ وَحَسُنَ أُولَٰئِكَ رَفِيقًا (69)

Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya, maka mereka akan (ditempatkan di syurga) bersama-sama orang-orang yang telah dikurniakan nikmat oleh Allah kepada mereka, iaitu Nabi-nabi, dan orang-orang siddiqin, dan orang-orang yang syahid, serta orang-orang yang soleh. dan amatlah eloknya mereka itu menjadi teman rakan (kepada orang-orang yang taat). Surah al-Nisa: (4):69

Dalam ayat ini, al-Qur'an hanya menyebut Nabi-nabi tanpa menyebut secara khusus siapakah mereka. Perbezaan antara dua ayat adalah dari sudut konteks. Ayat surah Maryam turun lebih dahulu dan sasarannya ialah penduduk Mekah yang majoritinya tidak mempercayai ajaran yang dibawa oleh Rasul (s.a.w). Penyebutan secara itna:b dalam surah Maryam bertujuan memberi penjelasan kepada mereka tentang contoh-contoh manusia yang wajar diteladani. Faktor yang lain ialah ayat surah Maryam telah didahului dengan menyebut kisah-kisah orang yang soleh seperti kisah Zakaria, Yahya, Maryam, Isa, Ibrahim, Ishak, Ya'kub, Musa, Ismail dan Idris (a.s),

maka wajar sekali dalam surah Maryam disebut secara iṭna:b. Surah al-Nisa:’ datang dalam konteks yang berbeza iaitu perintah Allah (s.w.t) untuk mentaati Allah (s.w.t), Rasul (s.a.w) dan pemimpin.<sup>121</sup> Kemudian Allah (s.w.t) menyatakan ganjaran yang diberi kepada orang yang taat kepada Allah (s.w.t) bahawa mereka akan bersama-sama dengan orang yang diberi nikmat ke atas mereka. Tambahan pula sasaran utama ayat ini ialah sahabat-sahabat dan orang Islam yang telah meyakini Islam yang dibawa oleh Rasul (s.a.w) maka al-Qur’an menyebut secara i:ja:z kerana sahabat-sahabat telah membaca surah Maryam yang turun terlebih dahulu. Sekalipun ayat dalam surah al-Nisa:’ datang dalam bentuk i:ja:z, al-Qur’an menambah golongan yang baru yang tidak disebut dalam surah Maryam iaitu golongan siddiqin, para syuhada’ dan orang yang soleh.

### 6.6.2 Pengulangan

Antara bentuk pengulangan dalam surah Maryam ialah:

#### (i) Pengulangan perkataan الرَّحْمَنَ

Kata nama yang berasal dari kata kerja disebut lebih daripada 40 kali dalam pelbagai derivasi disebut dalam surah Maryam, dan 16 daripadanya ialah perkataan الرَّحْمَنَ.<sup>122</sup> Surah Maryam yang pendek terdiri dari 98 ayat meliputi 5 ¼ halaman menjadi surah yang terbanyak disebut perkataan الرَّحْمَنَ, berbanding satu kali dalam surah al-Baqaraṭ yang terdiri dari 286 ayat. Penyebutan ini sesuai dengan konteks rahmat dalam surah Maryam. Menurut Quṭb, Sayyid:

<sup>121</sup> Surah al-Nisa:’(4): 59-68

<sup>122</sup> al-Ba:qiyy (1987), *op.cit.*, hal. 305-307.

(Surah Maryam) dinaungi dengan rahmat. Ia bermula dengan penyebutan rahmat Allah (s.w.t) kepada hamba-Nya Zakaria (a.s). Lafaz rahmat berulang-ulang dalam surah ini dan nama **الرَّحْمَنُ** disebut dengan banyak. Ia menggambarkan nikmat yang diperolehi hambanya yang beriman berupa perasaan kasih sayang dalam hati orang ramai seperti dalam firman-Nya: **إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ سَيَجْعَلُ لَهُمُ اللَّهُ رِزْقًا وَسِعًا كَمَنْ أُوتِيَ الرِّيحَ الْغَنِيَّةَ**, gambaran Yahya yang disifatkan dengan **الرَّحِيمِ** yang mengandungi makna rahmat, begitu juga Allah (s.w.t) menjadikan Isa (a.s) berbakti kepada ibunya...Semasa anda membaca surah ini anda akan merasai sentuhan rahmat...<sup>123</sup>

Sebagai contoh, penulis akan menyebut fungsi pengulangan perkataan **الرَّحْمَنُ** yang di ulang sebanyak empat kali dalam ayat 88-93.

### Ayat 88-93

Firman Allah (s.w.t):

وَقَالُوا اتَّخَذَ الرَّحْمَنُ وَلَدًا ۗ لَقَدْ جِئْتُمْ شَيْئًا إِدًّا ۗ تَكَادُ السَّمَوَاتُ  
 يَتَفَطَّرْنَ مِنْهُ وَتَنْشَقُّ الْأَرْضُ وَتَخِرُّ الْجِبَالُ هَدًّا ۗ أَنْ دَعَوْا لِلرَّحْمَنِ وَلَدًا ۗ  
 وَمَا يُنْبِغِي لِلرَّحْمَنِ أَنْ يَتَّخِذَ وَلَدًا ۗ إِنْ كُلُّ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ إِلَّا  
 آتِيَ الرَّحْمَنِ عَبْدًا ۗ

Dan mereka yang kafir berkata: "(Allah) Ar-Rahman, mempunyai anak." Demi sesungguhnya, kamu telah melakukan satu perkara yang besar salahnya! Langit nyaris-nyaris pecah disebabkan (anggapan mereka) yang demikian, dan bumi pula nyaris-nyaris terbelah, serta gunung-ganang pun nyaris-nyaris runtuh ranap, -kerana mereka mendakwa mengatakan: (Allah) Ar-Rahman mempunyai anak. Padahal tiadalah layak bagi (Allah) Ar-Rahman, bahawa ia mempunyai anak. Tidak ada sesiapa pun di langit dan di bumi melainkan ia akan datang kepada (Allah) Ar-Rahman, sebagai hamba.

Dalam ayat di atas nama-nama Allah yang indah **الرَّحْمَنُ** diulang sebanyak empat kali. Pengulangan ini bertujuan menetapkan sifat **الرَّحِيمِ** bagi Allah (s.w.t) sekalipun kaum musyirikin tidak mengakui sifat ini seperti firman Allah (s.w.t):

<sup>123</sup> Quṭb, Sayyid (1996), *op.cit.*, j.4, hal.2300.

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ اسْجُدُوا لِلرَّحْمَنِ قَالُوا وَمَا الرَّحْمَنُ أَنَسْجُدُ لِمَا تَأْمُرُنَا وَزَادَهُمْ

نُفُورًا ﴿٦٠﴾

Dan apabila dikatakan kepada mereka (yang musyrik itu): "Sujudlah kamu kepada Ar-Rahman (Tuhan yang Maha Pemurah)!" **Mereka bertanya: "Dan siapakah Ar-Rahman itu?** Patutkah kami sujud kepada apa sahaja yang engkau perintahkan kami?" dan perintah yang demikian, menjadikan mereka bertambah liar ingkar.

Surah al-Furqa:n (25): 60

Ungkapan oleh Allah (s.w.t) dalam ayat ini bahawa mereka berkata: al-Rahman mempunyai anak... menunjukkan mereka mengakui hakikat sifat al-Rahman walaupun secara zahir mereka menolak sifat ini. Sifat al-Rahman umum kepada setiap makhluk kerana semuanya hamba yang memerlukan kepada sifat rahman Allah (s.w.t). Maka tidak layak bagi Allah (s.w.t) mempunyai anak. Sekiranya Allah (s.w.t) mempunyai anak sudah tentu di sana adanya hubungan antara bapa dengan anak, maka sifat rahmat akan terbatas.<sup>124</sup>

Penyebutan **وَالرَّحْمَنُ** dalam ayat **وَالرَّحْمَنُ وَلَدًا** menunjukkan kebodohan mereka manakala penyebutannya dalam ayat **وَمَا يَنْبَغِي لِلرَّحْمَنِ**

mengisyaratkan kepada Allah (s.w.t) tidak layak mempunyai anak.

Penyebutannya dalam ayat **الرَّحْمَنُ عَبْدٌ** pula berfungsi menunjukkan semua makhluk memerlukan kepada-Nya dan mengakui kekuasaan-Nya.<sup>125</sup>

<sup>124</sup> Ibn 'A:syu:r (1997), *op.cit.*,j. 16, hal. 173.

<sup>125</sup> Ibid.

(ii) Pengulangan frasa “ **فِي** ” sebanyak lima kali dalam ayat-ayat berikut:

**Jadual 6.7 Menunjukkan tempat pengulangan frasa **فِي****

Bil	No.ayat	Ayat
1	16	وَأَذْكُرْ فِي الْكِتَابِ مَرْيَمَ
2	41	وَأَذْكُرْ فِي الْكِتَابِ إِبْرَاهِيمَ
3	51	وَأَذْكُرْ فِي الْكِتَابِ مُوسَى
4	54	وَأَذْكُرْ فِي الْكِتَابِ إِسْمَاعِيلَ
5	56	وَأَذْكُرْ فِي الْكِتَابِ إِدْرِيسَ

Frasa (**وَأَذْكُرْ فِي الْكِتَابِ**) hanya disebut di dalam surah ini sahaja. Pengulangan ini bertujuan menegaskan al-Qur’an sebagai sumber rujukan yang utama berhubung kisah para nabi berbanding kitab-kitab lain. Penyebutan kisah-kisah mereka benar dengan ayat al-Qur’an.<sup>126</sup>

Firman Allah (s.w.t):

وَأَذْكُرْ فِي الْكِتَابِ إِبْرَاهِيمَ

Menurut al-Ra:ziyy, ayat ini memerintahkan Nabi (s.a.w) menyebut dalam kisah Ibrahim (a.s) dalam situasi masyarakat Arab yang tidak tahu membaca. Penyebutan kisah ini tanpa penambahan dan pengurangan menjadi bukti kenabian.<sup>127</sup>

Menurut al-Kha:lidiyy penyebutan kelima-lima Nabi tersebut dalam surah Maryam untuk menegaskan kenabian Muhammad (s.a.w) dan mengemukakan hujah kepada golongan yang ada pada zaman Nabi (s.a.w) iaitu Yahudi, Kristian dan musyrikin Arab. Ibrahim (a.s) merupakan bapa kepada para nabi yang diimani oleh

<sup>126</sup> Ibn ‘A:syu:r (1997), *op.cit.*,j. 16, hal. 79.

<sup>127</sup> al-Ra:ziyy (1981), *op.cit.*, j. 21, hal. 222.

ketiga-tiga golongan. Musa (a.s) pula sebagai nabi orang-orang Yahudi dan Isa (a.s) sebagai nabi orang kristian. Penyebutan sebahagian dari kisah kehidupan mereka di dalam al-Qur'an menjadi dalil kenabian Muhammad (s.a.w) dan bukti al-Qur'an sebagai kalamullah.<sup>128</sup>

(iii) Pengulangan **يَتَأْت**

**Jadual 6.8 menunjukkan pengulangan seruan **يَتَأْت** dalam surah Maryam**

Bil	No. ayat	Ayat
1	42	يَتَأْتٍ لِمَ تَعْبُدُ مَا لَا يَسْمَعُ وَلَا يُبْصِرُ وَلَا يُغْنِي عَنْكَ شَيْئًا ﴿٤٢﴾
2	43	يَتَأْتٍ إِنِّي قَدْ جَاءَنِي مِنَ الْعِلْمِ مَا لَمْ يَأْتِكَ فَاتَّبِعْنِي أَهْدِكَ صِرَاطًا سَوِيًّا ﴿٤٣﴾
3	44	يَتَأْتٍ لَا تَعْبُدِ الشَّيْطَانَ إِنَّ الشَّيْطَانَ كَانَ لِلرَّحْمَنِ عَصِيًّا ﴿٤٤﴾
4	45	يَتَأْتٍ إِنِّي أَخَافُ أَنْ يَمَسَّكَ عَذَابٌ مِّنَ الرَّحْمَنِ فَتَكُونَ لِلشَّيْطَانِ وَلِيًّا ﴿٤٥﴾

Dalam kisah Ibrahim (a.s), perkataan “ ” diulang sebanyak empat kali dalam konteks memberi nasihat. Dalam situasi mengharap penerimaan nasihat maka wajar sekali ucapan dipanjangkan. Perkara yang sama dilihat dalam pesanan Luqman al-Hakim kepada anaknya kerana perkataan “ ” diulang sebanyak tiga kali.<sup>129</sup> Tetapi apabila nabi Nuh (a.s) memanggil anaknya, al-Qur'an hanya menyebut sekali seruan sahaja tanpa ada pengulangan kerana situasi menuntut penggunaan secara i:ja:z . Firman Allah (s.w.t):

وَنَادَى نُوحٌ أُمَّتَهُ وَكَانَ فِي مَعْزِلٍ يَبْنِي أَرْكَبَ مَعَنَا وَلَا تَكُنْ مَعَ الْكَافِرِينَ

Dan Nabi Nuh memanggil anaknya, yang sedang berada di tempat yang terpisah daripadanya: "**Wahai anakku**, naiklah bersama-sama kami, dan janganlah engkau tinggal dengan orang-orang yang kafir".

Surah Hu:d (11):42.

<sup>128</sup> al-Kha:lidiyy (1998), *op.cit.* j. 4, hal. 86-87.

<sup>129</sup> Lihat Surah Luqma:n (31): 13, 16, 17.

Pengulangan dalam kisah Ibrahim (a.s) dan Luqma:n dan i'ja:z dalam kisah Nuh (a.s) jelas sekali menunjukkan i'ja:z al-Qur'an.<sup>130</sup> Menurut al-Sya'ra:wiyy, fungsi pengulangan **يَتَأَبَّت** bertujuan menyentuh naluri bapanya seolah-olah dia berkata: Ucapanku ini adalah ucapan dari seorang anak kepada seorang bapa. Apabila seseorang menunjukkan rasa rindu dan ingin mendapat belas kasihan dari bapanya, dia akan memanggilnya wahai bapaku begini..begini, wahai ayahku dengarlah saya...Demikian juga Ibrahim (a.s) apabila memanggil bapanya dengan seruan ini di dalam empat ayat berturut-turut tidak lain dan tidak bukan untuk menunjukkan keprihatinan untuk mendapatkan hidayah dan membimbingnya ke jalan yang lurus.<sup>131</sup>

(iv) Pengulangan perkataan

Perkataan **وَوَهَبَ** dan derivasinya disebut di dalam al-Qur'an sebanyak 25 kali<sup>132</sup>

**Jadual 6.9 Tempat penyebutan perkataan **وَوَهَبَ** dan derivasinya di dalam al-Qur'an**

Perkataan	Surah	Kekerapan
	Ibra:him(14):39, al-Syu'ara: '(26) 21	2
	al-Aḥza:b(33):50	1
	Al-An'a:m (6):84, Maryam (49, 50,53), al-Anbiya: '(21):72,90, al-'Ankabu:t(29):27, Ṣa:d(38):30,43	9
	Maryam (19):19	1
	al-Syu:ra(42):49	2
	A:l 'Imra:n(3):8,38, Maryam(19):5, al-Furqa:n(25):74, al-Syu'ara: '(26):83, al-Ṣa:ffa:t(37):100, Ṣad(38):35	7
	A:l 'Imran(3):8, Ṣa:d(38):9,35	3

<sup>130</sup> Ibn 'A:syu:r (1997), *op.cit.*, j. 16, hal. 114.

<sup>131</sup> al-Sya'ra:wiyy (1991), *op.cit.*, j. 15, hal. 9098.

<sup>132</sup> al-Ba:qiyy (1987), *op.cit.*, hal. 768.

Jadual menunjukkan penyebutan perkataan وَوَهَبْنَا dan derivasinya. 3 daripadanya dalam konteks menjelaskan sifat Allah (s.w.t) maha pemberi وَوَهَبْنَا, 12 dalam konteks kurniaan anak, 1 dalam konteks kurniaan isteri dan anak, 1 dalam konteks kurniaan adik-beradik, dua dalam kurniaan hikmah, dan satu pemberian wanita untuk menjadi isteri Nabi (s.a.w).

Perkataan وَوَهَبْنَا dan derivasinya disebut sebanyak lima kali dalam surah Maryam. Dalam surah Maryam, berikut adalah ayat yang disebut perkataan وَوَهَبْنَا dan derivasinya:

Bil	No.ayat	Ayat
1	5	<span style="font-family: serif;">فَهَبْ لِي مِنْ لَدُنْكَ وَلِيًّا</span> Oleh itu, kurniakanlah daku dari sisimu seorang anak lelaki.
2	19	<span style="font-family: serif;">قَالَ إِنَّمَا أَنَا رَسُولُ رَبِّكِ لِأَهَبَ لَكِ غُلَامًا زَكِيًّا</span> Ia berkata: "Sesungguhnya Aku pesuruh Tuhanmu, untuk menyebabkanmu dikurniakan seorang anak yang suci".
3	49	<span style="font-family: serif;">فَلَمَّا أَعْتَرَهُمْ وَمَا يَعْبدُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ وَهَبْنَا لَهُ إِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ</span> Maka apabila ia berhijrah meninggalkan mereka dan apa Yang mereka sembah yang lain dari Allah Kami kurniakan kepadanya: Ishak (anaknya), dan Yaakub (cucunya);
4	50	<span style="font-family: serif;">وَوَهَبْنَا لَهُمْ مِنْ رَحْمَتِنَا</span> Dan Kami kurniakan kepada mereka dari rahmat kami
5	53	<span style="font-family: serif;">وَوَهَبْنَا لَهُ مِنْ رَحْمَتِنَا أَخَاهُ هَارُونَ نَبِيًّا</span> dan Kami kurniakan kepadanya dari rahmat kami, saudaranya: Harun, yang juga berpangkat nabi.

Penggunaan perkataan وَوَهَبْنَا dalam surah Maryam bertujuan memuliakan para Nabi dan Rasul dengan pelbagai bentuk kurniaan seperti pengurniaan anak kepada Zakaria (a.s) dan Maryam (a.s) dengan cara yang luar biasa. Begitu juga kurniaan Allah (s.w.t) kepada Ibrahim (a.s) Ismail dan Ishak dan Ya'kub setelah mencecah usia tua diikuti dengan kurniaan rahmat kepada ketiga-tiganya. Demikian juga kurniaan kepada



Musa (a.s) saudara kandung Harun sebagai nabi untuk membantu Musa berhadapan dengan Firaun. Pengulangan perkataan        beberapa kali dalam Surah Maryam sesuai dengan konteks ayat yang memuji para Nabi dan Rasul (a.s).

(v) Pengulangan perkataan

Perkataan        juga diulang dalam surah Maryam sebanyak 22 kali.

**Jadual 6.10** menunjukkan tempat penyebutan perkataan رَبِّ dalam surah **Maryam**.

Bil	No.Ayat	Ayat
1	2	ذِكْرُ رَحْمَةِ <u>عَبْدِهِ</u> زَكَرِيَّا
2	3	إِذْ نَادَى
3	4	إِنِّي <u>وَهَنَ الْعَظْمُ مِنِّي</u>
4	4	وَلَمْ أَكُنْ بِدُعَائِكَ
5	6	
6	8	أَنِّي وَنِيكِي <u>غُلَامٌ</u>
7	9	
8	10	اجْعَلْ لِي <u>آيَةً</u>
9	19	
10	21	
11	24	مِنْ تَحْتِهَا أَلَّا تَحْزَنِي <u>قَدْ جَعَلَ</u>
12-13	36	<u>رَبِّي</u>
14	47	<u>رَبِّي</u>
15	48	<u>رَبِّي</u> <u>رَبِّي</u>
16	55	
17	64	
18	64	

19	65	وَمَا بَيْنَهُمَا فَاعْبُدْهُ
20	68	
21	71	
22	76	

Terdapat pelbagai tujuan pengulangan perkataan dalam surah ini. Perkataan kebiasaannya digunakan semasa seseorang manusia berdoa kepada-Nya. Ia merupakan satu situasi untuk menunjukkan kehambaan manusia di hadapan Allah (s.w.t) dan sifat kebergantungannya kepada Allah (s.w.t) untuk membantunya dalam menguruskan kehendak sama ada berkaitan dengan perkara-perkara dunia seperti anak dan harta benda atau urusan akhirat. Perkataan diulang-ulang oleh para Nabi (a.s) sesuai dengan permintaan mereka. Contohnya Zakaria (a.s) mengulang-ulang nama tuhan-Nya dalam berdoa:

إِذْ نَادَىٰ - إِيَّاهُ وَهَنَ الْعَظْمُ مِنِّي وَاسْتَأْذَنُكَ بِدُعَائِكَ

“ Ketika (Zakaria a.s) menyeru kepada tuhannya dengan perlahan- Dia ( Zakaria) berkata: Wahai tuhanku sesungguhnya tulangku telah menjadi lemah- Dan aku tidak pernah merasa hampa- wahai tuhanku- dengan berdoa kepadamu.

Pengulangan perkataan oleh Zakaria (a.s) juga berfungsi untuk berseronok memanggil pencipta. Fungsi yang sama dilihat dalam ungkapan nabi Ibrahim (a.s):

رَبِّي - رَبِّيْ

maksudnya dan aku beribadat kepada tuhanku, mudah-mudahan dengan ibadatku kepada tuhanku itu tidak menjadi hampa.

Di tempat yang lain dalam surah Maryam perkataan رَبِّي diulang untuk menegaskan ketuhanan Allah (s.w.t) dengan lebih jelas sebagaimana firman Allah (s.w.t) sebagai ulasan kepada kisah Nabi Isa (a.s):

Demikian juga pada tempat-tempat lain, penyebutan perkataan رَبِّي berfungsi dari segi balaghahnya dan sebahagiannya telah diulas oleh penulis dari sudut yang lain seperti fungsi penggunaan *ida:fat* pada perkataan رَبِّي.

### 6.6.3 Susul Ulas

#### Ayat 40

Firman Allah (s.w.t):

إِنَّا لَحُنُّ نَرْتُ الْأَرْضَ وَمَنْ عَلَيْهَا وَإِلَيْنَا يُرْجَعُونَ ﴿٤٠﴾

Sesungguhnya Kamilah yang mewarisi bumi dan segala makhluk yang ada di atasnya; dan kepada Kamilah mereka akan dikembalikan.

Menurut Ibn 'A:syu:r, ayat ini merupakan salah satu bentuk susul ulas yang menjadi kebiasaan dalam al-Qur'an sebagai penutup kepada sesuatu kisah. Al-Qur'an menggunakan gaya bahasa susul ulas dengan menyebut ulasan-ulasan sebelum berpindah dari sesuatu kisah kepada topik atau kisah yang lain. Susul ulas dalam ayat ini ditujukan kepada golongan musyrikin untuk menyampaikan kepada mereka suatu fakta bahawa bumi ini adalah milik Allah (s.w.t) dan semua yang ada di atasnya akan mati dan kembali kepada Allah (s.w.t). Susul ulas dalam ayat ini berfungsi mengugut golongan musyrikin bahawa mereka tidak akan dapat lari dari bumi ini yang berada dalam gengaman kekuasaan Allah (s.w.t) yang mereka sekutui.<sup>133</sup>

<sup>133</sup> Ibn 'A:syu:r(1997), *op.cit.*,j.16, hal.110-111.

## 6.6.4 Pemilihan Kata Nama Zahir Di Tempat Kata Ganti Nama

### Ayat 38

Firman Allah (s.w.t):

أَسْمِعْ لَهُمْ وَأَبْصِرْ يَوْمَ يَأْتُونَنَا لَكِنِ الظَّالِمُونَ الْيَوْمَ فِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿٣٨﴾

Sungguh jelas pendengaran dan penglihatan mereka yang kafir itu semasa mereka datang mengadap Kami pada hari akhirat. tetapi orang-orang yang zalim (dengan perbuatan kufur dan maksiat) pada masa di dunia ini, berada dalam kesesatan yang nyata

Penyebutan perkataan secara zahir berfungsi menunjukkan tidak ada kezaliman yang lebih zalim dari mereka kerana mereka lalai dari mendengar peringatan-peringatan serta melihat kepada sesuatu yang sepatutnya dan sesuatu yang membahagiakan mereka. Semasa di dunia mereka lupa dan di akhirat mereka melihat dan mendengar dengan mata mereka sendiri kebenaran apa yang dibawa oleh para Nabi dan Rasul.<sup>134</sup>

### Ayat 44

Firman Allah (s.w.t):

يَتَأْتٍ لَا تَعْبُدِ الشَّيْطَانَ إِنَّ الشَّيْطَانَ كَانَ لِلرَّحْمَنِ عَصِيًّا ﴿٤٤﴾

"Wahai ayahku, janganlah ayah menyembah Syaitan, Sesungguhnya Syaitan itu adalah menderhaka kepada Allah yang melimpah-limpah rahmat-Nya.

Dalam ayat ini Ibrahim (a.s) menyebut perkataan syaitan kali kedua dan tidak menyebut <sup>ح</sup> untuk menambahkan penegasan untuk menjauhi syaitan serta mengukuhkan kenyataan syaitan menderhaka kepada Allah (s.w.t).<sup>135</sup>

<sup>134</sup> al-Zamakhshariyy (1987), *op.cit.*, j. 3, hal. 17, al-'Ima:diyy (1990), *op.cit.*, j. 5, hal. 276, Abu: Ḥayya:n (1993), *op.cit.*, j. 6, hal. 180.

<sup>135</sup> Ibn 'A:syu:r (1997), *op.cit.*, j. 16, hal. 117.

## Ayat 66-67

Firman Allah (s.w.t):

وَيَقُولُ الْإِنْسَانُ أَإِذَا مَا مِتُّ لَسَوْفَ أُخْرَجُ حَيًّا ﴿٦٦﴾ أَوَلَا يَذْكُرُ الْإِنْسَانُ أَنَّا  
خَلَقْنَاهُ مِنْ قَبْلُ وَلَمْ يَكُ شَيْئًا ﴿٦٧﴾

Dan manusia (yang kafir) berkata: "Apa! apabila Aku mati, Adakah Aku akan dibangkitkan hidup semula?" Patutkah manusia itu berkata demikian dan tidak memikirkan bahawa Kami telah menciptakan Dia dahulu sedang ia pada masa itu belum ada sebarang apapun?

Dalam ayat ini perkataan                      disebut semula kerana fokus dalam ayat ini adalah berkaitan manusia yang diciptakan oleh Allah (s.w.t) dari tiada. Penyebutan perkataan                      berfungsi mengukuhkan pernyataan dan menimbulkan kesedaran bahawa kejadian manusia menjadi bukti kematian justeru manusia perlu meninggalkan ungkapan ini.<sup>136</sup>

### 6.6.5 Sisipan (I' tira:d)

#### Ayat 6

Firman Allah (s.w.t)

يَرِثُنِي وَيَرِثُ مِنْ آلِ يَعْقُوبَ ۖ وَأَجْعَلُهُ رَبِّ رَضِيًّا ﴿٦﴾

Yang layak mewarisi daku, juga mewarisi keluarga Nabi Yaakub; dan **Jadikanlah dia - wahai Tuhanku seorang yang diredhai serta disukai**".

Gaya bahasa sisipan (i'tira:d) dalam ayat di atas ialah ayat                      . Ia merupakan doa Nabi Zakaria (a.s) untuk menagih simpati dan mengharapkan belas kasihan dari Allah (s.w.t) supaya dikurniakan zuriat yang mewarisi keluarga nabi Ya'qub.<sup>137</sup>

<sup>136</sup> al-'Ima:diyy (1990), *op.cit.*, j. 5, hal. 274.

<sup>137</sup> Mohd Nazmi (2008), *op.cit.*, hal. 152-153.

## Ayat 74

Firman Allah (s.w.t):

قَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لِلَّذِينَ آمَنُوا أَيُّ الْفَرِيقَيْنِ خَيْرٌ مَّقَامًا وَأَحْسَنُ نَدِيًّا ﴿٧٤﴾ وَكَمْ  
أَهْلَكْنَا قَبْلَهُمْ مِّن قَرْنٍ هُمْ أَحْسَنُ أَثْنًا وَرِءْيَا ﴿٧٥﴾ قُلْ مَنْ كَانَ فِي الضَّلَالَةِ  
فَلْيَمْدُدْ لَهُ الرَّحْمَنُ مَدًّا

Berkatalah orang-orang yang kafir kepada orang-orang yang beriman: "Puak yang manakah (dari kami dan kamu) yang lebih baik tempat tinggalnya dan lebih elok majlis perhimpunannya? **Dan berapa banyak kaum-kaum (yang ingkar) sebelum mereka, Kami telah binasakan, sedang mereka lebih elok alat-alat kesenangannya dan lebih elok keadaannya pada pandangan mata.** Katakanlah (Wahai Muhammad): "Sesiapa yang berada di dalam kesesatan, maka biarlah (Allah) Ar-Rahman melanjutkan baginya satu tempoh yang tertentu, hingga apabila mereka melihat apa yang dijanjikan kepada mereka,

Ayat ini merupakan i'tira:d antara ucapan golongan kafir yang bertanya berhubung golongan manakah yang lebih baik antara golongan kafir dan orang yang beriman dengan jawapan yang diajar oleh Allah (s.w.t) kepada nabi (s.a.w) dalam ayat berikutnya.

Fungsi i'tira:d ialah untuk memberi ancaman kepada mereka bahawa telah banyak kaum-kaum yang terdahulu yang dilihat secara zahirnya hidup mewah. Allah (s.w.t) telah binasakan mereka disebabkan kekufuran mereka.<sup>138</sup>

<sup>138</sup> Ibn 'A:syu:r (1997), *op.cit.*,j.16, hal.154.

## 6.7 I:ja:z Dan Iṭna:b Dalam Kisah Surah Maryam

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, kandungan surah Maryam meliputi dua bahagian iaitu:

(a) Kisah-kisah dan diselangi dengan ulasan cerita seperti ulasan kelahiran Isa (a.s) dan fakta Isa (a.s) adalah anak kepada Maryam (ayat 34-38). Bahagian ini bermula dari ayat 1-58.

(b) Bahagian bukan kisah yang berupa fakta dan hujah untuk menolak golongan musyrikin yang meragui persoalan hari kebangkitan dan persoalan tauhid. Bahagian kedua bermula dengan ayat 59 sehingga akhir surah.

Dalam bahagian pengkisahan, al-Qur'an menyebut kisah Zakaria (a.s) dan anaknya Yahya (a.s) serta Maryam (a.s) dan Isa (a.s) secara iṭna:b manakala beberapa nabi disebut secara i:ja:z . Pembahagian kisah-kisah tersebut dapat dilihat seperti dalam jadual di bawah:

**Jadual 6.11 menunjukkan kisah-kisah dalam surah Maryam**

Bil	Kisah	Ayat	Bilangan ayat
1	Zakaria (a.s) dan anaknya Yahya (a.s)	1-15	15
2	Maryam dan Isa (a.s)	16-37	21
3	Ibrahim (a.s)	41-50	11
4	Musa (a.s)	51-53	3
5	Ismail (a.s)	54-55	2
6	Idris (a.s)	56-57	2

### 6.7.1 Perbandingan Kisah Yahya (a.s) Dan Kisah Isa (a.s)

Walaupun ayat 1-15 menerangkan kisah Zakaria (a.s) dan Yahya (a.s), namun sebenarnya kisah Yahya (a.s) disebut secara i:ja:z (ayat 7, 12-15). Kisah Yahya (a.s) disebut secara i:ja:z bukan sahaja dalam surah Maryam bahkan dalam al-Qur'an keseluruhannya. Nama Yahya (a.s) disebut sebanyak lima kali dalam al-Qur'an dalam ayat-ayat berikut:

Bil	Surah	Ayat
1	A:l 'Imra:n (3):39	أَنَّ اللَّهَ يُبَشِّرُكَ بِيَحْيَىٰ مُصَدِّقًا بِكَلِمَةٍ مِّنَ اللَّهِ وَسَيِّدًا وَحَصُورًا وَنَبِيًّا مِّنَ الصَّالِحِينَ
2	al-An'a:m (6):85	وَزَكَرِيَّا وَيَحْيَىٰ وَعِيسَىٰ وَإِلْيَاسَ كُلٌّ مِّنَ الصَّالِحِينَ
3	Maryam (19):7	يَنزَكِرِيَّا إِنَّا نُبَشِّرُكَ بِغُلَامٍ اسْمُهُ يَحْيَىٰ لَمْ نَجْعَلْ لَهُ مِنْ قَبْلُ سَمِيًّا ﴿٧﴾
4	Maryam (19):12	يَعِجِبِي خُذِ الْكِتَابَ بِقُوَّةٍ وَءَاتَيْنَاهُ الْحُكْمَ صَبِيًّا ﴿١٢﴾
5	al-Anbiya:' (21):90	فَأَسْتَجِبْنَا لَهُ وَوَهَبْنَا لَهُ يَحْيَىٰ وَأَصْلَحْنَا لَهُ زَوْجَهُ

Ayat-ayat ini menunjukkan penyebutan kisah Yahya (a.s) adalah ringkas. Sekalipun ia ringkas namun setiap ayat membawa mesej yang baru. Ayat yang berkaitan dengan kajian ini ialah kisah Yahya (a.s) dalam ayat 7, 12-15. Dalam ayat 7 al-Qur'an menyebut tentang kurniaan Allah (s.w.t) kepada nabi Zakaria (a.s) seorang anak yang dilahirkan dalam keadaan luar biasa. Ia dilahirkan dalam keadaan Zakaria (a.s) yang sudah tua dan isterinya mandul tetapi masih dikurniakan zuriat. Al-Qur'an tidak menjelaskan tentang kelahiran Yahya (a.s) sebagaimana al-Qur'an menceritakan kelahiran Isa (a.s) dalam surah ini kerana kelahirannya adalah secara normal iaitu melalui ibu dan bapa. Dalam ayat 12-15 pula Allah (s.w.t) menyebut tentang keistimewaan Yahya (a.s) secara ringkas. Firman Allah (s.w.t):



يٰٓيٰحْيٰى خُذِ الْكِتٰبَ بِقُوَّةٍ وَّءَاتَيْنٰهُ الْحِكْمَ صَبِيًّا ﴿٣١﴾ وَحَنٰنًا مِّنْ لَّدُنَّا وَزَكٰوةً  
 وَكَانَ تَقِيًّا ﴿٣٢﴾ وَبِرًّا بِوَالِدَيْهِ وَلَمْ يَكُنْ جَبٰرًا عَصِيًّا ﴿٣٣﴾ وَسَلٰمٌ عَلَيْهِ يَوْمَ  
 وُلِدَ وَيَوْمَ يَمُوْتُ وَيَوْمَ يُعۡرَٓثُ حَيًّا ﴿٣٤﴾

"Wahai Yahya, Terimalah Kitab itu (serta amalkanlah) dengan bersungguh-sungguh! dan Kami berikan kepadanya hikmat kebijaksanaan semasa ia masih kanak-kanak. Dan (Kami mengurniakan) rahmat dari sisi kami, serta kelebihan yang kembang manfaatnya; dan ia seorang yang bertaqwa. an ia taat serta berbuat baik kepada ibu bapanya, dan ia pula tidak sombong angkuh atau derhaka. Dan (Kami limpahkan) kepadanya selamat sejahtera pada hari ia diperanakan, dan pada hari ia mati, serta pada hari ia dibangkitkan hidup semula (pada hari kiamat).

Al-Qur'an menyebut berhubung Yahya (a.s) secara ringkas dalam empat ayat tetapi mempunyai maksud yang sangat luas. Penyebutan ini termasuk dalam kategori i:ja:z qasr.

- (a) . Allah (s.w.t) memerintahkan Yahya (a.s) berpegang teguh dengan kitab Taurat, menghayatinya, melaksanakannya dan mengajak kepadanya dengan kuat. Kekuatan di sini adalah kekuatan dalaman iaitu kekuatan untuk memahami, berpegang, beramal dan menyampaikannya.
- (b) "Kami berikan kepadanya hikmah" iaitu kefahaman dan ilmu sedangkan usianya masih kecil.
- (c) Ini merupakan perkenan kepada doa zakaria (a.s) apabila beliau berdoa . Allah (s.w.t) mengurniakan kepadanya iaitu sifat rahmat meliputi hati yang lembut, merahmati dan bersimpati terhadap orang lain.
- (d) bermaksud bersih dari dosa dan kemaksiatan.
- (e) Yahya (a.s) seorang yang bertaqwa kepada Allah (s.w.t), takut kepada-Nya, menunaikan fardu-Nya , menjauhi perkara-perkara yang diharamkan. Taqwa adalah natijah kepada sifat-sifat yang disebut sebelum ini; sejak kecil lagi Yahya (a.s) seorang yang dikurniakan kebijaksanaan, kefahaman, ilmu, bersifat rahmat, kasih sayang,

simpati dan berjiwa suci. Sifat-sifat ini menjadikan Yahya (a.s) seorang hamba yang bertaqwa.

(f) ayat ini bersambung dengan . Ayat ini menambah satu lagi sifat mulia yang ada pada Yahya(a.s) iaitu berbakti kepada kedua ibu bapa. Sifat ini sangat terpuji kerana kedua ibu bapa Yahya (a.s) telah lanjut usia dan mereka berdua sangat memerlukan anak yang berbakti untuk menolong dan melayan mereka. Sebesar-besar nikmat dalam kehidupan manusia ialah apabila mempunyai anak yang baik semasa mereka sudah tua.

(g) . Setelah menyebut dua sifat iaitu bertaqwa dan berbakti kepada kedua ibu bapa, al-Qur'an menafikan dua sifat negatif iaitu dia tidak sombong angkuh dan bukan orang yang berdosa.

Dalam empat ayat, sifat-sifat ini disebut secara tersusun. Allah (s.w.t) memberikan dua perkara iaitu kitab dan kebijaksanaan, mengurniakan kepadanya dua nikmat iaitu kesucian jiwa dan berhati lembut dan merahmati orang lain ( ), menyebut dua sifat yang terhasil dari nikmat iaitu bertaqwa kepada Allah (s.w.t) dan berbakti kepada kedua ibu bapa dan menafikan dua sifat darinya iaitu tidak sombong angkuh dan bukannya kaki maksiat. Kedua-dua sifat positif dan penafian kedua-dua sifat negatif adalah hasil dari kebijaksanaan yang dikurniakan kepada Yahya (a.s) dan merupakan aplikasi kepada perintah Allah (s.w.t) kepadanya: Wahai Yahya berpeganglah dengan kitab (Taurat). Setelah Allah (s.w.t) menyebut sifat-sifat dan keistimewaan Yahya (a.s), al-Qur'an menutup dengan menyebut tiga situasi selamat bagi Yahya (a.s) iaitu semasa dia dilahirkan, semasa mati dan semasa dibangkitkan.<sup>139</sup>

---

<sup>139</sup> al-Kha:lidiyy (1998), *op.cit.*, j. 4, hal. 147-153.

Sekalipun kisah Yahya (a.s) datang dalam bentuk yang i:ja:z tetapi mengandungi pengajaran-pengajaran yang berguna untuk diaplikasikan dalam kehidupan.

### 6.7.2 Itna:b Dalam Kisah Maryam Dan Isa (a.s)

Kisah Maryam merupakan salah satu dari kisah yang disebut secara itna:b dalam surah Maryam. Semasa Allah (s.w.t) menyebut berhubung Yahya (a.s) dalam surah Maryam, al-Qur'an tidak menyebut kisah kelahirannya dan memadai dengan menyebut ( Surah Maryam ayat 7):

يَنْزَكِرِيَا إِنَّا نُبَشِّرُكَ بِغُلَامٍ اسْمُهُ يَحْيَىٰ لَمْ نَجْعَلْ لَهُ مِنْ قَبْلُ سَمِيًّا ﴿٧﴾

(Nabi Zakaria diseru setelah dikabulkan doanya):"Wahai Zakaria! Sesungguhnya Kami memberikan khabar yang mengembirakanmu dengan mengurniakan seorang anak lelaki bernama Yahya, yang Kami tidak pernah jadikan sebelum itu, seorangpun yang senama dengannya".

Al-Qur'an tidak menerangkan bagaimana ibu Yahya (a.s) mengandung, di mana mengandung, bagaimana Yahya (a.s) dilahirkan dan dibesarkan. Al-Qur'an hanya menyebut sifat-sifatnya pada usia kanak-kanak. Setelah menyebut berita gembira ini al-Qur'an tidak menyebut aspek-aspek ini tetapi terus menyebut: “ Wahai Yahya! Berpeganglah dengan kitab Taurat kerana aspek-aspek tersebut bukanlah elemen utama dalam kisah.<sup>140</sup>

Apabila al-Qur'an menjelaskan kisah kelahiran Isa (a.s), al-Qur'an menyebut kisah Isa (a.s) yang bercakap semasa bayi secara itna:b iaitu ayat 19-29. Firman Allah (s.w.t):

<sup>140</sup> Ibn al-Athi:r (1959), *op.cit.*, j. 2, hal. 293, al-Zarkasyiyy (1994), *op.cit.*, j. 3, hal. 265, Badawiyy (1951), *op.cit.*, hal. 127, Qutb, Sayyid (1996), j. 4, hal. 2303, Ibn 'A:syu:r (1997), j. 16, hal. 75.

قَالَ إِنِّي عَبْدُ اللَّهِ ءَاتَنِي الْكِتَابَ وَجَعَلَنِي نَبِيًّا ۖ وَجَعَلَنِي مُبَارَكًا أَيْنَ مَا كُنْتُ وَأَوْصَانِي بِالصَّلَاةِ وَالزَّكَاةِ مَا دُمْتُ حَيًّا ۖ وَبَرًّا بِوَالِدَتِي وَلَمْ يَجْعَلْنِي جَبَّارًا شَقِيًّا ۖ وَالسَّلَامُ عَلَيَّ يَوْمَ وُلِدْتُ وَيَوْمَ أَمُوتُ وَيَوْمَ أُبْعَثُ حَيًّا ۖ

Ia menjawab: " Sesungguhnya Aku ini hamba Allah; ia telah memberikan kepadaku Kitab (Injil), dan ia telah menjadikan daku seorang Nabi. Dan ia menjadikan daku seorang yang berkat di mana sahaja aku berada, dan diperintahkan daku mengerjakan sembahyang dan memberi zakat selagi aku hidup" serta (diperintahkan daku) taat dan berbuat baik kepada ibuku, dan ia tidak menjadikan daku seorang yang sombong takbur atau derhaka. Dan segala keselamatan serta kesejahteraan dilimpahkan kepadaku pada hari aku diperanakkan dan pada hari aku mati, serta pada hari aku dibangkitkan hidup semula (pada hari kiamat)".

Al-Qur'an menyebut secara itna:b kisah Maryam (a.s) dan Isa (a.s) di dalam surah Maryam sesuai dengan tajuk utama surah yang disebut oleh Qutb, Sayyid sebagai keesaan atau aqidah tauhid .<sup>141</sup>

Tujuan al-Qur'an menyebut kisah Maryam (a.s) dan Isa (a.s) secara itna:b adalah untuk menafikan syirik dan menolak dakwaan golongan yang mendakwa bahawa Isa (a.s) adalah anak tuhan. Penulis mendapati inilah satu-satunya tempat di dalam al-Qur'an di mana Allah (s.w.t) menyebut ucapan Nabi Isa (a.s) semasa bayi. Ucapannya yang bermula dengan Sesungguhnya saya adalah hamba Allah. Perkataan ini adalah suatu yang istimewa kerana hanya disebut sekali sahaja di dalam al-Qur'an iaitu dalam surah Maryam. Demikian juga frasa-frasa -

يٰٓاِسْحٰقُ - يٰٓاِسْحٰقُ - يٰٓاِسْحٰقُ - يٰٓاِسْحٰقُ - يٰٓاِسْحٰقُ

semuanya merupakan frasa yang khusus untuk nabi Isa (a.s) kerana ianya tidak digunakan di tempat-tempat lain di dalam al-Qur'an. Ungkapan-ungkapan ini jelas sekali menunjukkan Isa (a.s) adalah seorang hamba Allah dan seorang Nabi; dikurniakan kitab, diberi wasiat mengerjakan solat dan berzakat, berbakti kepada ibu;

<sup>141</sup> Qutb, Sayyid (1996), j. 4, hal. 2229, 2326.

semuanya ini adalah sifat-sifat manusia dan sebagai bukti baginda (a.s) adalah makhluk dan bukan tuhan. Tambahan pula penyebutan ucapan Isa (a.s) tidak disebut di dalam kitab Taurat. Ini juga membuktikan i'jaz al-Qur'a:n khususnya dalam membawa perkhabaran ghaib.

Tujuan itna:b dalam menyebut ucapan Isa (a.s) adalah untuk menolak dakwaan golongan yang mendakwa ketuhanan Isa (a.s). Bahkan al-Qur'an tidak memadai dengan menyebut perkara luar biasa yang berlaku pada nabi Isa (a.s) yang dilahirkan dalam keadaan yang luar biasa, boleh bertutur semasa masih bayi, bahkan al-Qur'an menyusulinya dengan menyebut ulasan iaitu dalam firman Allah (s.w.t):

ذَلِكَ عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ ۚ قَوْلَ الْحَقِّ الَّذِي فِيهِ يَمْتَرُونَ ﴿١٧﴾ مَا كَانَ لِلَّهِ أَنْ  
يَتَّخِذَ مِنْ وَلَدٍ ۚ سُبْحٰنَهُ ۚ إِذَا قَضَىٰ أَمْرًا فَإِنَّمَا يَقُولُ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ ﴿١٨﴾ وَإِنَّ  
اللَّهَ رَبِّي وَرَبُّكُمْ فَاعْبُدُوهُ ۚ هٰذَا صِرَاطٌ مُّسْتَقِيمٌ ﴿١٩﴾ فَاخْتَلَفَ الْأَحْزَابُ مِنْ  
بَيْنِهِمْ ۗ فَوَيْلٌ لِّلَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ مَّشْهَدِ يَوْمٍ عَظِيمٍ ﴿٢٠﴾ أَسْمِعْ بِهِمْ وَأَبْصِرْ يَوْمَ يَأْتُونَنَا  
لَٰكِنَ الظَّٰلِمُونَ الْيَوْمَ فِي ضَلٰلٍ مُّبِينٍ ﴿٢١﴾

Yang demikian sifat-sifatnya itulah Isa Ibn Maryam. keterangan yang tersebut ialah keterangan yang sebenar-benarnya, yang mereka ragu-ragu dan berselisihan padanya. Tiadalah layak bagi Allah mempunyai anak. Maha Sucilah ia, apabila menetapkan jadinya sesuatu perkara, maka hanyalah ia berfirman kepadanya: "Jadilah engkau", lalu menjadilah ia. Dan Sesungguhnya Allah ialah Tuhanku dan Tuhan kamu maka sembahlah kamu akan Dia. Inilah jalan yang betul lurus " Kemudian, golongan-golongan (dari kaumnya) itu berselisihan sesama sendiri. maka kecelakaanlah bagi orang-orang kafir (yang berselisihan) itu, dari apa yang disaksikan pada hari yang besar huru-harannya. Sungguh jelas pendengaran dan penglihatan mereka yang kafir itu semasa mereka datang mengadap Kami pada hari akhirat. tetapi orang-orang yang zalim (dengan perbuatan kufur dan maksiat) pada masa di dunia ini, berada dalam kesesatan yang nyata

Fakta ini disokong dengan tafsiran Qutb, Sayyid yang menjelaskan fungsi penyebutan kisah ini dalam surah Maryam:

“Demikianlah Isa (a.s) mengisytiharkan kehambaannya kepada Allah (s.w.t). Baginda (a.s) bukanlah anak-Nya seperti yang didakwa oleh sesetengah golongan. Baginda bukanlah tuhan sebagaimana yang didakwa oleh mereka. Baginda bukan tiga dalam satu, mereka bukan tuhan yang esa, mereka tiga, baginda juga mengisytiharkan Allah (s.w.t) menjadikannya seorang nabi, Allah memberkatinya dan memerintahkannya dengan solat dan zakat sepanjang hidupnya. Dia seorang yang berbakti dengan ibunya, bersifat tawaduk dengan anggota keluarganya. Dia juga diberi kehidupan yang terbatas yang mempunyai tempoh yang tertentu, dia mati dan dibangkitkan. Dan Allah (s.w.t) mentakdirkan keselamatan, keamanan dan ketenangan kepadanya pada hari dia dilahirkan, pada hari kematiannya dan pada hari dia dibangkitkan semula. Ini adalah teks yang nyata berhubung kematian Isa (a.s) dan kebangkitan yang tidak boleh dita’wilkan dan didebatkan hakikatnya. Dan al-Qur’an tidak menambah sesuatu (fakta yang lain) selain dari babak ini. Al-Qur’an tidak menyatakan bagaimana kaumnya berdepan dengan peristiwa luar biasa dan apakah yang dilakukan oleh Maryam (r.a) dan anaknya Isa (a.s)? Juga tidak menyebut bilakah Isa (a.s) dilantik menjadi Nabi seperti yang disebut, dia berkata: Aku diberi kitab dan dia menjadikan aku Nabi. Persoalan-persoalan ini tidak disebut kerana kisah kelahiran Isa (a.s) adalah tujuan penyebutannya di tempat ini (dalam surah Maryam). Ketika mana al-Qur’an sampai dibabak yang luar biasa al-Qur’an menutup tirai cerita untuk menyatakan tujuan penyebutan kisah tersebut dalam bentuk fakta...<sup>142</sup>

Analisis ini menunjukkan i’ja:z al-Qur’a:n. Al-Qur’an menyebut secara i’ja:z di tempatnya dan menyebut secara itna:b di tempatnya dan al-Qur’an tidak menambah sesuatu yang tidak berfungsi atau sesuatu yang mempunyai tujuan yang jelas.

## 6.8 Penutup

Bab ini membincangkan i’ja:z baya:niyy dalam struktur ayat surah Maryam. Analisis menunjukkan penggunaan penegasan berfungsi menunjukkan kedaifan penutur, mengukuhkan pernyataan dalam diri penutur, penutur menambahkan keyakinan kerana penutur berada dalam situasi menakutkan, pendengar atau pembaca meragui berita yang diterima, menegaskan janji Allah (s.w.t) dan menghibur Nabi (s.a.w).

---

<sup>142</sup> Qutb, Sayyid (1996), j. 4, hal. 2308.

Penggunaan gaya bahasa ta'rif berfungsi memuliakan, mengagungkan, memuji, membawa berita gembira, memohon rahmat dan belas kasihan dari Allah (s.w.t), menghibur, menghina, memberi amaran, memperkecilkan, mempertahankan diri, serta memberi pengajaran dan bukannya mengaibkan pelaku, mengisyaratkan sesuatu yang abstrak sebagai suatu yang dapat dilihat, sebab penetapan sesuatu hukum, membawa maksud yang menyeluruh atau maksud yang tertentu. Gaya bahasa tanki:r pula digunakan untuk menunjukkan maksud yang banyak, menunjukkan keagungan dan kemuliaan, membawa maksud sedikit dan penentuan tempat bukan tujuan.

Penggunaan i:ja:z dalam surah Maryam berfungsi menegaskan khabar, menunjukkan dekatnya seorang hamba dengan Allah (s.w.t), perkataan yang digugurkan telah diketahui, memberi fokus kepada perbuatan bukannya objek, dan perbuatan hanya layak bagi pelaku. Iṭna:b digunakan dalam surah Maryam untuk mempertahankan maruah, menunjukkan keistimewaan golongan tertentu, menegaskan al-Qur'an sebagai sumber rujukan berhubung kisah-kisah Nabi, memberi nasihat, memuji dan memuliakan, mengugut golongan musyrikin, menagih simpati dan memberi ancaman. Penggunaan i:ja:z dan iṭna:b dalam pengkisahan bertepatan dengan mesej yang ingin disampaikan disebalik pengkisahan.